

27 MAC 2018 (SELASA)



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS TAHUN 2018

PENGGAL KEENAM

MESYUARAT PERTAMA

SHAH ALAM, 27 MAC 2018 (SELASA)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, S.P.M.S. (Bukit Antarabangsa)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

27 MAC 2018 (SELASA)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar

27 MAC 2018 (SELASA)

D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Datuk Halimaton Saadiah Binti Bohan
D.P.S.M., A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Datuk Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan, D.I.M.P. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Telok Datok)

**TIDAK HADIR
(Dengan maaf)**

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi bin Nik Sulaiman, D.I.M.P., A.S.A.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Mohd Khairul Ashraff Bin Radzali, P.P.T.
Setiausaha Bahagian Dewan

Puan Teepah a/p Athimoolam
Penolong Setiausaha Dewan

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha Pentadbiran

Puan Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Bentara

Encik Abdul Khalil bin Sabiis
Encik Mohd Redzuan bin Adam
Encik Nilam Mersa Mansur bin Osman
Encik Jamil Hasib bin Abd Karim

Pelapor Perbahasan

Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid
Encik Mohamad Izad Shafiq Bin Ahmad Mashudi

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN : *Bismillahirrahmanirrahim.* Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat Bagi Mesyuarat Pertama Penggal Ke-6 Dewan Negeri Selangor Yang Ke-13 Pada 27 Mac 2018 dimulakan dengan bacaan doa.

Bacaan Doa.

TUAN SPEAKER : Salam sejahtera dan selamat datang kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-Ahli EXCO, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negeri, Pegawai Kerajaan dan para pemerhati sekalian. Bertemu kembali dalam Mesyuarat Pertama Dewan yang mulia ini bagi Penggal Ke-6 Dewan Negeri Selangor yang Ke-13. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Puan Gan Pei Nei, Ahli Dewan Negeri Rawang yang telah selamat melahirkan bayi perempuan pada 5 Mac dan kini sedang cuti bersalin. Tanpa melengahkan masa, saya mempersilakan Setiausaha Dewan untuk meneruskan Aturan Urusan Mesyuarat pada pagi ini.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, membentangkan Kertas-Kertas Mesyuarat. Kertas Mesyuarat Bilangan 1 Tahun 2018, Rang Undang-Undang Enakmen Pemakaian Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 2018. Kertas Mesyuarat Bilangan 2 Tahun 2018, Penyata Kewangan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) bagi tahun berakhir 31 Disember 2016. Kertas Mesyuarat Bilangan 3 Tahun 2018, Penyata Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (Public Account Committee – PAC) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung Laporan Ketua Audit Negara mengenai Pengurusan Aktiviti Kewangan Jabatan, Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor bagi Tahun 2016 Siri 1. Kertas Mesyuarat Bilangan 4 Tahun 2018, Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pengurusan Sumber Air Selangor (*Special Select Committee On Water Resource Management Of The State of Selangor*) JPK-SAS bagi Dewan Negeri Selangor berhubung Bekalan Air Berkualiti dari Stesen Pam dan Muka Sauk Semantan Pahang. Kertas Mesyuarat Bilangan 5 Tahun 2018, Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pengurusan Sumber Air Selangor (*Special Select Committee On Water Resource Management Of The State of Selangor*) JPK-SAS bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Tarif Air Domestik Pangsapuri Perkhidmatan.

Kertas Mesyuarat Bilangan 6 Tahun 2018, Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri JP-ABAS bagi Dewan Negeri Selangor berhubung Keretakan Dan Tanah Mendap Di Kawasan Kediaman Seksyen 23 Shah Alam. Kertas Mesyuarat Bilangan 7 Tahun 2018, Penyata

Jawatankuasa Pilihan mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri JP-ABAS bagi Dewan Negeri Selangor berhubung Status Kewangan Dan Operasi Universiti Selangor, UNISEL. Kertas Mesyuarat Bilangan 8 Tahun 2018, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan, Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor bagi Tahun 2016 Siri 2 dan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Selangor Tahun 2016. Kertas Mesyuarat Bilangan 9 Tahun 2018, Laporan Tahunan 2016 Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor. Kertas Mesyuarat Bilangan 10 Tahun 2018, Laporan Tahunan 2017, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor. Aturan Mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER : Baiklah, nanti kalau ada Ahli Dewan Negeri yang tidak ada di dalam dewan, saya tidak benarkan sesiapa Ahli Dewan Negeri yang lain mengambil soalan beliau ya. Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker. Soalan No. 1.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : PRESTASI KUTIPAN SAMPAH DAN PEMBERSIHAN OLEH KDEB

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
 - a) Sila nyatakan setakat ini bagaimanakah prestasi kutipan sampah oleh KDEB.
 - b) Sila nyatakan setakat ini bagaimanakah prestasi kerja-kerja pembersihan oleh KDEB.
 - c) Sila nyatakan apakah perancangan jangka masa pendek dan panjang KNS dalam konteks mempertingkatkan mutu perkhidmatan kutipan dan pembersihan sampah.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Tuan Speaker terima kasih, kepada Sekinchan berdasarkan pemerhatian KDEB *Waste Management* dilihat serius di dalam memastikan kejayaan pelaksanaan model baharu perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam berdasarkan mandat yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri sepanjang pelaksanaan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di 3 PBT berkaitan. Terdapat *trend* penurunan yang *significant* dari

aspek statistik aduan. *Trend* ini menunjukkan terdapat peningkatan keyakinan rakyat terhadap pengurusan sisa pepejal. Dari segi jumlah kutipan sisa pepejal pula, lebih banyak sisa pepejal domestik dikutip, anggaran 650 hingga 700 tan sehari. Melalui pengguna aset yang terkini dan mencukupi. Secara purata jumlah tan sisa pepejal yang dikutip di ketiga-tiga PBT adalah sebanyak 15,384 tan setiap bulan pada tahun 2017. Dengan lori kompaktor dan lori RORO yang baru serta dilengkapi dengan teknologi yang baru dan sistem kerja yang teratur, jumlah sampah yang dikutip meningkat dari semasa ke semasa.

Antara fokus utama Kerajaan Negeri dalam memberikan perkhidmatan terbaik untuk rakyat adalah melalui penstrukturan semula pengurusan sisa pepejal dan meningkatkan kecekapan operasi dengan memperkenalkan KDEB *Waste Management Sdn. Bhd.* sebagai *Project Management Company (PMC)* yang bertanggungjawab sebagai Pengurus bagi pelaksanaan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Negeri Selangor. Setelah kejayaan pelaksanaan perkhidmatan ini dapat dilihat di MPK, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk meluluskan peluasan perkhidmatan PMC di Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan Majlis Perbandaran Selayang menggunakan modus operandi yang sama. Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk membangunkan Negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang berkonsep *Smart City, Smart State*. Kerajaan Negeri turut merancang untuk memperluaskan perkhidmatan PMC ke lain-lain PBT pada masa akan datang. Selain itu, KDEB *Waste Management Sdn. Bhd.* juga telah memperkenalkan inisiatif baru bagi mempertingkatkan keseluruhan operasi pusat sisa pepejal di PBT berkenaan iaitu satu, pemberian lori kompaktor baru dilengkapi sistem pemantauan *auto vehicle locating system*, kamera undur dan cctv kepada sub kontraktor menggunakan kaedah sewa beli. Dua, penggunaan sebuah lori kompaktor baru di setiap zon iaitu satu lori di satu zon. Tiga, pewujudan *centralized command centre* yang berperanan sebagai pusat kawalan operasi KDEB *Waste Management* dalam menerima aduan serta pemantauan, penyelia kawasan dan kontraktor kutipan. Empat, penggunaan telefon pintar yang dilengkapi dengan alat pengesan ataupun *tracker* bagi memantau pergerakan penyelia kawasan dan lori kompaktor. Lima, penggunaan aplikasi *i-Clean* sebagai salah satu medium kepada pengguna untuk menyalurkan aduan dan enam, penggunaan aset-aset lain selain kompaktor seperti *RORO* dan *Tricycles* sebagai aset sokongan. Sekian Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ucapkan tahniah kepada Seri Kembangan dan Kerajaan Negeri kerana telah memberi pencerahan dalam konteks isu sampah ini kerana baru-baru ini masih banyak orang

27 MAC 2018 (SELASA)

yang mengatakan kita ada masalah sampah. Bolehkah Yang Berhormat huraikan bagaimana dari segi aduan awam ya, orang ramai terhadap kes sampah ini? Kalau kita dah berjaya ya mengatasi masalah sampah seharusnya ada angka dari soal aduan-aduan itu minta penjelasan yang lebih *detail*.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Terima kasih kepada Sekinchan. Kalau ada aduan sampah, kita kena lihat maklumat yang terperinci di kawasan mana, PBT mana dan sebagainya. Tapi mengikut apa yang saya dapat hari ini untuk kongsi bersama dengan Yang Berhormat adalah mengenai apa yang kita laksanakan di ketiga-tiga PBT ini iaitu MPAJ, MPK dan juga MPS. Dengan statistik yang saya ada ini saya boleh kongsi dengan Yang Berhormat sekalian bagi contoh untuk MPK, untuk perkhidmatan kutipan domestik, di Oktober kita terima aduan 10 sahaja dan untuk 4 Disember, 11. Itu adalah satu statistik yang saya rasa amat kita membanggakan kalau berbanding dengan tahun-tahun yang lalu kerana isu sampah di Klang sebelum ini memang serius dan kita telah menurunkan statistik yang sangat rendah. Sekian.

TUAN SPEAKER : Sabak. Sabak tidak hadir. Kajang.

Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL : Terima kasih Assalamualaikum dan Salam Sejahtera. Soalan saya No. 3.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : TABUNG AMANAH PENDIDIKAN UNISEL (TAU)

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- a) Apakah kriteria dan sasaran bagi Kerajaan Negeri dalam memperkenalkan Skim Tabung Amanah Pendidikan UNISEL (TAU) kepada pelajar-pelajar?
 - b) Berapakah peruntukan yang disediakan?
 - c) Jumlah pelajar yang mendapat manfaat?

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Assalamualaikum dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kajang yang bertanya tentang Tabung Amanah Pendidikan UNISEL ataupun TAU. Bagi jawapan (a), setakat ini Kerajaan Negeri belum menetapkan sebarang kriteria yang khusus ya tetapi Tabung Amanah Pendidikan

27 MAC 2018 (SELASA)

UNISEL ini adalah inisiatif pihak UNISEL sendiri bagi membantu pelajar-pelajar yang memerlukan bantuan. Sasaran tabung ini adalah untuk menjaga kebajikan pelajar dan membantu mereka mengurangkan beban kewangan bagi menyara diri ketika belajar membeli buku dan membeli bahan-bahan keperluan kursus pelajar. Bantuan ini menunjukkan bahawa UNISEL di bawah Kerajaan Negeri sangat prihatin membantu pelajar yang menghadapi masalah kewangan. Rancangan jangka panjang UNISEL adalah untuk menubuhkan Yayasan UNISEL yang memberi penekanan kepada kebajikan pelajar dan pembangunan pendidikan. Tabung ini meletakkan kriteria berikut untuk memberikan sumbangan bagi pelajar Islam, mereka yang dalam kalangan keluarga berpendapatan RM3000 ke bawah, kategori ASNAF dan penerima zakat diberikan keutamaan untuk menerima bantuan. Bagi pelajar-pelajar bukan Islam, mereka yang di kalangan keluarga yang berpendapatan rendah bawah RM3000 dan menghadapi masalah kewangan untuk meneruskan pengajian diberikan keutamaan menerima bantuan.

Pada 2 Mac 2018, Tabung Amanah Pendidikan UNISEL telah menganjurkan Majlis Penyampaian Sumbangan kepada pelajar-pelajar daripada pelbagai latar belakang dan kaum yang memerlukan bantuan dan telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohammed Redzuan bin Othman, selaku Presiden & Naib Canselor UNISEL. Setakat ini, bagi jawapan (b) tiada peruntukan daripada Kerajaan Negeri sebarang perbelanjaan Tabung Amanah ini adalah daripada sumbangan yang diterima daripada staf dan pihak-pihak swasta oleh UNISEL. Jumlah pelajar yang mendapat manfaat setakat ini adalah sebanyak 232 orang pelajar. Ini adalah jumlah yang terkini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kajang.

Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Terima kasih kepada EXCO yang menjawab. Saya nak tanya soalan tambahan. Kita berterima kasih ke atas keprihatinan Kerajaan Negeri Selangor yang peka dengan keperluan-keperluan anak-anak ini, orang muda yang menghadapi ekonomi yang getir sewaktu belajar. Saya pun nak ingatkan bahawa janganlah kita menjadi macam Tabung yang menggunakan duit tabung membeli hartanah dengan menyeleweng beli hartanah di luar negeri sampaikan menjejaskan peluang biasiswa-biasiswa pendidikan untuk anak-anak kita, anak-anak bangsa kita jadi kalau boleh saya nak tahu apakah Kerajaan Negeri boleh mengembangkan juga, bercadang memperluaskan bantuan ini bukan sahaja kerana ada kutipan daripada pihak UNISEL tetapi juga pada IPTA yang lain. Terima kasih.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Terima kasih kepada Yang Berhormat

Kajang dan saya yakin Pegawai Kewangan Negeri dan Dato Menteri Besar akan memastikan perjalanan pengurusan tabung-tabung amanah yang ada di bawah seliaan Kerajaan Negeri dikawal dengan baik. Buat masa ini kita sebenarnya banyak skim kalau di UNISEL dan KUIS kita ada Basiswa Selangorku. Kita juga ada Program Peduli Siswa yang meliputi IPTA-IPTA yang berada di Negeri Selangor dan juga kita ada Tabung Kumpulan Basiswa Negeri Selangor yang terbuka kepada IPTA dan IPTS di seluruh negara. Jadi makna kita ada banyak skim-skim yang ada disediakan untuk rakyat Negeri Selangor dan kita juga ada program khas iaitu Basiswa Sagong Tasi untuk pelajar-pelajar daripada keluarga orang asal yang telah pun ada penerima manfaatnya. Jadi kita tidak mengehendkan faedah kita hanya kepada UNISEL mahupun kepada hanya IPT yang ada di Negeri Selangor. Pelbagai program yang kita buka kepada malah IPTA dan IPTS yang ada di seluruh negara.

TUAN SPEAKER : Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker soalan nombor 4.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PENCEROBOHAN HUTAN BAKAU

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah keluasan kawasan hutan simpan bakau yang telah dicerobohi di sepanjang pantai di Negeri Selangor?
- b) Apakah usaha untuk memulihkan semula hutan yang telah musnah akibat pencerobohan tersebut.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan, Speaker pada tahun 2017, terdapat 20 kes kesalahan hutan yang melibatkan penebangan dan kecurian kayu jaras bakau berjaya dikesan berlaku di kawasan Hutan Paya Laut ataupun Hutan Simpan Kekal di sepanjang pantai di Negeri Selangor. Daripada 20 kes tersebut, jumlah kayu jaras bakau yang telah ditebang adalah sebanyak 4,811 batang dan jumlah keluasan kawasan hutan bakau (HSK) yang di ceroboh hanyalah dianggarkan lebih kurang 4.00 hektar sahaja. Bagi kawasan-kawasan yang diceroboh, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) akan memulihkan kawasan-kawasan hutan bakau yang tersosot dengan aktiviti penanaman semula pokok-pokok bakau dan spesis-spesis pokok yang

bersesuaian. Selain itu, JPNS turut menganjurkan program-program kesedaran secara bulanan yang melibatkan penyertaan daripada pelajar-pelajar sekolah, institusi pengajian tinggi, masyarakat setempat serta badan-badan bukan kerajaan (NGO) dalam program menanam pokok-pokok hutan.

TUAN SPEAKER : Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Terima kasih Tuan Speaker. Selain daripada kehilangan sumber hasil hutan berikutan pencerobohan akibat daripada kecurian pokok-pokok bakau, hutan-hutan bakau, terdapat juga pencerobohan hutan ini dengan meneroka dan membina rumah-rumah kekal di atas hutan-hutan simpan bakau ini. Jadi adakah Kerajaan Negeri sedar tentang perkara ini dan apakah tindakan-tindakan yang telah dan sedang diambil untuk memastikan bahawa penguatkuasaan diambil dan dapat, kita nak tahu juga apakah langkah sudah bina rumah kekal sepatutnya perlu dirobuhkan dan pastikan kawasan itu tidak dicerobohi lagi. Sekian.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Sungai Burong. Setakat ini kita hanya menerima aduan daripada Yang Berhormat Sungai Panjang yang dikemukakan semasa Sidang DUN tahun lepas dan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah masuk ke kawasan tersebut iaitu di Daerah Sabak Bernam dan telah memusnahkan beberapa struktur rumah ataupun struktur pondok yang didapati dan pada masa yang sama bahan-bahan tersebut juga dibawa keluar. Jadi jika Sungai Burong ada aduan yang lebih terperinci ataupun maklumat yang lebih terperinci Jabatan Perhutanan Negeri Selangor sedia menerima aduan Yang Berhormat.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Penjelasan pada jawapan tadi saya tidak berapa puas hati kerana adakah Kerajaan Negeri ataupun Pejabat Hutan hanya bertindak dengan aduan sedangkan sepatutnya kawasan-kawasan hutan perlu dipantau. Saya di Sungai Burong ada tapi saya tidak membuat aduan sebab kita hendak lihat sejauh mana Jabatan Hutan melaksanakan tugas pemantauannya, benda ini *rampant* kadang-kadang buat untuk dijadikan sebagai aktiviti haram, kadang dibuat yang merisaukan pembinaan rumah-rumah kekal. Sepatutnya Jabatan Hutan sentiasa pergi melihat kawasan ini dan membuat pemantauan. Jika pemantauan tidak dilakukan apakah kekangannya. Ini tidak dijelaskan, saya minta penjelasan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Jabatan Perhutanan Negeri Selangor mengadakan pemantauan dan rondaan yang berkala. Maksudnya semua pegawai-pegawai penguat kuasa di bawah JPNS memang pergi meronda, tidak menunggu aduan sahaja. Oleh sebab itu kita dapat mengesan 20 kes dan kita dapat merampas kayu jaras bakau sebanyak 4,811. Kalau tunggu aduan sahaja memang kita tidak akan dapat ke banyakkian kes-kes pencurian atau pencerobohan tetapi saya ingin ingatkan kepada bukan sahaja Yang Berhormat Sungai Burong tetapi semua Yang

27 MAC 2018 (SELASA)

Berhormat kalau nampak kesalahan yang dilakukan, kalau nampak ada pencerobohan sila maklumkan kepada pihak yang berkuasa dan jangan tunggu duduk atas kerusi, jangan buat kes 1MDB sahaja. Duduk goyang kaki tunggu orang untuk menguatkuasakan. Buat laporan baru kita dapat menangani masalah bukan duduk senyum dan buat *nothing at all*.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker, dia tidak menjawab soalan saya. Yang pertama dia menjawab.

TUAN SPEAKER : Sungai Burong saya ada dengar jawapan, jawapannya adalah pemantauan berkala oleh sebab itu mereka ada statistik yang telah diberikan tadi.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Itu pokok-pokok, dia jawab pokok-pokok yang ditebang tetapi ini selidik yang lain saya tanya selain pokok yang ditebang juga bangunan-bangunan, struktur yang ini tidak ada jawapan tidak ada pemantauan dan tindakan tiada lagi dan saya ingat janganlah nak tuduh tidak buat kerja dan sebagainya. Ini tanggungjawab pada Jabatan Hutan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tadi Sungai Burong cakap nak duduk saja dan lihat sahaja pegawai bertindak tetapi kalau ada kesalahan berlaku di depan mata tapi bisu maksudnya kamu sekongkol dengan orang yang buat salah.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Kita tidak sekongkol yang sekongkol kalau orang yang tidak melaksanakan pelaksanaan yang sekongkol.

TUAN SPEAKER : Baiklah, Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker dan selamat pagi soalan saya yang Kelima.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PROGRAM HIJRAH SELANGOR

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah cara-cara yang telah dan boleh diambil oleh Kerajaan untuk memulihkan pinjaman usahawan yang diberi oleh Program Hijrah Kerajaan Selangor kepada mereka yang gagal membuat bayaran balik mengikut jadual seperti yang dijanjikan?

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Kampung Tunku atas soalan yang telah dikemukakan. Sebelum saya menjelaskan apakah tindakan yang dilakukan oleh Hijrah untuk mengutip hutang-hutang daripada penghutang-penghutang yang tegar suka saya merekodkan di sini bahawa sebanyak 797 peminjam-peminjam Hijrah adalah peminjam-peminjam tegar yang tidak membayar hutang dan kadar ini adalah sangat terkawal kerana hanya meliputi 1.2% daripada keseluruhan peminjam-peminjam yang telah melakukan pinjaman tersebut. Justeru untuk memastikan pinjaman ini dapat dikutip sebab itu kita dapat mengekalkan pada kadar 8.5% kadar pinjaman ataupun kutipan balik pinjaman. Untuk memastikan peminjam-peminjam tegar ini dan dapat memastikan mereka membayar ada beberapa langkah kita lakukan. Yang pertama memberikan peringatan secara lisan. Ini dilakukan oleh pengutip-pengutip kita dan pengurus-pengurus kita di setiap cawangan bagi setiap cawangan-cawangan yang ada di seluruh Negeri Selangor. Kemudiannya masuk minggu kedua mereka gagal kita akan memaklumkan melalui sistem pesanan ringkas ataupun SMS kepada peminjam-peminjam tegar yang tersebut. Masuk minggu ketiga bagi kali ketiga mereka gagal membayar pinjaman kita akan memberikan amaran ataupun surat-surat amaran yang telah kita *chartered* kan ataupun kita pos kan kepada pihak peminjam-peminjam tegar tersebut. Setelah hal tersebut berlangsung minggu keempat ataupun kelima masih lagi berlaku kita akan melaksanakan secara *task force* yang dilaksanakan sendiri oleh pihak HIJRAH di Negeri Selangor ke rumah-rumah atau permis-permis perniagaan mereka dan memastikan mereka membayar pinjaman kalau pereka masih berdegil kita akan meneruskan dengan melalui *call centre* kita secara berperingkat ataupun secara berkala seminggu sekali untuk memberi peringatan kepada mereka. Akhirnya selepas mereka gagal selepas tamat maknanya selama pinjaman mereka selama setahun mereka gagal kita akan minta di senarai hitamkan dan kita hantar nama mereka kepada pemungut ataupun pengutip hutang atau *debt collector* dengan izin untuk memastikan senarai peminjam-peminjam tegar ini dapat dikurangkan. Terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Soalan tambahan . Tadi ada nyatakan

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tadi ada nyatakan oleh EXCO bahawa hanya 790 orang peminjam tegar iaitu 1.2% sahaja yang masih tidak dapat membayar balik kepada Kerajaan Negeri Selangor tetapi jawapan ini tidak ada disebut tentang amaun yang tertunggak. Saya memohon sekiranya EXCO kalau boleh memaklumkan pada Dewan yang mulia ini berkenaan tindakan undang-undang yang boleh kita ambil untuk mengambil balik memulihkan tunggakan ini. Yang Berhormat tidak menyatakan berkenaan tindakan undang-undang termasuk rampasan balik harta termasuk tindakan bankrap yang saya rasa perlu dilakukan cara yang terakhir . Jadi adakah itu menjadi

27 MAC 2018 (SELASA)

dasar kerajaan untuk menggunakan tindakan undang-undang selain menggunakan *debt collector* selain memastikan hutang ini dipulihkan secepat mungkin. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Kampung Tunku, daripada 1.2% ataupun 797 orang ini sejumlah 4.9 juta gagal dikutip setakat ini daripada keseluruhan 389 juta yang telah dikeluarkan daripada pinjaman daripada angka 1.2% kita catatkan. Mengenai cadangan Yang Berhormat insyaallah kita akan bawa supaya yang paling penting sekarang kita senarai hitamkan dahulu di CCRIS ataupun di CTOS senarai-senarai tindakan ini ataupun tindakan selanjutnya di samping pihak Kerajaan Negeri ataupun HIJRAH juga mengenakan insurans kepada peminjam-peminjam ini supaya pihak HIJRAH yang memberi pinjaman ini terkawal ataupun pinjaman itu berjaya dilindungi dengan skim insurans bagi mengelakkan kita kehilangan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker, Soalan nombor 6.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN (N54 TANJUNG SEPAT)

TAJUK : PROGRAM KISS

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sehingga Mac 2018, berapakah permohonan peserta Program KISS yang telah diluluskan?
- b) Nyatakan jumlah kelulusan mengikut Daerah dan Kawasan Dewan negeri (DUN)?
- c) Adakah kerajaan berhasrat untuk menambah peruntukan bagi membolehkan ramai lagi peserta dapat dibantu?

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL (N25 KAJANG)

TAJUK : SKIM RAWATAN JANTUNG SELANGOR

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah manfaat kerjasama Institut Jantung Negara, khususnya dalam program peduli jantung menerusi Skim Rawatan jantung Selangor yang dilancarkan 26 Februari 2018 dan sila nyatakan.
- b) Jumlah rakyat Selangor yang bakal mendapat manfaat?
- c) Adakah peruntukan RM10 juta memadai?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Sekinchan. Tuan Speaker soalan ini dijawab sekali dengan soalan nombor 39 daripada Yang Berhormat Kajang. Skim Rawatan Jantung Negeri Selangor telah dilancarkan pada 26 Februari 2018 dengan peruntukan sebanyak RM100 juta setahun yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri Selangor dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS). Skim ini dikendalikan oleh anak syarikat PKNS iaitu Selgate Corporation melalui anak syarikat milikannya iaitu Selcare management Sdn. Bhd yang akan bertindak selaku *third party administrator* dan Selcare bekerja sama dengan Institut Jantung Negara (IJN) dalam memberikan rawatan kepada pesakit yang layak. Institut jantung negara (IJN) dipilih kerana IJN merupakan hospital pakar dan mempunyai doktor-doktor pakar yang terlatih dan antara yang terbaik di negara ini bagi memberikan rawatan kepada para pesakit jantung. IJN berperanan merawat pesakit jantung yang memerlukan pembedahan *coronary, cardiology* dan kes *pediatric*. Semua pesakit jantung yang serius di seluruh negara dirujuk ke IJN bagi mendapatkan rawatan lanjut dengan mengadakan kerjasama ini rakyat Selangor yang berpendapatan rendah akan mendapat rawatan jantung secara percuma yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri bagi meningkatkan tahap kesihatan dan kualiti hidup. Inisiatif ini sangat penting memandangkan kos rawatan pesakit jantung merupakan kos rawatan kesihatan yang tertinggi di Malaysia. Skim ini terbuka pada warganegara Malaysia yang lahir di Negeri Selangor atau yang telah menetap di Selangor melebihi 10 tahun dan mempunyai pendapatan isi rumah yang tidak melebihi RM8,000 sebulan. Pesakit jantung yang menepati kriteria boleh membuat permohonan di pihak selcare bagi mendapatkan *guarantee letter* sebelum mendapatkan rawatan di IJN sehingga 18 Mac 2018 seramai 9 orang pesakit telah menjalani rawatan jantung di bawah program ini dengan jumlah sebanyak RM44,132.20. Kerajaan Negeri menyasarkan 500 pesakit jantung akan menerima manfaat di bawah program ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Saya bagi Paya Jaras dahulu.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya berhubung dengan kos rawatan kita difahamkan kos di rawatan

27 MAC 2018 (SELASA)

di Pusat Jantung UiTM di Sungai Buloh separuh lebih murah daripada kos yang dikenakan oleh IJN. Jadi apakah Kerajaan boleh mempertimbangkan pesakit dirujuk ke hospital UiTM Sungai Buloh untuk kes jantung ini.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Paya Jaras. Buat masa ini kita telah pun memeterai perjanjian dengan pihak IJN namun para pesakit-pesakit jantung yang ada di seluruh Negeri Selangor, apabila mereka memerlukan pembiayaan jantung, pihak Kerajaan Negeri mempunyai satu lagi program untuk membantu para pesakit yang memerlukan bantuan iaitu mereka boleh memohon melalui bantuan Kesihatan Sihat Selangor. Dan daripada program tersebut Kerajaan Negeri boleh memberikan bantuan sehingga maksima RM5,000.00 seorang *one-off*, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Puan Speaker. Berkaitan dengan Skim Rawatan Jantung ini apabila seseorang pesakit telah menerima rawatan, mungkin hampir RM5,000.00 silingnya yang dikatakan, bagaimana dengan rawatan susulannya adakah terpaksa ditanggung oleh pesakit tersebut atau kerajaan mempunyai bantuan lain untuk meringankan bebanan kerana jantung ini dia perlukan rawatan susulan kemudian, sila beri pencerahan.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Sekinchan. Untuk rawatan susulan pihak pesakit boleh mendapatkan rawatan susulan sehingga dua kali di IJN dan seterusnya mereka akan kembali ke hospital sedia ada yang merawat mereka sebelum ini dan untuk makluman tadi, UiTM Sungai Buloh. UiTM Sungai Buloh juga merujuk kes-kes jantung yang complicated ke IJN. Jadi maknanya ia masih lagi berkisar di situ dan membolehkan para pesakit ini boleh mendapatkan bantuan rawatan jantung daripada pihak Kerajaan Negeri Selangor, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Baiklah Taman Medan, tidak hadir. Batang Kali tidak hadir, Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima kasih Puan Speaker, soalan No. 9.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : RUMAH SELANGORKU

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

27 MAC 2018 (SELASA)

- a) Apakah statistik bilangan rumah Selangorku yang dirancang, dilancarkan, sedang dibina dan siap dibina oleh PKNS?
- b) Apakah purata kerugian atau subsidi PKNS bagi setiap rumah Selangorku yang dibina?
- c) Berapa peratus hasil jualan PKNS adalah daripada jumlah Selangorku?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Assalamualaikum wbt. selamat sejahtera, selamat pagi dan bismillahirrahmannirahim. Terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya statistik bilangan rumah Selangorku yang dirancang, yang dilancarkan atau sedang dibina atau yang siap dibina oleh PKNS. Untuk projek yang telah siap yang telah siap adalah di Bukit Botak iaitu sebanyak 1,422 unit. Di Kota Puteri sebanyak 198 unit yang merupakan *town house* 2 tingkat di Hulu Langat, Bandar Baru Bangi pangsapuri 700 hingga 800 kaki persegi 124 unit. Di Hulu Selangor di antara Gapi, rumah teres 1 sesetengah tingkat 129 unit. Di antara Gapi teres 2 tingkat, 80 unit. Di Petaling, Seksyen U10 Desa Alam Pangsapuri, 850 hingga 900 kaki persegi sebanyak 104 unit. Keseluruhan yang telah siap dibina adalah sebanyak 2,057 unit. Sementara yang dalam pembinaan adalah di Hulu Selangor iaitu teres 2 tingkat di Taman Queen Rasah sebanyak 66 unit, di Sepang, Selangor Cybervalley Pangsapuri 14 dan 15 tingkat 1,000 kaki persegi sebanyak 864 unit. Di Klang, di Kampung Jawa melalui anak syarikat PKNS Sdn Bhd Pangsapuri 4 tingkat iaitu 700 hingga 900 kaki persegi iaitu 84 unit keseluruhannya adalah 1014 unit. Sementara yang dalam perancangan tahun 2018 ini adalah di Gombak iaitu di Kota Puteri Pangsapuri 1000 kaki persegi 930 unit dan juga teres 2 tingkat sebanyak 140 unit dan juga teres 2 tingkat 210 unit. Sementara di Gombak juga di Kampung Seri Temenggung iaitu syarikat penswastaaan PKNS bersama dengan sebuah syarikat swasta iaitu Pangsapuri 750 hingga 1000 kaki persegi sebanyak 420 unit. Di Hulu Selangor, di Bernam Jaya teres 2 tingkat sebanyak 100 unit dan di Shah Alam di Seksyen U5 atau di Subang Bestari iaitu pangsapuri sebanyak 168 unit dan juga di Seksyen U5 juga di Subang Bestari iaitu pangsapuri 1000 kaki persegi sebanyak 54 unit. Untuk keseluruhan pertanyaan apakah kerugian atau pun subsidi PKNS bagi setiap rumah Selangorku yang dibina, saya boleh bagi untuk keseluruhan iaitu untuk projek yang telah siap dibina PKNS iaitu 4 lokasi 4 daerah yang telah dibina keseluruhan subsidiya adalah atau pun yang terpaksa dikeluarkan oleh PKNS adalah yang tidak dapat atau PKNS tidak mendapat pulangan daripada penjualan yang kerugiannya boleh dikatakan sebanyak RM90 juta. Dan projek dalam pembinaan keseluruhan jumlah subsidi adalah sebanyak 43.15 juta yang projek yang dalam perancangan itu sedang kami atau pun PKNS sedang menetapkan atau pun belum lagi menjangkakan berapa banyak kerugian secara tepat.

27 MAC 2018 (SELASA)

Untuk keseluruhan penerimaan jualan projek mahupun PKNS peratus berbanding jumlah penerimaan jualan harga bebas PKNS adalah seperti berikut iaitu pada tahun 2016 peratusan berbanding dengan jualan harga bebas dari segi kos iaitu 2016 adalah sebanyak 11%, 2017 juga adalah sebanyak 11%, terima kasih.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Kepada soalan ini yang terakhir bilangan unit yang antara rumah Selangorku dengan rumah harga bebas itu ada tak dari segi bilangan unit bukan saja peratus kos.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Unit tidak ada sekarang, saya perlu notis tapi kita hendak menunjukkan bahawa terdapat kos subsidi itu sebab kos atau pun harga jualan rumah Selangorku hanya adalah 11% daripada harga jualan keseluruhan rumah.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Jadi *review* PKNS ini hampir 90% daripada rumah harga bebas.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Ya *review* ini *sales* daripada PKNS. Kita lihat tadi bahawa untuk rumah yang telah siap dibina pun PKNS telah kerugian RM96 juta daripada keseluruhan jualan dan yang dalam pembinaan RM43.15 juta. Dan ini perlu kita *recoup* balik daripada jualan rumah harga bebas. Jadi bermakna ini kira menjawab soalan kenapa PKNS perlu membina rumah harga bebas. PKNS perlu membina harga bebas sebab kita hendak *subsidies* kepada rumah Selangorku. Sebab RM96 juta campur RM43 juta lebih daripada RM140 juta telah dikeluarkan oleh PKNS untuk membina rumah Selangorku, jadi bermakna bahawa ini telah diberikan balik kepada rakyat, bukan jual harga bebas untuk keuntungan. Keuntungan itu perlu untuk sebab *running* sebuah syarikat tetapi bermakna bahawa Kerajaan atau pun PKNS juga beri balik kepada rakyat, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Selat Klang.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih Puan Speaker, soalan No. 10.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : TAPAK MASJID DAN SURAU YANG TELAH DI GAZETKAN

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah tapak yang telah di gazetkan di daerah Klang dan di Selangor?

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Assalamualaikum wbt. dan salam sejahtera. Puan Speaker, Selat Klang bertanyakan berkaitan dengan tapak masjid dan surau yang telah di gazetkan. Tapak warta keagamaan Islam adalah tapak yang telah diwartakan di bawah kawalan Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Selangor atau pun JAIS dan tanah untuk kegunaan masjid, surau, sekolah agama Islam dan tanah perkuburan Islam. Jumlah tapak yang telah di gazetkan bagi daerah Klang adalah masjid 55 dan surau 60, terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Selat Klang.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Adakah pihak kerajaan mengadakan satu jadual untuk pastikan surau dan masjid yang memang dah lama beroperasi ini memang akan dibereskan pengazetannya?

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Saya kira bagi tapak-tapak yang diwartakan memang masih ada lagi yang dalam proses pewartaan contohnya di Klang ada 15 tapak yang masih dalam proses pewartaan. Dan saya suka juga memaklumkan di sini bahawa antara perkara yang menjadi kekangan kepada Jabatan Agama Islam Negeri Selangor adalah tapak-tapak yang bersifat tanah wakaf yang tidak didaftarkan secara oleh waris secara yang wakaf yang berdaftar dan akhirnya tapak-tapak ini menjadi permasalahan kepada pengurusan di Jabatan Agama Islam Selangor kerana sebahagiannya pewakaf itu sudah meninggal dunia dan sebahagian daripada warisnya juga tidak ada maklumat tentang berkaitan dengan tanah-tanah wakaf ini. Sebagai contoh kita ada beberapa tapak-tapak masjid yang disifatkan sebagai wakaf yang tidak berdaftar sebelum ini. Di masjid Batu 10 Hulu Langat, Surau Iktihdakhiah Hulu Langat yang mana ini antara beberapa tapak-tapak yang kita menghadapi masalah apabila tapak-tapak ini diwakafkan. Sebab itu saya merasakan perlu ada kerjasama yang baik

27 MAC 2018 (SELASA)

di antara pewaris-pewaris wakaf yang sudah meninggal dunia bagi pengurusan yang sebaiknya untuk pengurusan di peringkat Jabatan Agama Islam Negeri Selangor.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Puan Speaker, memandangkan saya punya soalan 83 berkaitan, saya ingin bertanya kepada pihak Exco isu yang berkaitan dengan gazet tanah-tanah masjid dan surau ini. Memandangkan terlalu lama sebenarnya ada yang di kawasan saya melebihi 15 tahun masih belum lagi mendapat warta ya untuk tapak itu di jadikan masjid atau pun surau. Sedangkan masjid itu pun dah hampir uzur sebenarnya. Jadi soalan saya apakah ada satu SOP tertentu yang telah di rangka oleh Jabatan Agama akhirnya ia boleh diikuti sebenarnya warta-warta tapak ini boleh dibuat dengan segera, terima kasih.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Batu Tiga. Sebenarnya memang saya sedia maklum bahawa banyak tapak-tapak ini dalam proses pewartaan hatta di Negeri Selangor secara keseluruhannya kita ada 625 tapak yang perlu kita selesaikan dan sekarang ini dalam proses pewartaan. Memang ada SOP cuma ialah dengan tanggung kerja yang tidak selesai begitu banyak dan secara spesifiknya saya akan lihat yang dibangkitkan oleh Batu Tiga tadi untuk kita ambil tindakan, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Baiklah Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Terima kasih Puan Speaker, soalan No. 11.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : MASALAH BANJIR

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- a) Tiap kali hujan seluruh kawasan Ijok akan menghadapi bencana banjir kilat. Apakah rancangan panjang dan menyeluruh dari Negeri Selangor dan JPS untuk mengatasi masalah banjir kilat yang kerap kali berlaku di DUN Ijok?

Y.B. TUAN Zaidy Bin Abdul Talib: Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera. Puan Speaker dan terima kasih kepada Ijok yang bertanya berkenaan dengan masalah banjir kilat di kawasan Ijok. Untuk makluman lokasi banjir yang kerap berlaku di kawasan Ijok berpunca daripada beberapa faktor dan pihak Kerajaan Negeri melalui JPS telah mengenal pasti beberapa cadangan yang perlu dilaksanakan dan perlu dirancang oleh semua agensi berkaitan. Berikut adalah antara perancangan dan cadangan pelaksanaan yang pertamanya berkenaan dengan sistem perparitan di kawasan Ijok ini sudah pasti perlu dipastikan selenggaraannya dengan sempurna dapat dilaksanakan. Dan di sana jabatan dan agensi yang bertanggungjawab bagi penyelenggaraan parit mengikut fungsi adalah seperti berikut:

- a) Penyelenggaraan Parit Utama (sistem perparitan tanah) oleh JPS yang telah pun dilaksanakan secara tahunan;
- b) Parit Sekunder Tanah antara kampung penyelenggaraannya dilaksanakan oleh JKKK secara berkala iaitu sebanyak 3 tahun sekali;
- c) Longkang perumahan, taman perumahan atau pun longkang konkrit oleh Majlis Daerah Kuala Selangor,
- d) Parit tepi jalan atau pun *road side drain* oleh pihak JKR dan sudah pastikan penyelenggaraannya dilakukan secara berjadual dan sempurna.

Yang keduanya berkaitan dengan faktor Geografi kawasan Ijok yang sememangnya merupakan kawasan yang rendah, kawasan yang landai. Maka pemilik tanah atau kediaman disarankan untuk meninggikan aras tanah berdasarkan paras bebas banjir. Yang ketiganya pemilik-pemilik tanah juga perlu mendapatkan kelulusan kebenaran daripada pihak Jabatan bagi membina lintasan, jambatan atau pemetung yang merentasi parit untuk memastikan tiada halangan aliran air yang boleh melambatkan arus air parit tersebut. Ini antara faktor-faktor yang penting yang perlu dilihat secara menyeluruh untuk memastikan supaya banjir kilat yang sentiasa berlaku di Ijok dapat kita atasi, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sungai Panjang.

Y.B. TUAN Budiman Bin Mohd Zohdi: Terima kasih Puan Speaker, soalan saya No. 12.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : STADIUM SHAH ALAM

27 MAC 2018 (SELASA)

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan secara terperinci jumlah pendapatan Stadium Shah Alam dari 2015 – 2017?
- b) Apakah kelayakan dan kaedah pemilihan pihak pengurusan Stadium Shah Alam?

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih Sungai Panjang, Speaker. Mengikut rekod yang telah kita catatkan terdapat 2 sektor utama kepada pendapatan Stadium Utama Shah Alam daripada 2015 hingga 2017. Saya catatkan begini untuk tahun 2015 sebanyak RM971,000.00 dapat dikutip daripada sewa tapak kereta. 2016 RM1.4 juta sewa tapak kereta dan RM1.93 juta pada tahun 2017 untuk sewa tapak kereta. Dan ini mencatatkan lebih kurang RM3.53 juta untuk sewa tapak kereta sahaja. Manakala untuk sewa Stadium Utama pada tahun 2015 RM2.08 juta, 2016 RM2.42 juta, dan tahun 2017 RM1.9 juta namun begitu ada lagi RM700,000.00 yang belum dikutip daripada Majlis Sukan Negara sewaan daripada Sukan SEA dan FAM mencatatkan sebanyak RM2.7 juta untuk tahun 2017. Ahli Yang Berhormat sekalian, pemilihan *Darul Ehsan Facilities Sdn Bhd* dibuat berdasarkan daripada permohonan daripada syarikat tersebut berdasarkan pengalaman daripada syarikat tersebut menguruskan salah satu aset Kerajaan Negeri iaitu Kompleks Belia dan juga Generasi Muda dan sukan yang dulu namanya Kompleks Belia dan Kebudayaan Negeri Selangor dan berjaya menjimatkan perbelanjaan Kerajaan Negeri sehingga RM4 juta daripada perbelanjaan sebelum ini hasil daripada pengurusan yang cekap dan mengelakkan pembaziran dan kebocoran. Ahli Yang Berhormat sekalian pengurusan stadium ini bukan dipilih melalui satu kali mesyuarat sahaja sebaliknya di FAM perlu melalui beberapa peringkat antaranya dengan Pihak Berkuasa Negeri iaitu pihak Setiausaha Kerajaan Negeri untuk menilai status mereka dengan pihak Unit Perancang Ekonomi dan kemudian Unit Perancang Ekonomi membawanya hampir 3 kali ke dalam Mesyuarat Ekonomi Negeri sebelum diputuskan dalam Majlis Tindakan Ekonomi Negeri sebelum Kerajaan Negeri memutuskan agar *Darul Ehsan Facilities* berdasarkan pengalaman mereka dan juga perancangan yang telah mereka bantangkan untuk menguruskan Kompleks Sukan Shah Alam bukan hanya Stadium Shah Alam, kerana Stadium Shah Alam merupakan satu item daripada pengurusan daripada Kompleks Sukan Shah Alam. Terima kasih.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD : Kita melihat Stadium Shah Alam ini sebagai sesuatu ikon utama sukan di Negeri Selangor, jadi apabila kita melihat ada

27 MAC 2018 (SELASA)

konflik antara Stadium Shah Alam dan juga Persatuan Bola Sepak Selangor saya fikir ini sangat merugikan dan rakyat melihat ini hanyalah bagaimana Kerajaan Negeri mengurus ego politik mereka. Soalan tambahan saya adalah sampai bilakah kemelut Stadium Shah Alam ini akan berlaku supaya pasukan bola sepak Selangor itu turut Boleh bermain di Stadium Shah Alam.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: YB daripada segi faktanya saya tunjukkan, tahun 2017 kita tidak memberikan wang kepada Red Giant Sdn Bhd atau Red Giant kepada Red Giant ataupun kepada Pasukan Bola Sepak Negeri Selangor. Kutipannya adalah RM2.7 juta jauh lebih tinggi daripada kutipan tahun 2016, RM2.4 juta. Maknanya tiada kerugian. Isunya adalah saya dah jelaskan dalam senarai panjang sikap mereka terhadap Sultan Selangor Royal Cup ataupun Sultan Selangor Cup yang melibatkan Petron Sultan Selangor, mereka gagal menghantar pasukan walaupun diberikan pelepasan. Mereka gagal memberikan maklum balas kepada Kerajaan Negeri dan saya nak jawab juga akhirnya bila kita buka pintu rundingan surat terbaru yang saya terima daripada Setiausaha Agung FAS tak nak berjumpa dengan saya. Jadi isunya adalah mereka nak gunakan isu ini sebagai modal politik, agen-agen Barisan Nasional dalam FAS nak jadikan isu ini sebagai isu politik, serang Kerajaan Negeri dah itu nak jadikan agenda untuk memburukkan Kerajaan Negeri. Go to *hell* kepada mereka kita ada *plan* kita untuk membangunkan bola sepak kita.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD : Soalan tambahan. 1 sahaja.

TUAN SPEAKER : Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD : Ya. Saya melihat cara EXCO menjawab sangat beremosi, cuma yang kita minta ialah tidak adakah pelan rundingan yang sebaik mungkin yang boleh dibuat dengan Persatuan Bola Sepak supaya akhirnya rakyat akan melihat bahawa adanya pelan rundingan itu sahaja. Jadi tidak perlulah difikirkan terlalu beremosi sehingga ya, soalan ini mudah sahaja. EXCO yang lain diam

TUAN SPEAKER : Baiklah. Batu Caves.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Sungai Panjang tak faham. Bila saya dah hantar surat. Bila saya hantar surat untuk jelaskan.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD : Ada beberapa kenyataan yang diberikan oleh pihak Persatuan Bola Sepak yang menyatakan EXCO yang tak mahu berjumpa.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Itulah masalahnya, kena tipu dengan FAS.

27 MAC 2018 (SELASA)

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD : Jadi ini sebab perlu diberikan penjelasan oleh pihak YB EXCO, itu sahaja.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Saya jelaskan bila kita hantar surat kepada mereka saya nak rekodkan di sini sepanjang tahun 2017. Pihak Presiden FAS menyebutkan *countless* tanpa berkira mereka hantar surat untuk mohon gunakan Stadium Shah Alam. Tidak ada satu surat pun diberikan oleh FAS pada tahun 2017 untuk gunakan Stadium Shah Alam. Tahun 2017, akhir baru mereka hantar surat dan saya sedia berterima, saya sedia berbincang, saya hantar surat kepada mereka. Balasan mereka dia tak nak jumpa dengan saya untuk bincang, dia cuma nak bincang dengan Menteri Besar. Terpulang selamat berjaya, Tafakhdal gunakanlah isu ini isu politik, tunggaglah isu politik.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD : Ini bukan isu politik EXCO, ini soal perundangan yang mudah.

TUAN SPEAKER : Baiklah jawapan sudah diberikan, Sungai Panjang

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD : Yang mudah antaranya ialah boleh berunding antara Persatuan Bola Sepak dan juga pihak-pihak yang berwajib EXCO. Itu sahaja dalam bahasa yang paling mudah.

TUAN SPEAKER : Sungai Panjang, Sungai Panjang, Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD : Tapi soalnya kerana EXCO..

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : EXCO *eksen* dalam Twitter pun kutuk Persatuan Bola Sepak Selangor.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Sungai Panjang nasihatlah FAS untuk *settle the* isu.

TUAN SPEAKER : Soalan seterusnya. Kuala Kubu Baharu.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Persatuan Bola Sepak tak nak layan dia tak kan tak faham lagi. MB kena ambil peduli lah. EXCO tak boleh.

TUAN SPEAKER : Kuala Kubu Baharu, Kuala Kubu Baharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Ok, ok. Saya, saya.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD : Sabar YB EXCO jangan emosi kita jawab benda ini dengan cara yang paling mudah.

TUAN SPEAKER : Kuala Kubu Baharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Ya terima kasih Speaker, Soalan saya 13.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN
YB PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : KEMPEN BEBAS PLASTIK DAN 20 SEN

13. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai maklumat cara penggunaan kutipan 20 sen bagi plastik yang diperolehi oleh peniaga-peniaga? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan membatalkan Kempen Bebas Beg Plastik dan Polistirena memandangkan ada pihak tertentu membantah caj 20 sen?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Kuala Kubu Baharu, Tuan Speaker, saya akan jawab bersekali dengan soalan 45 daripada YB Kinrara. Soalan 112 daripada YB Dengkil, soalan 170 daripada YB Telok Datok berkaitan Kempen Bebas Plastik. Kerajaan Negeri telah melaksanakan Kempen Tanpa Plastik bermula 1 Januari 2010, di mana Kempen tersebut dilaksanakan pada setiap hari Sabtu di pasar raya. Manakala pada tahun 2013, pelaksanaan kempen ini diperluaskan di bazar-bazar Ramadhan dengan kerjasama semua PBT. Larangan penggunaan beg plastik di majlis-majlis rasmi anjuran Kerajaan Negeri Selangor pula mula dilaksanakan pada tahun 2015 dan pada tahun 2016, MMKN 21/2016 telah meluluskan cadangan pengurangan penggunaan beg plastik dan polistirena dan Kempen Bebas Plastik untuk dilaksanakan setiap hari bermula 1 Januari 2017. Sehubungan itu, bermula 1 Januari 2017, Negeri Selangor tidak lagi dibenarkan untuk menyediakan, maaf semua jenis perniagaan di Negeri Selangor tidak lagi dibenarkan untuk menyediakan beg plastik secara percuma dan diarahkan untuk menghentikan penggunaan bekas makanan dan peralatan polistirena di semua premis termasuk premis makanan dan juga pasar malam. Laporan kutipan yang diterima oleh Kerajaan Negeri sejak kempen ini dilaksanakan bermula 1 Januari 2017 sehingga bulan Februari 2018 adalah sebanyak RM7,199,407.66. Pelbagai kesan positif diperolehi dengan pelaksanaan kempen ini. Sebagai contohnya ia nya dapat mengurangkan pembuangan sisa pepejal di tapak pelupusan sampah yang mana menurut kajian oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal, bahan buangan plastik merupakan penyumbang kedua terbesar jumlah pembuangan sampah di tapak pelupusan. Terdapat pengurangan pembuangan sampah berpunca daripada plastik di Sungai Klang dan air sungai kini semakin bersih sehingga kita mula melihat fauna muncul dengan lebih kerap khususnya di Sungai Klang seperti ikan, memerang dan buaya tembaga. Semasa proses pembersihan pantai 2017 yang

27 MAC 2018 (SELASA)

berlaku serentak di 5 pantai utama di Selangor, data yang dikumpulkan menunjukkan pengurangan sisa plastik daripada sisa-sisa sampah yang dikutip berbanding dengan satu pengumpulan data yang dilakukan 5 tahun yang lalu. Memelihara ekosistem kehidupan laut kerana terdapat banyak bukti dan kajian yang menunjukkan kehidupan laut seperti penyu, ikan sering termakan dan terbelit dengan bahan buangan plastik dan memelihara rantai makanan di darat dan juga di laut kerana pada masa ini kita boleh nampak ataupun kita boleh kesan bahan-bahan plastik ataupun mikro plastik mula muncul dalam rantai makanan. Kerajaan Negeri menggalakkan peniaga-peniaga untuk menggunakan kutipan caj 20 sen tersebut untuk melaksanakan program *Corporate Social Responsibility* ataupun CSR yang berkaitan dengan pemuliharaan alam sekitar. Selain daripada itu, para peniaga di Selangor turut melaksanakan program berbentuk kemasyarakatan dan kebajikan. Antaranya adalah seperti berikut :

- i. Pembersihan mencantik sungai di Sungai Klang dan program membersihkan pantai.
- ii. Pengindahan bandar di Kuala Selangor.
- iii. Pengedaran *recycle bag* secara percuma di pasar raya.
- iv. Kempen kebajikan dan pemberian sumbangan di rumah-rumah anak yatim, warga emas dan Pertubuhan Kebajikan.
- v. Menjalankan sumbangan majlis buka puasa bersama dengan anak-anak yatim dan warga miskin.
- vi. Pemberian sumbangan sempena hari raya dan juga tahun baru cina kepada keluarga miskin, golongan asnaf dan sebagainya.

Setakat ini, Kerajaan Negeri tidak ada hasrat untuk membatalkan kempen bebas plastik dan polistirena. Walaupun ada pihak yang membantah pelaksanaannya, malahan ini merupakan sebahagian daripada kempen bebas plastik yang akan dipergiatkan dengan tambahan kempen tersebut dengan pelbagai kempen seperti pengurangan penggunaan botol plastik dan juga straw plastik pada tahun yang akan datang. Ini adalah kerana kempen ini merupakan satu inisiatif yang baik dan wajib terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar dan sekali gus memberi kesan jangka panjang terhadap kebersihan dan kesihatan penduduk di negeri ini. Malahan terdapat kesedaran di kalangan masyarakat tentang pentingnya pemeliharaan alam sekitar di mana rakyat kini lebih selesa membawa sendiri *recycle bag* ataupun beg sendiri untuk membeli belah. Tambahan juga Malaysia merupakan antara 200 penandatanganan *signatory* dengan izin *Conference Loud*, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ataupun *United Nation Ocean Conference* yang memberi komitmen memberhentikan pencemaran plastik. Ini selaras dengan prinsip Fastabikul Khairat, berlumba-lumba melakukan kebaikan yang diamalkan oleh pentadbiran YAB Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali dalam kaedahnya mentadbirkan negeri ini. Selain daripada itu, sejak diperkenalkan pada bulan Januari 2010, kempen ini mendapat sambutan luar biasa daripada Pertubuhan -

27 MAC 2018 (SELASA)

Pertubuhan Bukan Kerajaan dan juga pengguna. Apa yang perlu ditekankan adalah sokongan dan kerjasama daripada semua kalangan pemimpin-pemimpin negeri, tidak kira daripada kerajaan ataupun pembangkang, Pihak Berkuasa Tempatan dan rakyat Negeri Selangor untuk sama-sama ke arah menjayakan kempen ini demi kesejahteraan generasi yang akan datang. Untuk makluman Yang Berhormat - Yang Berhormat akhirnya saya ingin maklum kepada dewan yang mulia ini Malaysia duduk di tangga yang ke-8 dalam senarai negara yang tidak dapat mengurus sisa plastik dengan baik. Ini bukan satu kedudukan yang baik untuk negara kita dan masa depan anak-anak kita. Maka kita perlu melipat ganda usaha kita untuk menangani masalah ini.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Soalan Tambahan.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Apa pandangan YB ada seorang pemimpin pembangkang menjanjikan untuk mengembalikan beg plastik kalau mereka berkuasa.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Saya rasa dalam semasa musim pilihan raya macam-macam boleh dijanjikan oleh pembangkang. Tapi saya rasa penduduk warga Negeri Selangor Darul Ehsan adalah pengundi-pengundi yang bijak dan tidak senang dibeli dengan 20 sen sahaja. Jadi..

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya minta mencelah sikit ya, Tuan Speaker.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Siapa. Saya belum habis, duduk.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya nak minta penjelasan sikit boleh.

TUAN SPEAKER : Soalan tambahan, ini bukan perbahasan ya, soalan tambahan. Permatang.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Soalan tambahan, ini bukan perbahasan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Minta penjelasan lah.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Jangan keliru.

27 MAC 2018 (SELASA)

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya ingat Kota Anggerik ini tidur kot, bukannya dicadangkan untuk bagi semula beg plastik, alternatifnya lah gunakan beg kertas dan mereka yang bawa beg sendiri di bagi insentif 20 sen. Itu maksudnya.

TUAN SPEAKER : Soalannya?

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Soalannya Kota Anggerik ini tidur. Jadi Speaker, jadi ok.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Yang Berhormat saya.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tak betul fakta itu. Jadi saya nak minta apa komen.

TUAN SPEAKER : Yang menjawab Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Saya menonton sendiri video itu, saya mendengar sendiri ucapan YB.

TUAN SPEAKER : Kinrara.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Kota Anggerik salah dengar itu.

TUAN SPEAKER : Kinrara. Soalan tambahan.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Tak betul Permatang tak dengar, saya dengar sendiri ucapan tersebut menjanjikan akan mengembalikan beg plastik.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Salah Kota Anggerik, yang dijanjikan siapa yang bawa beg sendiri dibagi insentif 20 sen, yang tak bawak di bagi beg kertas.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Kota Anggerik dengar dalam mimpi je.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Itu saya minta Bukit Lanjan, setuju ke tak setuju dah lah tak bekalkan beg plastik pada masa yang sama tak bagi alternatif.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Tak, salah tu salah. Saya dengan sendiri video itu

TUAN SPEAKER : Kota Anggerik, Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ok baik. Saya nak tanya.

27 MAC 2018 (SELASA)

TUAN SPEAKER : Permatang tak payah tanya, saya dah panggil Kinrara. Kinrara soalan tambahan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Belum jawab lagi.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Ok saya ingin bertanya kepada YB EXCO, saya ingin bertanya YB EXCO kerana ada ahli politik yang mengatakan bahawa kempen beg plastik ini memberi beban yang lebih berat sekiranya berbanding dengan GST. Jadi apakah pandangan daripada YB EXCO?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Kinrara. Saya rasa ini adalah satu andaian yang buruk yang tidak tepat, boleh disenaraikan sebagai *fake news* jadi saya rasa Yang Berhormat -Yang Berhormat di sini juga boleh bantu untuk menyebarkan kesedaran awam bahawa untuk mengelakkan membayar 0.20 sen senang saja kita boleh bawa beg sendiri ataupun ada *recycle bag*. Tiap-tiap rumah pada hari ini sekurang-kurangnya ada 20-30 *recycle beg* kerana Kerajaan Negeri memberi beg percuma, PBT memberi beg percuma, pasar raya memberi beg percuma dan sebagainya. Tapi kalau nak bandingkan dengan GST, GST tidak boleh lari. Kalau nak beli pen pun perlu bayar GST. Saya tidak boleh angkat pen ini dan bawa keluar tanpa bayar tetapi kita boleh mengelakkan membayar 0.20 sen ini kalau kita bawa beg sendiri.

Tuan Speaker, saya juga nak jawab sikit apa yang dibentangkan oleh Permatang.

1. Saya boleh sahkan di dalam Dewan yang mulia ini Yang Berhormat Kota Anggerik tidak tidur. Dia memang ada dalam Dewan ini dan dengar.
2. Cadangan untuk membayar 0.20 sen, kalau nak bawa beg sendiri, kalau nak bawa beg kertas dan sebagainya saya tidak ada halangan. Cuma orang atau pun Menteri yang memberi cadangan tersebut buatlah dulu di negeri-negeri lain di bawah Barisan Nasional. Buatlah di Kuala Lumpur, mengapa tak buat? *You* buat dulu jadi contoh yang baik. Kalau itu bagus kita mungkin akan kaji macam mana kita ikut.

Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Speaker, saya kata tadi Kota Anggerik bukan tidur, tidur dari segi fakta.

TUAN SPEAKER : Paya Jaras, Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Baik bertenang, bertenang. Soalan saya 14.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : PENGAMBILAN TANAH BAGI SURAU AT-TAQWANIAH DI KAMPUNG
PAYA JARAS HULU**

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah JAIS telah mengemukakan permohonan pengambilan tanah ke Jawatankuasa Pengambilan Tanah PTG Selangor ?
- b) Apakah PDT Petaling telah menerima permohonan tersebut?

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Tuan Speaker, terima kasih Paya Jaras. Soalan berkaitan pengambilan tanah bagi Surat At-Taqwaniah di Kampung Paya Jaras Hulu. Pihak Jabatan Agama Islam Negeri Selangor telah mengemukakan permohonan untuk dimasukkan ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pematuhan Pengambilan yang diuruskan oleh PTG Selangor. Mesyuarat tersebut telah diadakan pada 29 November 2017. Sehubungan itu, permohonan Pengambilan Balik Tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 kepada PTD Petaling bagi tapak tersebut telah dikemukakan pada 4 Disember 2017. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor telah menimbang dan meluluskan permohonan pengambilan tanah ini kepada Jabatan Agama Islam Selangor di bawah Seksyen 3(1) (a) Akta Pengambilan Tanah 1960 ke atas hak milik diisytiharkan dalam Warta Negeri Selangor, no.764 bertarikh 22 Februari 2018 untuk tujuan tapak Surau Al-Taqwaniah, Kampung Paya Jaras, Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Tuan Speaker, soalan nombor 15.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : PENYAKIT T.B.

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

27 MAC 2018 (SELASA)

- a) Kes TB semakin meningkat di Selangor. Apakah usaha KNS tentang perkara ini?
- b) Sila nyatakan statistik kes penghidap dan kematian yang diakibatkan oleh kuman TB ini berbanding dengan Denggi mengikut Daerah.
- c) Apakah Kempen Kesedaran Rakyat tentang isu TB ini? Nyatakan ?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Tuan Speaker, penyakit TB adalah penyakit berjangkit bawaan udara yang boleh diubati, walau bagaimanapun jangkitan boleh berulang semula sekiranya pesakit tidak mematuhi rejim rawatan TB dalam keadaan yang paling teruk, penyakit TB boleh menyebabkan kematian apabila pesakit tidak mengambil perhatian serius untuk merawat dan mematuhi tempoh rawatan TB yang telah ditetapkan. Peningkatan kes TB di Negeri Selangor adalah sejajar dengan usaha pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor untuk mengesan awal dan memberi rawatan segera. Jabatan Kesihatan Negeri Selangor sedang giat dalam aktiviti kes *detection* dengan izin, antara lain melalui aktiviti *active case finding and detection* dan saringan di kalangan kumpulan berisiko tinggi TB seperti pesakit diabetes, pesakit gagal buah pinggang, *contact* rapat dan warga emas di pusat jagaan. Kerajaan Negeri sentiasa membantu dan bekerjasama dengan pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dalam menangani penyakit berjangkit seperti TB memandangkan kes kematian TB agak membimbangkan Kerajaan Negeri telah merancang dan bekerjasama dengan pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor untuk memperluaskan kempen kesedaran tentang bahaya penyakit TB ini di kalangan pemimpin masyarakat di setiap daerah. Pihak yang akan terlibat adalah Pihak Berkuasa Tempatan, Ahli Majlis, Ketua Kampung dan Penyelia Pusat Wanita Berdaya. Pemimpin masyarakat ini akan diberi pengetahuan dan tanggungjawab untuk membantu pihak Pejabat Kesihatan Daerah bagi memastikan pesakit TB mendapatkan rawatan secara berterusan agar tidak menjangkiti orang lain. Selain daripada itu Kerajaan Negeri akan menggalakkan semua Klinik Panel Skim Peduli Sihat untuk membuat pemeriksaan *symptomatic screening* dan juga *chest x-tray* yang boleh mengesan paru-paru akibat TB dan seterusnya pesakit perlu mendapatkan rawatan lanjut klinik kesihatan berhampiran. Pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor juga telah menjalankan kempen-kempen kesedaran rakyat tentang TB antaranya Minggu Kesedaran TB sempena Hari TB Sedunia setiap tahun di klinik dan hospital. Kedua hebahan penyakit TB melalui media sosial, temu ramah di radio dan televisyen dalam segmen kesihatan. Ketiga bahan pendedaran seperti risalah dan poster TB semasa aktiviti *active detection* pada masyarakat. Keempat, temu ramah TB di tempat kerja seperti kilang, sekolah, institusi pengajian, pejabat di mana ada kes TB dan kelima, bekerjasama dengan universiti untuk meningkatkan kempen kesedaran di komuniti dan *research*.

27 MAC 2018 (SELASA)

Untuk B statistik penghidap dan kematian yang diakibatkan oleh kuman TB berbanding dengan demam denggi mengikut daerah :-

DAERAH	KES TB	KEMATIAN TB	KES DENGGI	KEMATIAN DENGGI
Gombak	743	45	5,720	10
Hulu Langat	1,161	54	13,243	29
Hulu Selangor	191	22	865	3
Klang	734	58	7,913	7
Kuala Langat	184	22	1,328	2
Kuala Selangor	134	12	551	2
Petaling	1,541	89	13,658	13
Sabak Bernam	72	7	198	0
Sepang	156	4	1,807	1

Untuk keseluruhan bilangan kes TB untuk 2017 4,916. Bilangan kematian disebabkan oleh TB ialah 313, manakala kes Denggi 2017 adalah 45,290 kes dan bilangan kematian oleh denggi 67 kes. Terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih, saya ingin bertanya dengan pihak EXCO. Minggu lepas atau pun bulan lepas kita ada hadiri satu mesyuarat Majlis Tindakan Daerah Petaling. Satu kenyataan yang begitu menggerunkan ianya terbukti bila mana Yang Berhormat Sementa memberikan maklum balas tentang statistik terkini iaitu sebenarnya kematian akibat TB adalah melebihi kematian denggi sebenarnya. Jadi kalau kita lihatkan keluruhan kes 4,916 kes TB tapi kematian 313 sedangkan kes denggi 45,290, kematian hanya 67 dibandingkan, begitu tinggi sebenarnya. Jadi soalan saya bagaimanakah sebenarnya pihak Kerajaan melihat tentang situasi ini. Kita sering melihat bagaimana nak menangani denggi tetapi isu berkaitan dengan TB ini lebih tinggi dan teruk sebenarnya. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak EXCO bagaimanakah sebenarnya pihak Kerajaan meletakkan keutamaan di dalam menangani kes-kes penyakit berjangkit di Selangor. Itu soalan saya. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Batu Tiga. Saya kira apa yang Batu Tiga kemukakan bahawa selama ini kita lebih menangani isu-isu denggi yang mana dengan kes yang agak tinggi namun kematian kita dapat kawal sementara TB ini

ia berlaku dan sebenarnya kami juga baru mendapat maklumat daripada pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor tentang data ini dan *In Sha Allah* kita akan membuat suatu tindakan yang proaktif yang mana tadi saya ada sebut bahawa kita akan membuat sesi penerangan kepada ketua-ketua pemimpin masyarakat agar bersama-sama dengan pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dan juga Pejabat Kesihatan Daerah untuk sama-sama membantu membuat kes *detection* terhadap pesakit TB dan juga *contact* yang ada bersama mereka dan kita juga akan menggalakkan Klinik Peduli Sihat kita untuk membuat *screening* terhadap TB ini. Dan itu antara tindakan awal pihak Kerajaan Negeri Selangor.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Soalan tambahan. Boleh tak pihak EXCO ataupun pihak Kerajaan Negeri meletakkan isu ini sebagai isu *urgent* ataupun penting bila mana kita boleh memikirkan satu kaedah paling cepat iaitu bagaimana kita ingin mengesan semua majoriti penduduk kita agar mereka bebas daripada TB contohnya kita bagi selain dari Kad Peduli Sihat perlu pihak-pihak kesihatan ini turun ke padang untuk mengambil sampel-sampel air liur ataupun kahak untuk selepas itu di bawa ke makmal dan terus mendapat diagnosis sama ada kita menghadapi TB atau tidak. Jadi maksud saya pihak Kerajaan perlu meletakkan ini sebagai *urgent* dengan data yang sedia ada itu dan saya ingat selepas ini supaya soalan saya supaya memanggil satu *seating* percubaan yang *urgent* untuk kita menangani isu ini. Ada tak rancangan itu?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Batu Tiga. Sebenarnya di pihak Kementerian Kesihatan sendiri melalui Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dan juga melalui Pejabat Kesihatan Daerah masing-masing sememangnya telah ada Unit TB yang mana kes-kes *detection* dan juga pesakit TB yang telah pun dikenal pasti mereka benar-benar dirawat dan juga *contacts* di sekitar mereka juga diberikan penerangan dan dipastikan mereka ini juga bebas daripada kuman TB ini. Jadi di peringkat KKM (Kementerian Kesihatan Malaysia) memang sedang dan berterusan perkara ini sedang dilaksanakan dan pihak Kerajaan Negeri juga membantu melalui kempen-kempen kepada masyarakat agar lebih peka dan bersama-sama memahami tentang situasi ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Hulu Klang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Speaker, soalan saya adalah 16.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KLANG)**

TAJUK : IMPLIKASI PEMBATALAN 9 PROJEK RUMAH SELANGORKU

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah timbul sebarang implikasi kewangan atau perundangan terhadap tindakan pembatalan 9 projek Rumah Selangorku?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Terima kasih Yang Berhormat Hulu Klang. Untuk makluman Yang Berhormat, pemaju yang diberikan kelulusan oleh Kerajaan Negeri untuk membangunkan Rumah Selangorku diberikan syarat agar memulakan pembinaan dalam tempoh masa 2 tahun daripada tarikh kelulusan yang diperolehi. Hasil siasatan yang dibuat oleh LPHS dan telah disahkan oleh Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Pembangunan rumah Selangorku mendapati terdapat 9 pemaju yang di cadang untuk ditarik balik oleh kerana gagal membuat permohonan untuk mendapatkan Kebenaran Merancang atau Pelan Bangunan yang sah daripada Pihak Berkuasa Tempatan dalam tempoh 2 tahun seperti mana yang telah disyaratkan oleh Kerajaan Negeri dan 9 projek ini telah disahkan di dalam Mesyuarat EXCO untuk dibatalkan akan kebenaran dan rancangan tersebut ataupun membatalkan kelulusan tersebut. Apabila kelulusan itu dibatalkan bermakna pihak pemaju juga tidak boleh buat rumah harga bebas mereka sebab menurut peraturan Kerajaan Negeri ini yang mungkin ada pihak yang mengatakan bahawa peraturan ini peraturan yang pelik iaitu bahawa pemaju tidak boleh bina rumah harga bebas sehingga mereka memulakan rumah Selangorku mereka. Jadi bermakna bahawa bagi projek-projek ini rumah harga bebas mereka ini tidak dapat tidak boleh dibina sehingga mereka mendapat kelulusan semula untuk Rumah Selangorku. Ada yang memainkan ataupun menyatakan bahawa 9 projek ini akan mengganggu prestasi kita untuk menyediakan Rumah Selangorku. Ingin saya menyatakan di sini bahawa 9 projek ini hanya melibatkan 2,402 unit tapi yang telah mendapat Kebenaran Merancang adalah sebanyak 179 projek iaitu 100,533 unit. Jadi bermakna hanyalah jumlah yang kecil berbanding dengan keseluruhan Rumah Selangorku yang telah mendapat Kebenaran Merancang dan juga diluluskan.

Tentang, mungkin aduan daripada pemaju bahawa mereka....kita tidak berlaku adil kepada mereka, saya ingin menegaskan di sini bahawa kita telah memberikan peringatan yang secukupnya iaitu setelah 12 bulan mereka mendapat kelulusan MMKN kita menghantar surat peringatan dan kemudian selepas surat peringatan tersebut 14 hari selepas surat tersebut dihantarkan satu lagi surat peringatan dan notis akhir diberikan 6 bulan sebelum tarikh lupus kelulusan MMKN itu sampai. Dan akhir sekali adalah Notis 4 adalah notis pembatalan yang diberikan. Jadi bermakna bahawa Kerajaan Negeri adil dan kita menjaga akan kepentingan-kepentingan rakyat, itu sebab

kita membatalkan dan hasil daripada pembatalan tersebut apabila saya umumkan 9 projek itu dibatalkan kita telah mendapat panggilan daripada pemaju-pemaju yang masih belum membina dan bertanya adakah projek mereka dibatalkan dan mereka cepat-cepat nak mendapatkan Kebenaran Merancang. Jadi effect atau kesan pembatalan ini adalah ia menyegerakan tindakan daripada pemaju-pemaju lain yang merasakan bahawa Kerajaan Negeri hari ini macam Kerajaan dulu tak buat pun tak apa, tiada tindakan tapi kali ini kita betul-betul bertegas pada pemaju-pemaju yang mempermain-mainkan sebarang urusan Rumah Selangorku ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Y.B. Exco. Soalan tambahan saya berbunyi begini, dalam konteks yang ada adakah di sana ada halangan daripada mana-mana pihak terutamanya Kementerian daripada Pusat untuk membolehkan satu rancangan yang padu dan segera dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam membina rumah-rumah mampu milik.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Setakat ini tidak adalah sebab ini melibatkan projek yang kecil di mana ianya keseluruhannya adalah di tangan pemaju dan kelulusannya adalah daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Tetapi sebenarnya untuk projek di Selangor di mana negeri sekalipun di mana bahawa bagi projek-projek melebihi 10 ribu penduduk 10 ribu lebih daripada 100 ekar atau 100 hektar ianya tidak boleh diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri ataupun tak boleh diluluskan oleh PBT. 10 ribu orang penduduk peningkatan 10 ribu dan juga 100 hektar ianya perlu melalui Federal iaitu Persekutuan Melalui Majlis Perancangan Fizikal Negara. Jadi bermakna, ada projek di Selangor yang berkali-kali masuk ke dalam MPFM tetapi tidak diluluskan jadi terpaksa masuk keluar, masuk keluar banyak kalilah, akhirnya baru lulus. Jadi bermakna setakat ini untuk 9 projek ini tidak terlibat dengan Kerajaan Persekutuan tetapi ada projek sebenarnya yang kita telah untuk cuba mendapatkan kelulusan daripada Persekutuan melalui Majlis Perancangan Fizikal Negara. Beberapa kali masuk tetapi akhirnya lah baru diluluskan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Soalan 17.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK: EAST COAST RAIL LINE(ECRL)

27 MAC 2018 (SELASA)

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan hutan-hutan yang akan dilalui oleh jajaran projek ECRL?
- b) Apakah pendekatan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi meminimumkan kemusnahan hutan-hutan tersebut?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Kinrara. Soalan Kinrara adalah berkenaan tentang hutan-hutan yang akan dilalui oleh jajaran projek ECRL. Untuk makluman Kinrara dan juga Dewan Yang Mulia ini Kerajaan Negeri Selangor belum menerima permohonan rasmi untuk jadikan sebahagian hutan-hutan simpan kekal Negeri Selangor bagi tujuan jajaran ECRL daripada pemaju ataupun konsensi Projek ECRL. Kalau mengikut pendekatan ataupun proses pihak pemaju ataupun konsensi projek ECRL harus membawa permohonan pembangunan mengikut Seksyen 20A Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 di mana ianya perlu dibentangkan dan dibincangkan bersama dengan Kerajaan Negeri.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kinrara

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Ya, untuk mengurangkan *Habitat Fragmentation* adakah Kerajaan Negeri akan meletakkan syarat untuk membina *Aerated Railway* di kawasan perhutanan di Selangor.

Y.B.PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Seperti apa yang saya telah sebut tadi setakat ini kita tidak ada permohonan rasmi daripada mana-mana pihak jadi kita tidak membincang projek secara hypothetical ataupun projek bayangan. So sehingga kita terima baru kita boleh siasat dan lihat apa yang perlu dibuat oleh Kerajaan Negeri.

TUAN SPEAKER: Seri Serdang.

Y.B.PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker, No.18.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(NO.29 SERI SERDANG)**

TAJUK: PERANCANGAN DIPIHAK PBT UNTUK MENAIKTARAF TASIK SERI AMAN (LOMBONG BUAYA)

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

27 MAC 2018 (SELASA)

- a) Adakah perancangan dipihak PBT untuk menaiktaraf Tasik Seri Aman(Lombong Buaya) sebagai Tasik Rekreasi?

Y.B. TUAN EAN ONG HIAN WAH: Tuan Speaker, terima kasih buat Seri Serdang. MPSJ telah membuat perancangan untuk menaiktaraf Tasik Seri Aman sebagai Tasik Rekreasi dan beberapa aktiviti telah dilaksanakan seperti berikut:

1. Pertandingan merekabentuk perindahan tasik Seri Aman
2. Gotong-royong pembersihan tasik.
3. Pembersihan tasik secara berkala seperti kebersihan dalam tasik, cantas pokok, sapuan daun kering, potong rumput dan lain-lain.

Bagi perancangan jangka panjang MPSJ akan melaksanakan kerja menaiktaraf secara berperingkat. Sekian.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Soalan saya No. 19.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR.HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(NO.40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK: PEMBANGUNAN PROGRAM-PROGRAM DAKWAH ISLAMIAH DI NEGERI SELANGOR

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah aktiviti-aktiviti dakwah yang dilaksanakan oleh Kerajaan?
- b) Berapakah peruntukkan yang telah disediakan untuk program ini?
- c) Adakah Kerajaan berpuashati terhadap pencapaian program-program ini?

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih, Kota Anggerik bertanyakan tentang pembangunan program-program Islamiah di Negeri Selangor.

Bagi program-program dakwah khususnya kepada Masyarakat Islam di Negeri Selangor, ianya dilaksanakan samada secara integrasi di bawah Stanco Hal-ehwal Agama Islam ataupun melalui jabatan-jabatan dibawah Stanco Hal-ehwal Agama Islam. Masjid adalah destinasi utama dan juga surau. Selain daripada itu juga di venue-venue lain termasuklah Jabatan-jabatan dan juga Pejabat Agama Islam Daerah, merancang dan melaksanakan program-program aktiviti-aktiviti dakwah tersebut.

Jabatan Agama Islam Negeri Selangor merupakan Jabatan Agensi Pelaksana yang utama dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan kepada sasaran dakwah dengan pendekatan Dakwah Umum, Dakwah Penulisan, Dakwah Fardiah dan Dakwah Bilhal. Kesemua pendekatan dakwah ini dibuat mengikut rancangan yang dirancang dan buat di lapangan dan menjangkau dunia tanpa sempadan melalui media masa. Kerajaan telah melaksanakan lebih kurang dalam 57 aktiviti. Aktiviti-aktiviti yang dirancang ini termasuklah 3 projek utama iaitu Projek Dakwah Komponen, Projek menghidupkan fungsi Dakwah dan CSR dan Projek Masjid dan Surau, Masjid rumah kedua. Beberapa akti, antara contoh aktiviti-aktiviti Dakwah yang telah dilaksanakan adalah Program Menjana Ummah Cerdas melalui 10 penerbitan modul Infografi Umat Cergas. Tarjidi hala tuju dakwah, Bengkel Penulisan, Kerja Islami, dan banyak lagi yang saya akan serahkan kepada Kota Anggerik nanti. Dan setakat ini Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM2,162,800.00. Dan sudah tentulah dengan program-program ini Kerajaan Negeri masih lagi merancang untuk meneruskan program-program yang dirancang di dalam Blue Print ataupun Hala tuju Dakwah Negeri Selangor 2015-2018 dan pihak Kerajaan Negeri juga masih, telah bermula untuk mengadakan satu Blue Print yang baru, Hala Tuju Dakwah Negeri Selangor yang akan dilaksanakan mulai tahun 2019 nanti. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Telok Datok

Y.B. TUAN LOH CHEE HENG: Tuan Speaker soalan saya.....

TUAN SPEAKER: Telok Datok

Y.B. TUAN LOH CHEE HENG: Tuan Speaker soalan saya No. 20

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(NO.52 TELOK DATOK)**

TAJUK: SUASANA SELAMAT SELESA UNTUK PELABUR ASING MELABUR DI SELANGOR

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah Kerajaan menyediakan suasana selamat, selesa untuk para pelabur asing melabur di Selangor?
- b) Sila nyatakan factor-faktor utama Selangor menjadi daya tarikan utama, pilihan pertama para pelabur asing?

27 MAC 2018 (SELASA)

c) Sila nyatakan apakah prestasi cemerlang yang telah dicapai sepanjang Tahun 2017.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, melalui konsep mesra pelabur yang diamalkan, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk menyediakan prasarana pelaburan yang kondusif kepada para pelabur yang melabur di Selangor. Para pelabur yang beroperasi di Negeri Selangor sentiasa di santuni melalui program-program lawatan kilang yang dilaksanakan oleh pihak Invest Selangor dan agensi-agensi teknikal yang berkenaan. Objektif bagi program lawatan ini adalah mewujudkan hubungan erat antara pihak Kerajaan Negeri dengan para pelabur yang beroperasi di Selangor. Selain itu pihak Kerajaan Negeri juga dapat meninjau permasalahan yang dihadapi oleh para pelabur dan membantu untuk menyelesaikannya. Antara factor-faktor utama Selangor menjadi daya tarikan utama pilihan para pelabur asing adalah seperti berikut:

- 1.Faktor kestabilan politik, polisi pelabur yang konsisten,
- 2.Kebanyakan pekerjaan tempat...pekerja tempatan yang boleh bertutur dalam bahasa Inggeris memudahkan komunikasi dengan pihak pelabur
- 3.Polisi pelaburan yang mesra pelabur
- 4.Kemudahan Infrastruktur
- 5.Keselamatan
- 6.Persekitaran kediaman yang selesa dan kemudahan pembelajaran bagi anak –anak expatriate.

Antara prestasi cemerlang yang dicapai sepanjang tahun 2017 yang melibatkan sector pelaburan, perindustrian dan perdagangan adalah seperti berikut:

STATISTIK PELABURAN

Berdasarkan statistik perdagangan yang diluluskan oleh Lembaga Penggalakkan Pelaburan Malaysia(MIDA) bagi tempoh Januari hingga Disember 2017 Negeri Selangor telah mendahului negeri-negeri lain dari segi bilangan projek perkilangan yang telah diluluskan di mana sejumlah 202 projek perkilangan dengan nilai pelaburan bernilai RM5.592 billion telah diluluskan. Dari jumlah ini sebanyak RM3.428 billion adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak RM2.164 billion daripada pelaburan asing. Sebanyak 10,031 potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan daripada projek-projek perkilangan yang telah diluluskan di Negeri Selangor. Daripada 202 projek yang telah diluluskan sebanyak 104 projek merupakan projek baru dengan nilai pelaburan berjumlah RM2.566 billion dan sebanyak 98 merupakan projek pengembangan

pelaburan atau penambahan pelaburan bernilai RM3.027 billion. Statistik pelaburan ini menunjukkan para pelabur selesa dan yakin dengan dasar pentadbiran negeri untuk mereka terus melabur dan membuat penambahan pelaburan di Negeri Selangor.

Selaras dengan transaktor perindustrian di peringkat global yang sedang beralih kepada industri 4.0, Kerajaan Negeri akan terus memberi tumpuan kepada 5 sektor industri utama. Daripada beberapa sektor industri utama tersebut beberapa bidang industri tumpuan telah dikenalpasti berpotensi untuk berkembang di Negeri Selangor seperti E-Commerce, Bioteknologi, Aero Angkasa dan Industri Halal. Industri-industri ini semakin berkembang dan mendapat tempat selari dengan arus perkembangan ekonomi dunia yang kini lebih menjurus kepada perniagaan secara E-dagang, Sains dan Teknologi E-Bio serta Aero Angkasa. Kerajaan Negeri Selangor telah berjaya menganjurkan Selangor International Business Summit 2017 pada 7 – 17 September 2017 yang lalu. Sidang kemuncak yang berlangsung selama 10 hari ini telah dibahagikan kepada 3 segmen utama dan berjaya menarik minat lebih 22,071 ribu orang pengunjung dan 3,500 peserta seminar yang terdiri daripada dalam dan luar Negara.

TUAN SPEAKER: Baiklah, Balakong

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Terima kasih, soalan saya No.21

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(NO.27 BALAKONG)**

TAJUK: INISIATIF PEDULI RAKYAT

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah wang yang telah dibelanjakan mengikut program-program IPR sejak 2008 di bawah kerajaan dan GLC masing-masing
- b) Nyatakan jumlah wang yang telah dibelanjakan untuk program Jom Shopping.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Tuan Speaker, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah kos yang besar bagi program IPR dari tahun 2008 sehingga kini. Namun begitu Kerajaan Negeri sangat optimis bahawa program yang diperkenalkan ini mampu memberi impak yang optima kepada setiap penerima manfaat berdasarkan kepada penerimaan raket kepada program sehingga kini. Jumlah perbelanjaan dan kos keseluruhan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dari tahun 2008 sehingga 2017 adalah sebanyak RM2,551,035,106.94. Butiran perbelanjaan bagi setiap program adalah saya akan bekalkan sebab ada 42 program dan juga bagi

27 MAC 2018 (SELASA)

program pemberian bantuan baucer secara baucer untuk reket miskin bersempena perayaan atau lebih dikenali sebagai program '**Jom Shopping**' merupakan program bantuan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri secara tahunan sejak tahun 2012 melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan. Ianya merupakan program bantuan bersempena tiga perayaan utama iaitu Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali. Di mana setiap keluarga yang kurang berkemampuan akan membuat pembelian barangan keperluan bernilai RM100 di pasar raya yang terpilih. Objektif program ini adalah meringankan bebanan keluarga yang kurang berkemampuan dalam membuat persiapan dalam menyambut perayaan. Berdasarkan rekod bermula daripada tahun 2012 hingga 12 Mac 2018, jumlah perbelanjaan bagi program ini adalah sebanyak RM41,644,800. Pecahan jumlah perbelanjaan program dan jumlah penerima manfaat mengikut perayaan dan tahun adalah akan dibekalkan kepada Yang Berhormat Balakong. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.30 maka saya tangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian sebelum saya meneruskan aturan urusan mesyuarat saya ingin memaklumkan bahawa saya telah menerima notis permohonan pindaan aturan urusan mesyuarat daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa suatu usul yang berbunyi seperti berikut, bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut peraturan 13(1) dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah dipinda bagi membolehkan rang undang-undang Enakmen pemakaian Akta Perhutanan Negara pindaan 2018 disegerakan dan dibentangkan sekarang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata "YA". Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata "TIDAK".

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan mesyuarat seterusnya rang undang-undang Enakmen pemakaian Akta Perhutanan Negara pindaan 2018 semua peringkat. Rang

27 MAC 2018 (SELASA)

undang-undang ini bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen pemakaian Akta Perhutanan Negara 1985.

Y.B. PUAN ELLIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker, oleh sebab rang undang-undang ini perlu dan mustahak diluluskan pada hari ini juga saya mencadangkan di bawah peraturan tetap 78 supaya ditangguhkan peraturan tetap 48 dan 53 bagi membolehkan rang undang-undang ini dibacakan pada semua peringkat dan seterusnya diluluskan.

Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD : Saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata "YA". Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata "TIDAK".

Dipersetujui.

Y.B. PUAN ELLIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, untuk makluman Yang Berhormat Speaker dan Dewan yang mulia ini, Akta Perhutanan Negara 1984 telah digubal dan diwartakan pada 31 Disember 1984 dan dikenali sebagai Akta 313. Akta 313 telah digubal di bawah Fasal 1(b) Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan bagi tujuan penyeragaman pemakaian Akta 313 ke seluruh semenanjung Malaysia. Sesuatu Akta yang digubal di bawah Fasal 1(b) Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan hanya akan terpakai di sesuatu negeri selepas Akta ini diterima pakai di negeri itu melalui satu Enakmen negeri yang diluluskan oleh Badan Perundangan negeri tersebut yang mana selepas itu undang-undang tersebut hendaklah disifatkan sebagai perundangan negeri yang boleh dipinda dan dimansuhkan oleh Badan Perundangan Negeri tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian perkara berkenaan dengan hutan adalah di bawah tanggungjawab negeri berdasarkan kepada Perkara 3 Senarai Kedua Jadual ke Sembilan Perlembagaan Persekutuan. Oleh kerana itu bagi maksud Akta 313 ia telah diterima pakai di Negeri Selangor pada tahun 1985 melalui Enakmen pemakaian iaitu Enakmen (Pemakaian Akta Perhutanan Negara 1985) ataupun Enakmen Nombor 5 Tahun 1985. Enakmen tersebut telah diluluskan oleh Dewan Negeri Selangor pada 22 November 1985 dan dikuatkuasakan pada 2 Jun 1986. Secara dasarnya pindaan kepada Enakmen Nombor 5 Tahun 1985. Bertujuan untuk menaikkan kadar hukuman denda dan tempoh dan pemenjaraan yang diperuntukkan dalam Enakmen Nombor 5 Tahun 1985 untuk membendung dan menghalang mana-mana orang daripada menceroboh hutan-hutan dalam Negeri Selangor. Semenjak 2008 pihak Kerajaan Negeri Selangor mengutamakan pemuliharaan dan konservasi hutan sebagai satu

27 MAC 2018 (SELASA)

langkah kelestarian masa depan rakyat serta generasi yang akan datang. Melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, pihak Kerajaan Negeri mewujudkan perlindungan hutan lima bintang yang terbaik di Malaysia. Satu moratorium 25 tahun di mana lesen pembalakan komersial dibekukan di Selangor serta-merta. Dua, Pindaan Enakmen Seksyen 11 yang mewajibkan pendengaran awal dilakukan sebelum sebarang warta keluar hutan simpan kekal. Tiga, Enakmen Seksyen 12 yang dikuatkuasakan di mana hutan simpan kekal yang di warta keluar mesti digantikan kawasan yang lebih besar dan lebih bernilai dan dengan serentak. Dan saya dengan bangganya ingin maklum dalam dewan yang mulia ini bahawa hanya di Negeri Selangor Seksyen 12 ini dikuatkuasakan. Sebarang warta keluar hanya untuk kegunaan infrastruktur awam ataupun projek-projek kepentingan awam dan kelima, sejak 2008 lebih dari 12 ribu hektar kawasan hutan simpan kekal telah diwartakan masuk dalam Negeri Selangor.

Walaupun Selangor pesat membangun namun khazanah alam semula jadi tetap dijaga. Kebelakangan ini pihak SPRM bersama dengan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, JPSM giat beroperasi siang dan malam menyerbu dan menangkap pencuri dan penceroboh hutan simpan di seluruh semenanjung Malaysia. Di Selangor, ianya merupakan satu-satunya negeri yang berjaya menambah jumlah hutan simpan kekal tahun demi tahun. Pengurusan hutan simpan di Negeri Selangor turut diiktiraf dan dijadikan contoh pengurusan hutan terbaik oleh pihak UNDP dan juga negara-negara Asean. Pegawai-pegawai Jabatan Perhutanan Negeri Selangor bekerja kuat, bertungkus-lumus mempertahankan dan memelihara hutan-hutan di negeri ini. Selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN yang ketiga 2018 yang diadakan pada 24 Januari 2018 yang telah disahkan oleh MMKN Ke 4/2018 pada 7 Februari 2018 telah memutuskan supaya cadangan Pindaan Enakmen (Pemakaian Akta Perhutanan Negara 1985) berhubung hukuman yang lebih berat kepada penceroboh hutan dilaksanakan dengan segera. Pindaan ini meningkatkan lagi perlindungan hutan yang sedia ada serta memberi saranan pencegahan kepada semua. Yang Berhormat Speaker, Rang Undang-undang Enakmen (Pemakaian Akta Perhutanan Negara 2018 bertujuan untuk meminda beberapa seksyen dan memasukkan beberapa seksyen baru ke dalam Enakmen Nombor 5 Tahun 1985. Cadangan pindaan ini bertujuan untuk mencegah dengan izin *to deter* dan seterusnya mengekang individu daripada melakukan kesalahan hutan dengan menaikkan jumlah denda dan tempoh pemenjaraan dipanjangkan. Pindaan-pindaan yang hendak dilakukan kepada Enakmen Nombor 5 Tahun 1985 adalah seperti yang berikut. Seksyen 5 Enakmen Nombor 5 Tahun 1985 dipinda dalam perenggan 5 (1)(a) dengan memotong perkataan “yang berpangkat tidak rendah, rendah daripada Penolong Pegawai Hutan Daerah”. Pindaan ini adalah bertujuan mengoperasi di jabatan dan ianya adalah perlu bagi meluaskan skop perwakilan kuasa oleh Pengarah Perhutanan Negeri Selangor kepada mana-

27 MAC 2018 (SELASA)

mana Pegawai Hutan yang dilantik di bawah Enakmen. Perwakilan kuasa tersebut seharusnya tidak seharusnya terhad kepada Penolong Pegawai Hutan Daerah sahaja kerana Pegawai. Maaf, kerana Pengarah Perhutanan Negeri seharusnya boleh menurunkan kuasa kepada mana-mana Pegawai Hutan bagi maksud menjalankan tugasnya di bawah Enakmen Nombor 5 Tahun 1985.

Seksyen 15 Enakmen Nombor 5 Tahun 1985 dipinda dalam Perenggan 15(2) dengan memperincikan lagi dan menaikkan kadar hukuman iaitu daripada denda tidak melebihi RM500 ribu dan pemenjaraan tidak kurang daripada 1 tahun tetapi tidak melebihi 20 tahun kepada denda tidak kurang daripada RM100 ribu tetapi tidak melebihi RM1 juta dan pemenjaraan tidak kurang daripada 5 tahun tetapi tidak melebihi 20 tahun. Bagi kesalahan di bawah seksyen tersebut berkaitan dengan kesalahan melibatkan hasil utama hutan dan hasil kecil hutan yang isi padunya kurang daripada 2 meter padu dan lebih daripada 2 meter padu di hutan simpan kekal dan tanah kerajaan. Sebagai tambahan, kesalahan yang melibatkan tumbuhan daratan di bawah Jadual Ketiga Akta Perdagangan mengenai spesies terancam 2008 ataupun Akta 686 juga dimasukkan di bawah seksyen tersebut.

Seksyen 40 Enakmen Nombor 5 Tahun 1985 dipinda dalam Perenggan 40(2) dengan memperincikan lagi dan menaikkan kadar hukuman iaitu daripada denda tidak melebihi RM500 ribu dan pemenjaraan tidak kurang daripada 1 tahun tetapi tidak melebihi 20 tahun kepada denda tidak kurang daripada RM100 ribu tetapi tidak melebihi RM1 juta dan pemenjaraan tidak kurang daripada 5 tahun tetapi tidak melebihi 20 tahun. Bagi kesalahan seksyen tersebut berkaitan kesalahan yang melibatkan lesen pemindah bagi memindahkan hasil utama hutan dan hasil kecil hutan yang isi padunya kurang daripada 2 meter padu dan lebih daripada 2 meter padu di tanah beri milik, tanah di bawah lesen pendudukan sementara, tanah lombong dan tanah rizab. Seksyen 86 Enakmen Nombor 5 Tahun 1985 dipinda dengan diperincikan lagi dengan menaikkan kadar hukuman iaitu daripada denda tidak lebih dari RM500 ribu dan pemenjaraan tidak kurang daripada 1 tahun tetapi tidak melebihi 20 tahun kepada denda tidak kurang daripada RM100 ribu tetapi tidak melebihi RM1 juta dan pemenjaraan tidak kurang daripada 5 tahun tetapi tidak melebihi 20 tahun. Bagi kesalahan yang melibatkan kesalahan bagi melancong ataupun mencacat atau memiliki alat bagi melancong tanda pada pokok dan kayu dan mengubah tanda sempadan.

Seksyen 25, 32, 47, 50, 66,67, 68, 69, 81, 82, 83, 84, 85, 87, 92, 93, 96, 97, 98, 100, dan 107. Enakmen Nombor 5 Tahun 1985 dipinda dengan menaikkan kadar denda dan pemenjaraan daripada RM50 ribu atau pemenjaraan bagi tempoh tidak melebihi 5 tahun masing-masing kepada denda melebihi RM 100 ribu atau pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada 6 bulan dan tidak melebihi 10 tahun. Enakmen Nombor 5

27 MAC 2018 (SELASA)

Tahun 1985 juga dipinda dengan memasukkan beberapa seksyen baru ke dalamnya iaitu seksyen baru iaitu 103(a), 103(b) dan 110(b). Seksyen baru 103(a) bertujuan bagi menjelaskan keadaan bahawa apa-apa tindakan pendakwaan bagi mana-mana kesalahan di bawah Enakmen hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis daripada pendakwa raya terlebih dahulu. Seksyen baru 103(b) bertujuan untuk bagi menghalang apa-apa pembuatan salah isytihar atau pengisytiharan palsu oleh mana-mana orang dalam memberikan satu pengisytiharan pernyataan perakuan atau dokumen lain yang dikehendaki di bawah Enakmen ini. Ini akan menjadi satu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi RM100 ribu atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun. Seksyen baru 110B bertujuan untuk memperuntukkan kesalahan bagi persubahatan dan percubaan untuk melakukan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen boleh dikenakan hukuman yang diperuntukkan bagi suatu kesalahan itu. Pada 21, minggu lepas merupakan sambutan Hari Hutan Sedunia yang bertemakan Hutan Dan Kelestarian Bandar. Tema ini mengingatkan kita akan kepentingan khazanah hutan dalam aspirasi membangunkan sebuah negeri mampan dan Smart Selangor. Yang Berhormat Speaker, saya mohon mencadang.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan ini telah pun disokong. Saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan. Sekinchan, 10 minit.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih, Tuan Speaker. Sekinchan ingin turut serta dalam perbahasan Enakmen Pemakaian Akta Perhutanan Negara Pindaan 1985 di mana pindaan ini, pemakaian Akta Perhutanan Negara Pindaan 1985 ini sangat sesuai pada masanya di mana sudah lebih 33 tahun kalau kira-kira daripada Akta yang diluluskan pada ketika itu dan banyak klausa dan banyak hukuman yang terkandung dalam Akta Perhutanan Negara 1985 ini sudah tidak *relevant* ataupun sudah tidak sesuai dengan keadaan perkembangan semasa. Maka dengan itu Selangor, Negeri Selangor saya ucapkan tahniah Yang Amat Dato Menteri Besar, dan juga Yang Berhormat EXCO, tahniah kerana kita telah proaktif, kita telah melangkah ke depan, melangkah ke depan untuk mengadakan pindaan, meminda Akta Enakmen pemakaian ini supaya ia sesuai dan *relevant* sepanjang masa. Dan pada masa yang sama Tuan Speaker, Selangor juga begitu tegas, Kerajaan Negeri Selangor begitu tegas dan juga komited dalam isu memelihara hutan simpan dan memelihara alam sekitar, khususnya dalam konteks hutan simpan kekal, paya gambut, paya bakau dan sebagainya di mana sejak 10 tahun yang lalu di bawah kerajaan yang baru kita sudah mengadakan satu dasar dan polisi di mana sebarang tidak dibenarkan, tidak dibenarkan sebarang aktiviti pembalakan secara komersial melainkan dia melibatkan pembangunan infrastruktur dan juga kemudahan awam. Ini tidak pernah dilakukan oleh mana-mana negeri tidak

lain tidak bukan hanya Negeri Selangor. Inilah Negeri Selangor masa depan negara di mana kita bukan sahaja mengurus tadbir semua aspek dengan begitu teratur dan teliti dalam isu memelihara alam sekitar dan juga isu memelihara hutan simpan juga kita berada di depan. Ya, kita berada di hadapan dan kita tidak mengharapkan bahawa hasil hutan yang kita kutip selama ini untuk dijadikan hasil utama bagi negeri kerana Negeri Selangor kita melaksanakan dasar yang tatacara yang baik, telus dan berintegriti maka khazanah dan juga hasil negeri diurus dengan baik oleh sebab itu kita tidak bergantung pada hasil perhutanan dan pembalakan. Tanpa hasil daripada perhutanan tersebut pun Selangor mampu menjaga rakyat dengan baik, memberi kebajikan, pembangunan yang mampan, yang begitu pesat. Inilah Selangor peneraju masa depan negara. Ingin saya tegaskan dalam Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Tuan Speaker, bahawa bukan sahaja Selangor kita menetapkan tiada pembalakan dalam masa yang sama kita juga berusaha keras, saya ucapkan tahniah, kerana kita berusaha keras memastikan keluasan, keluasan hutan kita, hutan kita hutan kekal kita mesti melebihi 30% sekurang-kurangnya nisbahnya 30% ke atas supaya kita nak memastikan kelestarian kehijauan hutan kita dan kawasan kita untuk generasi-generasi kita akan datang. Ini cukup penting ye.

Pada masa yang sama juga, saya ingin menyatakan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor juga sering turun padang, mencemar duli turun padang menanam dalam Program Tanam Pokok. Saya pernah menyertainya bersama pada tahun yang lalu di Kuala Selangor, Taman Alam dan tahun ini di saya difahamkan di Sepang, di Sepang. Ha... inilah caranya yang terbaik untuk kita mampu menangani cabaran perubahan iklim apabila tanam pokok kita dapat menangani cabaran perubahan iklim, pemanasan global dan juga pelepasan karbon. Ini aktiviti semuanya telah dirancang oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor bersama Kerajaan Negeri daripada masa ke semasa daripada waktu yang sesuai untuk kita lakukan. Pada masa yang sama juga saya ingin tegaskan bahawa Selangor sebagai perintis kepada sebuah negeri hijau yang mengekalkan hutan simpan, memelihara flora dan fauna, kita harus bukan sahaja kita menitik berat tentang hukuman ya, kita sekarang dah buat pindaan supaya hukuman lebih berat dan lebih spesifik, lebih spesifik kepada tajuk dan kesalahan-kesalahan kepada penceroboh-penceroboh hutan. Itu langkah proaktif. Namun begitu saya ingin bangkitkan dalam Dewan ini mengesyorkan bahawa terdapat juga kawasan-kawasan di mana terdapat penempatan-penempatan. Dia bukan ceroboh tetapi dah lama dah, isu lama, isu 30 tahun, isu 50 tahun seperti penempatan nelayan di hutan simpan paya bakau di Sungai Janggut. Di Sungai Janggut, di situ ada penempatan nelayan, sudah sekian lama di situ. Jadi, apabila kita melaksanakan, menguatkuasakan Enakmen pemakaian Akta Perhutanan Negara, ini ada masalah berlaku di situ. Jadi, kerajaan saya syorkan kena ambil sikap peduli rakyat, sikap yang lebih bertolak ansur, bagaimana kita nak membantu mereka menyelesaikan

penempatan di situ. Kalau setakat kita nak halau mereka sahaja saya rasa itu isunya tidak dapat diselesaikan. Pada masa yang sama terdapat jeti-jeti, jeti-jeti ikan, jeti-jeti pendaratan ikan nelayan yang selama ini mereka bina, mereka bina di kawasan hutan simpan yang dijaga dipantau oleh Jabatan Perhutanan Negeri. Ini juga, apabila kita kuatkuasakan undang-undang sedemikian, ini juga akan mendatangkan implikasi, mendatangkan masalah kepada mereka bagaimana kita hendak mencari satu jalan tengah untuk membantu nelayan dan memastikan hutan simpan kita masih kekal dengan baik. Ha..ini kita cari satu kaedah menang-menang, *win-win situation* supaya perkara sedemikian kita dapat mempertahankan hak rakyat dan juga menjaga kelestarian hutan. Ini antara cadangan saya, pada masa yang sama juga, saya ingin nyatakan bahawa dalam konteks kuasa pemantauan, pemantauan dan penguatkuasaan itu juga penting. Apabila kita ada undang-undang yang ketat, hukuman yang ketat tetapi penguatkuasaan dan juga pemantauan itu kalau lemah, tidak proaktif, dia juga tidak membantu, undang-undang tinggal undang-undang tetapi pencerobohan-pencerobohan tetap akan berlaku. Tetapi setakat ini saya nampak di Selangor syukur Alhamdulillah, kita dalam keadaan yang baik, pemantauannya rapi tetapi saya harap apabila ada undang-undang yang ketat pindaan Akta Perhutanan Negara 1985 ini kita pastikan hutan-hutan kekal di mana-mana pun seluruh pelosok Negeri Selangor tidak dicerobohi oleh mana-mana anasir sama ada komersial sama ada mereka cuba nak ambil balak ke, kayu bakau dan sebagainya, ini kita harus pastikan pasukan penguatkuasaan dan juga pemantauan dipertingkatkan dan peralatan-peralatan harus dilengkapi dengan lebih canggih. Maka dengan itu saya yakin, dengan kaedah-kaedah sedemikian, Selangorlah terus berada di hadapan, Selangorlah negeri contoh masa depan Malaysia dalam isu soal, bukan soal pentadbiran sahaja, soal ketelusan, soal integriti, soal amanah dan soal memelihara hutan, kita berada di depan. Jadi, saya menyokong penuh pindaan ini. Sekian, terima kasih, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku, lima minit.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN:. Ya, terima kasih Puan Speaker. Kampung Tunku juga ingin mengucapkan syabas kepada kerajaan dari mengambil bahagian dalam perbahasan ini untuk memastikan beberapa perkara diberi penjelasan yang sebolehnya. Perkara yang pertama iaitu berkaitan Pindaan Seksyen 15 yang melibatkan takrifan tentang kesalahan. Saya ingin bertanya dan mendapat kepastian daripada Kerajaan Negeri Selangor bahawa hutan ini bagi komuniti orang asli khususnya hutan simpanan merupakan *hypermarket* mereka. Jadi, kalau ikut takrifan yang dipindahkan, yang dicadangkan untuk dipinda di sini maka sekiranya mereka masuk ke hutan dan mendapat mengeluarkan hasil utama hutan walaupun isi padunya kurang daripada 2 meter padu, adakah mereka mungkin didenda di bawah Akta ini ataupun disabit salah

di bawah Akta ini. Contohnya, hasil hutan mungkin yang boleh dikeluarkan oleh mereka ialah petai kononnya ataupun durian dan sebagainya. Ini adalah hasil hutan yang selalu kita nampak digunakan oleh komuniti orang asli bukan sahaja untuk kegunaan mereka tetapi juga digunakan untuk menjana pendapatan mereka. Saya memohon penjelasan daripada kerajaan supaya perkara ini dapat diperjelaskan sekiranya ada pendakwaan di baris hadapan melibatkan orang asli maka perkara ini ucapan kita ini boleh dijadikan sandaran oleh mahkamah bagi mendapat interpretasi yang lebih jelas.

Kedua; Tuan Speaker, saya tiada akan *Benefit Of Referring To The Murder Act* iaitu kesalahan yang melibatkan syarikat dan organisasi. Sebab di sini, kalau kita lihat pindaan-pindaan di sini ianya hanya berkenaan dengan pesalah-pesalah individu sahaja ataupun manusia ataupun orang tetapi sama ada syarikat, ataupun pengarah syarikat, *Liable* pertanggunganan terhadap kesalahan ini kita tidak pasti. Jadi saya memohon supaya perkara ini dapat juga boleh diperjelaskan. Itulah sedikit sebanyak persoalan yang saya ingin bertanyakan. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang, lima minit.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker, saya ingin mengambil bahagian, pertamanya tentang komitmen Kerajaan Negeri perihal hutan. Akta ini adalah Akta Persekutuan dan kita dapat maklumat bahawa pindaan akan dilakukan cuma Kerajaan Negeri mendahuluinya dengan sekarang dan satu perkara yang ingin saya ketengahkan di sini ialah tentang apabila kita melihat sejarah kemudian, pindaan telah dibuat. Siapa yang membuatnya, Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor di mana kita adalah *layman*. Jadi persoalan kita harapan saya pada masa-masa yang akan datang sekiranya kita terus memerintah kita wujudkan semangat reformasi dalam segala-galanya. Reformasi dalam membolehkan Ahli Dewan Negeri berhujah, berbahas dengan bantuan peguam yang memberikan input yang mendalam dan sebagainya. Kerana apa yang dinyatakan pada hari ini sebagaimana biasa iaitu EXCO menjelaskan tadi Undang-undang ini hendaklah dibahaskan, diluluskan di setiap peringkat maknanya macam mana yang pertama, kedua dan ketiga. Spirit ataupun roh reformasi dalam undang-undang dan perundangan itu telah berlaku. Dan saya termasuk dalam sejarah salah seorang Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor yang telah meluluskan satu pindaan Akta Enakmen yang meletakkan hukuman yang sangat berat, ini sangat berat. Persoalannya, orang kita sedar yang lepas-lepas apabila ada peraturan-peraturan undang-undang itu dikatakan zalim dan ini kita terikat. Cuma yang kita tahu mendrafkannya ialah pakar dalam bidang tersebut, EXCO yang telah melihatnya juga, yang meluluskannya juga, memahami konteksnya. Tetapi sejarah akan membukukan bahawa *layman* membuat satu *endorsement* dengan izin, satu

27 MAC 2018 (SELASA)

perkara yang mereka tidak ada kepakaran. Jadi, harapan saya perkara ini hendaklah diketengahkan sebagai satu rangsangan bahawa bukan hanya kita ingin mendahului Kerajaan Negeri, Pusat tetapi kita ingin memastikan bahawa kita lakukan dengan baik dan lebih cemerlang pada masa-masa akan datang. Walau bagaimanapun, saya menyokong dan saya berharap pindaan ini akan membawa kebaikan kepada semua. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik. Lima minit.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker, tahniah kepada Kerajaan Negeri yang mengusahakan untuk memastikan kawalan hutan dilaksanakan dengan baik dengan Enakmen ini. Kalau kita lihat hutan ini ada kesan secara langsung dengan sumber air. Sepanjang rizab hutan di banjaran daripada utara ke selatan, terdapat 5 *dam* yang memastikan cukup air untuk rakyat Negeri Selangor. Jadi memastikan kawalan hutan dibuat cuma apa yang saya nak saya nak lihat yang dulunya adalah kampung. Di Sabak Bernam umpamanya, asalnya kampung digazet sebagai hutan yang masih dikeluarkan lagi dikeluarkan daripada hutan yang penduduk kampung, kampungnya adalah hutan tetapi sebenarnya adalah kampung. Jadi yang ini juga Kerajaan Negeri juga hendaklah diambil kira adakah ia juga hendak dikira dikeluarkan ataupun dikeluarkan gazet hutan kepada kampung tersebut. Ada sebahagiannya telah dijadikan usaha pertanian di kawasan Sepang umpamanya. Ini hutan yang telah jadi pertanian, dibenarkan untuk usaha-usaha pertanian. Apa yang penting, saya nak tanya YB Exco, pernah tak naik helikopter melihat kawasan hutan-hutan di Negeri Selangor? Jadi untuk melihat keindahan hutan-hutan ini, kebetulan saya pernah melihat sendiri daripada udara, sebab kawalan hutan ini mesti melalui udara. Pulau-pulau di kawasan Klang (umpamanya) dalamnya telah pun kosong kerana balak-balak bakaunya telah ditebang. Saya cadangkan supaya Jabatan Perhutanan ini dengan teknologi yang ada sekarang ini *slide* ataupun *drone* untuk memantau hutan-hutan yang ada dan dilengkapi mereka dengan teknologi-teknologi ini.

Seterusnya ialah apa yang disebut oleh Kampung Tunku. Sebab ada orang-orang asli yang mengambil hasil hutan sebagai sumber pendapatan mereka seperti rotan dan buluh. Biasanya bila nak raya, masyarakat Islam memerlukan banyak buluh untuk membuat lemang dan kita order daripada orang asli. Waktu Pilihan Raya juga. Waktu Pilihan Raya banyak buluh ditebang untuk pasang bendera. Untuk raya dan Pilihan Raya. Dan biasanya waktu raya banyak buluh-buluh ditebang jadi orang asli mengeluarkan buluh-buluh ini untuk kegunaan masyarakat Islam untuk buat lemang dan banyak jumlahnya. Dan sekarang harganya jadi mahal.

27 MAC 2018 (SELASA)

Seterusnya ialah soal pencerobohan. Apakah kawalan kerajaan memastikan bahawa tidak ada pencerobohan? Sebab ada agen-agen jual tanah, dia menceroboh hutan, dia jual pada orang, dan orang beli. Apakah ini masih lagi berlaku? Jadi hanya dengan menaikkan hukuman, adakah ini memberi kesan besar kepada pengawalan hutan yang ada? Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Baiklah, saya jemput pihak kerajaan untuk memberi *feedback* atas perkara yang telah dibahaskan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Sekinchan, Kampung Tunku, Hulu Kelang dan Kota Anggerik.

Apa yang dibangkitkan oleh Sekinchan tadi tentang penempatan nelayan lama ataupun bagan-bagan yang saya difahamkan berjumlah lebih daripada 19 bagan di seluruh Negeri Selangor dan juga beberapa jeti-jeti lama yang digunakan oleh nelayan-nelayan khasnya yang duduk di kawasan bagan dan dalam kawasan (dalam sempadan hutan simpan), maka Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah ada satu kajian dan juga cadangan untuk menyelesaikannya iaitu dengan memutihkan atau memberi permit penggunaan. Cuma pada ketika ini, ianya masih diperincikan. Jadi, kita bekerjasama dengan YB EXCO yang jaga bagan dan juga kampung-kampung baru di Negeri Selangor supaya perkara ini boleh dilaksanakan dengan baik.

Soalan tentang apa akan terjadi kepada orang asli? Untuk makluman YB Kampung Tunku, Hulu Kelang (saya rasa Hulu Kelang juga prihatin tentang orang asli) dan juga Kota Anggerik, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor ada satu hubungan yang sangat baik dengan orang asli. Bukan saja di peringkat Negeri Selangor, tetapi di peringkat semenanjung Malaysia. Setiap tahun sekurang-kurangnya ada satu mesyuarat penyelarasan antara Jabatan Kemajuan Orang Asli dengan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri Selangor bersama dengan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor membenarkan orang asli di Negeri Selangor untuk mengutip hasil hutan. Tapi bukan menebang pokok-pokok ataupun meminda kayu-kayu balak yang keterlaluan. Maka seperti mengutip petai, mereka juga ada kebun, mereka menoreh getah, mereka mengangkat rotan bukan saja hari raya, pilihan raya pun ada. Hari raya ada dan sebagainya. Tapi jangan lupa bayar royalti kepada Kerajaan Negeri khasnya ahli-ahli politik yang ambil rotan daripada orang asli. Jadi, kita membenarkan mereka buat begitu. Ada beberapa penempatan orang asli yang juga masih dalam sempadan hutan simpan kekal dan kita juga membenarkan. Kita membenarkan mereka duduk di sana, kita membenarkan mereka bina infrastruktur asas di dalam itu tetapi mereka tidak dibenarkan untuk membuka hutan simpan kekal untuk membuat ladang (ladang kelapa sawit, ladang getah, ladang nanas dan

27 MAC 2018 (SELASA)

sebagainya). Jadi ada satu persefahaman antara kampung-kampung orang asli dan juga Jabatan Perhutanan Negeri Selangor supaya kita dapat hidup secara damai bersama dengan kampung orang-orang asli.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Boleh saya mencelah Tuan Speaker? Boleh saya beranya?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Ya, boleh, boleh celah.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : boleh?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Silakan Hulu Bernam.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya mengenai orang asli ini. Bila mereka tidak boleh membuka ladang (contoh kelapa sawit), ok tak apalah. Tapi kalau tanaman kontan yang lain yang sementara apa salahnya. Sebab mereka juga perlu pendapatan sebab mereka tidak ada hasil yang lain. Soalan saya, saya ingin Exco tolong jawab.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Kalau sesuatu aktiviti menyebabkan ataupun memerlukan pokok hutan ditebang untuk membuka tanah, maka itu tidak dibenarkan. Tetapi kalau orang asli mengutip, membuat kebun, mereka buka kebun bukan mengosongkan tapak tersebut. Mereka tanam pokok getah, pokok petai sudah lama di sana (30 tahun), pokok durian dan sebagainya. Mereka memang dibenarkan untuk mengutip hasil yang memang ditanam lama, bukan hari ini ataupun ianya ditanamkan 20 ke 30 tahun yang lalu. Ok?

Kampung Tunku juga telah membawa satu pertanyaan iaitu adakah syarikat ataupun organisasi akan didakwa kalau mereka didapati membuat kesalahan di bawah Akta tersebut. Memang organisasi dan juga syarikat boleh didakwa di bawah Enakmen ini.

Hulu Kelang, saya rasa mungkin rintihan hati Hulu Kelang adalah Yang Berhormat rasa ini adalah satu undang-undang yang kononnya zalim. Tetapi kalau kita lihat sejak Enakmen ini digubal iaitu lebih daripada 30 tahun yang lalu, denda dan juga pensabitan ataupun pemenjarannya tidak (boleh dikatakan tidak) di *outdated* kan (dengan izin). Jadi daripada Kerajaan Negeri Selangor, kita bukan fikir perkara ini untuk hari ini sahaja. Tetapi kita fikir untuk jangka masa panjang iaitu 20 tahun yang akan datang. Jadi kita harap

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Penjelasan.

27 MAC 2018 (SELASA)

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : pindaan ini dapat mencegah berlakunya kesalahan-kesalahan di bawah Enakmen tersebut. Silakan.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih jawapan yang telah diberi Yang Berhormat. Isu-isu saya adalah tentang semangat pindaan yang kita nak buat. Reformasi dalam kita mengendalikan pindaan-pindaan ataupun menggubal Rang Undang-undang di mana saya lihat kita memang telah mendahului banyak aspek terutamanya dari segi *Freedom of Information Act* (Enakmen Kebebasan Maklumat). Kita mendahului Pusat (kita mendahului Kerajaan Persekutuan) yang kita lakukan dengan penuh teliti, Exco membawa satu rang undang-undang yang dibahaskan bagi bacaan pertama, kemudian ditubuhkan *Select Committee* (dengan izin) (*Special Select Committee*) untuk membahaskan bagi bacaan kedua dan ketiga. Ini cukup cantik. Dan kalau kita boleh fikirkan pada masa-masa yang akan datang, kita akan terus memerintah Selangor, kita pastikan bahawa kita teliti Adun-Adun kita yang akan membuat keputusan itu, mendengar, mengadakan ruang untuk berdiskusi membawa bacaan kedua, ditubuhkan lagi *select committee*, saya rasa lebih pun boleh itu. Itu saja poin yang saya nak bawa.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih kita (daripada kerajaan) akan mengambil maklum dan perkara ini boleh dibangkitkan oleh YB Speaker dalam urusan Dewan ataupun kalau ada niat untuk meminda Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor. Akhirnya

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : soalan yang dibangkitkan

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Ok.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ok. Terima kasih. Berkenaan dengan penjelasan yang diberikan oleh YB Exco tentang aktiviti orang asli di kawasan hutan. Saya lihat sekiranya kita ikut perkataan-perkataan yang ada dalam Rang Undang-undang ini memang tidak dimasukkan. Jadi cadangan saya kepada kerajaan, saya pasti dalam Enakmen pertama, (*still respect*) mestinya ada satu klausa yang memperuntukkan kuasa kepada kerajaan untuk mengemaskinikan pentadbiran Rang Undang-undang ini melalui satu warta kerajaan. Adakah mungkin dasar kerajaan dalam membenarkan aktiviti orang asli ini yang telah pun dijadikan sebagai dasar,

27 MAC 2018 (SELASA)

dimasukkan sebagai satu warta dalam kerajaan dari semasa ke semasa supaya perkara ini dapat diberi penjelasan yang lebih menyeluruh. Itulah sedikit sebanyak cadangan saya.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Kampung Tunku. Dari segi itu, kita tidak ada niat untuk ada satu warta ataupun jadual atau apa-apa kerana Akta 313 harus juga dibaca serentak bersama dengan Akta 134 iaitu Akta Orang Asli. Di mana dalam Akta Orang Asli (134) disebut dengan izin dalam Bahasa Inggeris kerana saya tidak ada Akta di sini '*the rise of the indigenous people cannot be extinguished just because they are placed in a Malay reserve or in a forest reserve*' (dengan izin) '*there is the summary I am not quoting this them*'.

Akhirnya Kota Anggerik, tak tahulah tiba-tiba nak naik helikopter. Jabatan Perhutanan Negeri Selangor tidak perlu naik helikopter. Kita ada 3 *drone*. Jadi kita (itu) adalah satu cara kita memantau kepadatan dan juga kes-kes aduan dan sebagainya. Dan ini dilakukan setiap kali (bukan sekali setahun sahaja). Jadi selama ini kita dapat menangani beberapa isu pencerobohan hutan-hutan simpan yang kita boleh nampak melalui *drone* dan kita juga boleh masuk ke kawasan hutan simpan yang lebih mendalam supaya kita dapat memantaunya dengan lebih efektif.

Dengan itu, Tuan Speaker saya rasa saya telah jelaskan seberapa boleh beberapa pertanyaan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat dan saya ingin ucapkan terima kasih kepada semua dan saya harap Yang Berhormat-Yang Berhormat juga akan mengambil kesempatan ini untuk meluluskan Enakmen pindaan kepada Enakmen ini yang sangat penting.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan ialah bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen pemakaian Akta Perhutanan Negara 1985.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker, saya memohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbangkan Rang Undang-undang ini fasal demi fasal.

TUAN SPEAKER : Penyokong?

27 MAC 2018 (SELASA)

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 1.

TUAN SPEAKER : Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 2.

TUAN SPEAKER : Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 3.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Pengerusi.

TUAN SPEAKER : Ya, Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Pengerusi, saya masih lagi agak minta penjelasan tentang hukuman yang berat di sini. Adakah kalau nanti di peringkat persekutuan meluluskan satu Akta yang rendah lagi daripada hukuman ini, apa yang boleh berlaku di antara Kerajaan Negeri dan kerajaan persekutuan?

TUAN SPEAKER : Baiklah, saya jemput pihak kerajaan untuk menjawab.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Sebenarnya perkara ini telah dibincang antara Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor bersama dengan pegawai-undang-undang daripada dua-dua jabatan dan juga dengan izin *tiny channel chamber*. Jadi tidak ada isu pertindihan kuasa atau pun *mismatch of power* dengan izin dan saya rasa ini sebenarnya juga adalah cadangan yang dikemukakan oleh pihak Persekutuan melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, cuma Kerajaan Negeri Selangor yang tampil ke depan untuk membawa pindaan ini pada sesi yang kita ada sekarang.

27 MAC 2018 (SELASA)

TUAN SPEAKER : Fasal 3 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

SETIAUSAHA : Fasal 4 hingga Fasal 5.

TUAN SPEAKER : Fasal 4 hingga Fasal 5 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

SETIAUSAHA : Fasal 6

TUAN SPEAKER : Fasal 6 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

SETIAUSAHA : Fasal 7 hingga Pasal 25

TUAN SPEAKER : Fasal 7 hingga Fasal 25 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

SETIAUSAHA : Fasal 26

TUAN SPEAKER : Fasal 26 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

SETIAUSAHA : Fasal 27

TUAN SPEAKER : Fasal 27 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Boleh kuat sikit tak, saya hanya dengar 1 orang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

SETIAUSAHA : Fasal 28

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Tuan Pengerusi

TUAN SPEAKER : Ya Hulu Kelang

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Saya ingin bertanya definisi takrifan kepada persubahatan dan percubaan itu cukup dihuraikan ia tidak boleh menimbulkan sebarang pertikaian . Takrifan

TUAN SPEAKER : Sila kan

27 MAC 2018 (SELASA)

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Enakmen Akta ini definisikan tidak ada di depan.

TUAN SPEAKER : Ya Sungai Pinang

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ya Tuan Speaker dalam kesalahan seperti ini dia berbentuk *criminal*. Ia sebenarnya tidak taksiran di dalam Akta ini kita boleh rujuk pada *Penal Code*. Akta keseksaan. Jadi sekiranya tidak ada lagi, maka

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Saya tak faham lagi. *Penal Code* maknanya

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ada taksiran pada *Penal Code*. Sekiranya tidak ada mahkamah ada kuasa untuk memberi taksiran.

TUAN SPEAKER : Baiklah. Fasal 28 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

TUAN SPEAKER : Silakan pencadang.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini seperti yang telah diperbincangkan dan telah dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

TUAN SPEAKER : Penyokong.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Dewan bersidang semula

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Pengerusi, saya mohon maklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui. Oleh itu saya mencadangkan Rang Undang-undang ini dibaca kali ketiga dan diluluskan sekarang.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat cadangan di hadapan Dewan ini ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

SETIAUSAHA : Bacaan kali yang ketiga. Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Pemakaian Akta Perhutanan Negara Pindaan 2018. Aturan

27 MAC 2018 (SELASA)

seterusnya, usul Menyembah Ucapan Terima Kasih Serta Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

TUAN SPEAKER : Sekinchan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker

TUAN SPEAKER : 20 minit ya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya mohon izin untuk membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut : Ampun Tuanku, Patik-patik sekalian iaitu Speaker Ahli-ahli Dewan Selangor yang berhimpun di dalam Dewan ini memohon sembah terima kasih serta menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bagi membuka dengan rasminya Mesyuarat Pertama Pembukaan Penggal Keenam Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas. Tuan Speaker, Yang Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ketua Jabatan dan Kakitangan Kerajaan serta pemerhati yang saya muliakan. Salam sejahtera salam ubah untuk semua. Pergi ke pasar bersama nyonya, malam hari memasang pelita, emas dan permata ada harganya, curi wang rakyat bukan budaya kita. Anak Pak Halim pergi Beruas, singgah sebentar membeli gelas, pemerintahan zalim pasti di balas, rakyat akan menghukum PRU 14. Tuan Speaker terlebih dahulu Sekinchan ingin kesempatan merakamkan ucapan setinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Azmin Ali di bawah kepimpinannya walau dalam tempoh yang singkat iaitu 3 tahun setengah sejak 23 September 2014 telah mencatat kejayaan demi kejayaan seperti menamatkan dasar yang peduli rakyat dan yang paling penting dapat memacu ekonomi negeri dengan begitu pesat membangun. Selangor terus berada di hadapan jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain dalam konteks sumbangan keluaran dalam negeri kasar KDNK sebanyak 22.7 peratus. Tambahan pula kestabilan politik dan pendekatan sederhana serta eksklusif yang diamalkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar merupakan faktor yang membawa pencapaian yang cemerlang pada masa yang sama aura kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar berjaya menarik sokongan dan dorongan padu pada anggota perkhidmatan awam yang begitu komited dan pro aktif serta memberi kerjasama yang padu untuk membantu untuk agenda pembangunan Negeri Selangor. Kini sokongan dan kepuasan rakyat berbagai-bagai lapisan masyarakat sama ada kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain. Sokongannya begitu tinggi terhadap Kerajaan Negeri Selangor. Tuan Speaker oleh kerana pentadbiran pengurusan Kerajaan Negeri Selangor, yang berpaksikan prinsip *good governance* ketulusan, cekap amanah dan integriti serta cekal menentang rasuah dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor juga berkenan dengan usaha Kerajaan Negeri Selangor yang bukan sahaja memberi perhatian penting terhadap pertumbuhan ekonomi tetapi terus memelihara alam sekitar, melaksanakan

27 MAC 2018 (SELASA)

program IPR inisiatif Peduli Rakyat merangkumi sektor kesihatan, pendidikan perumahan dan keusahawanan. Begitu banyak peruntukan disalurkan untuk kejayaan untuk kebajikan rakyat menerusi program IPR. Pada tahun ini 2018, ingin saya tegaskan dalam Dewan yang mulia, program terbaru ia, yang dilaksanakan Kerajaan Negeri dan mendapat sambutan bagaikan pisang goreng kepanasan iaitu Program Kasih Ibu *Smart* Selangor (KISS). Di mana peruntukan sebanyak RM 72 juta telah disalurkan dalam Belanjawan 2018. Atas dasar peduli rakyat kasih sayang kerajaan Selangor pimpinan Yang Amat Berhormat Dato Menteri besar terhadap sumbangan dan pengorbanan kaum ibu, kaum wanita maka saya difahamkan.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : mencelah

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sekinchan, Hulu Bernam minta mencelah

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : sikit

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Saya ingin mintak penjelasan daripada Sekinchan, setuju tak kalau KISS itu Kiss Kiss kata tu, dia berupa pilih kasih di tempat kita yang menyokong yang PKR yang ahli semua dapat, yang tidak menyokong tidak dapat tetapi BRIM semua tak pilih bulu pun tidak seperti KISS, setuju tak.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Timbalan Speaker dan terima kasih Yang Berhormat Hulu Bernam. Saya sudah saya dalam Dewan ini, pantau teliti. Sering kali berlaku pilih kasih, hanya Hulu Bernam sahaja, lain orang tak ada. Yang ada masalah itu Hulu Bernam soal pilih kasih. Saya nak bagi tahu, dalam konteks kita bagi kad KISS Kasih Ibu *Smart* Selangor ini kita bagi semua di kawasan saya contohnya. Sekinchan kita bagi siapa sahaja latar belakang yang pentingnya dia cukup syarat. Syarat yang pertamanya saya nak tanya Hulu Bernam atau tak tahu pun syaratnya. Saya rasa Hulu Bernam *orak reti (bahasa jawa)* dengan izin. Syarat yang pertama isi rumah keluarganya RM 2000 pendapatan itu satu. Saya nak bagi sikit taklimat kepada Hulu Bernam. Yang keduanya mesti, mesti ada tanggungan, tanggungan 21 tahun, kalau lebih daripada itu ada 25 tahun 28 tahun tak ada bawah 21 satu tahun enggak bisa dong, tak boleh ya. Itu syarat kedua. Syarat yang ketiga untuk Hulu Bernam dia mesti pengundi di kawasan tersebut, misal kata kalau di Hulu Bernam, dia mesti pengundi Hulu Bernam. Kalau di Sekinchan mesti pengundi Sekinchan. Tidak kira dia undi UMNO

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : tak betul tu Sekinchan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Siapa-siapa pun tak kisah.

27 MAC 2018 (SELASA)

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Kalau 500 sorang satu DUN ramai yang tak dapat, nak bagi, bagi semualah. Sebab itu saya cakap, bukan saya cakap perkara tak fAkta, jangan cakap tak pilih kasih. Ini perkara betul, realiti, jangan tolak kebenaran

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya akan bagi penjelasan. Terima kasih Hulu Bernam, saya nak bagi tahu masuk peringkat bagi syarahan bagi taklimat penjelasan pencerahan bagaimana nak mohon sebab Hulu Bernam dia *confuse*, dia bukan tak tahu macam mana nak mohon sekarang kita permulaan program, sekarang kita bagi 500 dahulu kalau tak cukup akan datang saya yakin dan percaya di bawah pimpinan di bawah Yang terhormat Dato' Menteri Besar Selangor kita akan kaji dan boleh tambah dan tahun ini saya nak bagi tahu.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Mintak penjelasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Sahabat saya teman seperjuangan Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Pertama saya nak sokong apa yang Sekinchan, cuma setuju tak Sekinchan Hulu Bernam ini berkokok konon dia kata dia hero tapi sepanjang 50 tahun dia memerintah berapa ringgit yang UMNO bagi untuk Peduli Sihat ini.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Biar Sekinchan jawab

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Ini soalan pada Sekinchan dia nampak macam hero, seolah –olah dibela selama ini dia berapa banyak yang UMNO yang bagi

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Yang Berhormat Paya Jaras yang begitu prihatin dan membantu. Saya dah bagi tahu dalam konteks tadi saya ingin nyatakan bagi BRIM pun BRIM kenapa, kenapa Kerajaan bagi BRIM. Selangor kita bagi KISS saya bagi tahu Selangor bagi KISS. Kasih Ibu *Smart* Selangor, tapi kita tak membebankan kita tak kenakan cukai GST apa itu GST, rakyat di luar bandar ada yang bagi tahun saya bukan gasak sampai tua gigit sampai tulang.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Minta penjelasan, bagi saya penjelasan bagi saya penjelasan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : GST Gigit sampai tulang

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Sekinchan mai sini bagi

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : pagi gigit, tengah hari gigit, malam gigit, tidur cokat-cokat.

27 MAC 2018 (SELASA)

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Berlakon, pelakon handalan dalam Dewan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya belum bagi laluan kenapa bangun, mestilah menghormati Tuan Speaker

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sekinchan teruskan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya teruskan sebab

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya nak teruskan dahulu

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sekinchan, Permatang, nanti

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : dalam konteks kita bagi Kerajaan Negeri

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Bagi saya nak jawab dahulu sebelum dia nak, bercakap bagi fitnah lempar fitnah. Bagi saya jawab dahulu.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Hulu Bernam ini bukan sesi Hulu Bernam jawab. Sekinchan jawab dahulu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ya. Maknanya, kita tidak menyusahkan rakyat. Menekan rakyat, menindas rakyat dengan bebanan. Selangor, bukan kita tidak kenakan cukai 'gigit sampai tulang!'. 'Gigit sampai tulang' 6%, kita bagi pengecualian cukai pintu untuk Kampung Tradisi, untuk Kampung Baru, untuk Kampung Bagan, sejak 3 tahun berturut-turut. Dan hasilnya kalau setahun 60 juta kita tak kutip maknanya sudah 180 juta kita tak kutip. Itu yang pertama yang saya nak beritahu, kemudian kita bagi fi lesen kepada peniaga-peniaga tanpa bayaran. Percuma! Tetapi Kerajaan Persekutuan yang dipimpin oleh Najib, Dato' Seri Najib, kononnya hebat bagi BR1M..bram..brum..brum..brum itu, BR1M..bram..brum..brum..brum itu..RM1200 ya? RM1200 tapi dia kenakan 'Gigit Sampai Tulang!'. Dan saya dah kira, Tuan Timbalan Speaker, saya dah kira, satu *family*, satu keluarga, kalau 8 orang, satu bulan 'Gigit Sampai Tulang' yang dibayar, 'Gigit Sampai Tulang' yang dibayar 6%, RM200. Maknanya kalau didarab dengan 12 bulan, satu keluarga tersebut, kena bayar RM2400 kepada kerajaan Najib, Kerajaan Persekutuan. Tetapi, dia bagi BR1M balik RM1200 itupun bukan semua dapat.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Speaker, bagi peluang pada Sekinchan ni. Dah melampau..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ha! Nampak tak? Nampak tak cara dia?

27 MAC 2018 (SELASA)

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Bagi tak bagi Hulu Bernam minta?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya tak bagi. Jadi, saya nak beritahu....nanti dia boleh bahas. Nanti dia boleh bahas. Ada ruang, ya.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Sekinchan, boleh minta penjelasan Sekinchan?

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Permatang minta.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ok, saya bagi Permatang, tadi dia minta.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Dia jiran, kena bagi lah. Terima kasih Sekinchan. Saya nak sebut tentang KISS tadi tu, pelancaran di DUN Permatang. Saya dimaklumkan DUN Permatang dapat 500, Sg. Burong, ADUN Sg. Burong dekat sebelah pun hantar nama juga. Saya dimaklumkan sampai hari ini Sg. Burong tak dapat apa-apa pun. Kawan-kawan lain pun saya dengar ramai juga yang kata DUN dia pun tak dapat. Tapi, dah alang-alang tidak dapat tu, Permatang tambah lagi 193. Mungkin EXCO boleh persoalkanlah. Dalam diam-diam sekarang ni, datang lagi secara senyap-senyap, rumah ke rumah, nak bagi lagi 300. Saya ada semua senarai nama tu. Tak apalah itu mungkin hak kerajaan negeri tapi kalau nak bagi, tak bagi kepada, nak bagi sangat kepada ADUN Permatang ni, baguslah, kita terima lah. Tapi ADUN-ADUN yang menyokong, kenapa tak dapat? Ya..kenapa kawasan-kawasan DUN, Sabak tak dapat..itu kawasan-kawasan yang sepatutnya..Meru dapat?

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Meru pun tak dapat. Itu penyokong tu.

Y.B. DATUK HAJAH HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Sebenarnya umpan pilihanraya.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Itu..dan yang kedua, KISS ni tiba-tiba muncul nak Pilihanraya saja. Kenapa tak buat dulu? Tahun sebelum. Kenapa tak buat tahun sebelum? Yang kedua Sekinchan ya..

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Soalan Yang Berhormat?

27 MAC 2018 (SELASA)

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tak apa..tak apa lagi sikit saja.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Pendek saja. Terima kasih. Soal ada yang tak dapat, ini soal pentadbiran. Kita serahkan kepada Pusat Selcat untuk mereka uruskan perkara itu sebab saya bukan EXCO, saya hanya mengutarakan tapi yang saya nak beritahu, saya tadi bandingkan, tadi saya bandingkan bagaimana Kerajaan negeri kita angkat martabat kaum wanita. Kita jaga ibu-ibu, bagaimana kita lakukan, bukan macam BR1M, dia kenakan gigit sampai tulang baru dia bayar RM1200

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Yang Berhormat. Sikit saja..sikit saja..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ha ini perbezaan yang sangat ketara antara kerajaan Negeri Selangor dengan kerajaan pusat yang mengenakan menindas rakyat

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat, Dengkil minta bagi tak?

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Dengkil minta..Dengkil minta..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Kerajaan negeri, kita jaga rakyat, kita peduli rakyat, *wo men pu yi yang.*

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Kita tak serupa. Tak macam, dengan izin, tak macam Kerajaan Pusat. Dia tekan, tekan..subsidi. Subsidi gula, subsidi minyak, subsidi tepung gandum..dia kata, rasionalisasi untuk subsidi walhal dia potong semua supaya minyak tu naik, daripada RM33 lebih

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Yang Berhormat

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat, Dengkil dengan Permatang minta.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : 3 kilo berapa? Minyak 5 kilo RM21 lebih. Naik RM7 satu tong. Ini menyusahkan rakyat. Orang goreng pisang pun marah. Orang goreng ayam pun marah. Ini lah cara UMNO Barisan Nasional. Barang naik. Naikkan harga, menyusahkan rakyat!

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Sikit..sikit..Saya mohon mencelah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat, nak bagi siapa Yang Berhormat?

27 MAC 2018 (SELASA)

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya bagi Dengkil.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Dengkil..Dengkil..

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Usah kata KISS tak dapat, peruntukan pun tak bagi pada kawan-kawan, apa benda tu?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya bagi Dengkil lah. Kalau tak nak saya teruskan. Kalau tak nak saya teruskan. Saya bagi Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Ok, terima kasih. Saya nak ulas tentang GST tadi tu. Sebelum saya tanya soalan ya. GST untuk golongan marhaen, golongan bawahan ni, kita bantu dengan mengecualikan banyak, 517 *item* yang tidak dikenakan GST. Saya nak tanya..saya nak tanya Sekinchan. Sekinchan selalu berbangga-bangga, tak ada cukai dikenakan daripada Kerajaan Negeri, tetapi premium yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri begitu tinggi sehingga *mati oo*, sehingga mencekik darah. Boleh tak saya beritahu, bila saya tanya Sekinchan, kalau rumah-rumah murah ni, rumah Puraya ni, PPRT kan, yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri, boleh tak saya beritahu bahawasanya ada satu singkatan lain PPRD, Premium Pakatan Rakyat Cekik Darah, PPRCD, Premium Pakatan Rakyat Yang Mencekik Darah, membeban penduduk rakyat Negeri Selangor.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih, terima kasih kepada Yang Berhormat Dengkil. Saya nak beritahu dia, ini musim pilihanraya, dia cakap pun, cara dia lebih kepada politik. Tak apa, saya tak nak jawab sebab ini lebih kepada politik tapi saya nak katakan soal premium yang dinyatakan tadi ya, premium tanah ni siapa yang lakukan penilaian? JPPH itu siapa? Itu Jabatan Persekutuan. Mereka ada agenda. Kita tahu ada agenda ya, dia beritahu macam-macam tapi tak apa. Saya biarkan mereka. Biarkan, sebab mereka gunakan platform ini tujuannya apa? Tidak lain tidak bukan untuk nak politik, nak cari *mileage*

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Tak payahlah nak gunakan platform GST

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : GST ni kenyataan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Premium itu kenyataan. Premium itu kenyataan.

27 MAC 2018 (SELASA)

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Rakyat merungut. Rakyat merungut gigit sampai tulang.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : PPRCD, Premium Pakatan Rakyat Cekik Darah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Gigit sampai tulang. Ha ini yang saya nak beritahu ya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Pakatan Rakyat tu tak ada lagi lah. Sudah lupa?

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sekinchan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Pakatan Rakyat PAS ada dalam. Tapi PAS tak diberikan peruntukan. Apa ni? Pakatan Rakyat ke ...

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ini wajah pembangkang ini ..

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya, Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : dulu kalau kami mula Pembukaan Persidangan Dewan, oh mereka tidak begitu proaktif. Sekarang, hari pertama dah buat PC dah. Hari pertama dah buat PC, oh saya hairan, saya terkejut. Saya terkejut.

Y.B. DATUK HAJAH HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Apa masalah. Sekinchan apa masalah Sekinchan ni? Hoi Sekinchan, apa masalah Sekinchan ni? Sekinchan, apa masalah?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ceritalah soal kegagalan dan sebagainya. Ya nak apa? Tidak lain tidak bukan, ada undang di sebalik batu. Nak apa? Nak cari politik *mileage*. Ini saja cara dia. Dia belum cukup sebab dia tidak yakin dengan TV3 suku. TV3 suku yang mereka kuasai..

Y.B. DATUK HAJAH HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Sekinchan, Sekinchan

27 MAC 2018 (SELASA)

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Rakyat dah muak..rakyat dah tak percaya. Baru lah sekarang..

Y.B. DATUK HAJAH HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Sekinchan jangan lupa diri, Sekinchan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Mereka nak buat PC, kononnya mereka proaktif, mereka .. kononnya ada banyak isu tidak dapat kita bahaskan

Y.B. DATUK HAJAH HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Sekinchan..eh bagi airlah, bagi air.. Sekinchan bagi laluan sikit.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Akhirnya buat PC dan sebagainya ha ini cara dia..cara dia. Sudahlah..saya lama dalam politik tahu cara selok belok pembangkang ini. Saya pernah jadi pembangkang, saya tahu

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ok Sekinchan, Kota Damansara minta.

Y.B. DATUK HAJAH HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Bagi lah laluan sikit.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ha, Kota Damansara

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila Kota Damansara.

Y.B. DATUK HAJAH HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Terima kasih kepada Sekinchan. Sekinchan, kena banyak sabar sikit ya. Sebab saya tengok muka dah merah tu. Saya nak berbalik-balik kepada program KISS ini, Kasih Ibu Smart Selangor. Saya, lepas ke tak lepas ke tak kisah lah sebab saya tak dapat peluang tadi nak bercakap. Saya nak tanya pada Sekinchan, sebelum diberi program ini kepada seluruh kawasan DUN, adakah Kerajaan Negeri membuat kajian samada di setiap DUN itu berapa jumlah yang sepatutnya diberi? Sebab dalam kawasan Kota Damansara, berapa ramai ibu-ibu yang memerlukan program ini tetapi tak dapat. Dan ada ramai di antara ibu-ibu datang ke pejabat saya, dia kata kenapa dia tak dapat? Syarat-syarat yang dah dikenakan tadi ada tetapi tak dapat. Sebab itu, saya rasa kerajaan negeri ini tidak berapa *smart* lah. Program Kasih Ibu Smart Selangor ini pun tak *smart*. Saya boleh nyatakan sini, dia bukan *smart* tau. Dia, akhirnya, ibu-ibu ini datang jumpa saya, dia kata akhirnya, kasihan lah ibu ni, sedih selalu sebab tak dapat program KISS yang sepertimana yang diwar-warkan ini, seolah-olah semua dapat tetapi di Kota Damansara ramai daripada ibu-ibu yang tak dapat program yang kononnya semua diperolehi oleh ibu-ibu.

27 MAC 2018 (SELASA)

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ok, Sekinchan jawab.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Yang Berhormat Kota Damansara yang menyuarakan masalah di kawasan Kota Damansara. Tak apa, masalah itu kita panjangkan kepada kerajaan untuk jawab soal tak dapat. Tak dapat sebab kita dalam peringkat pelaksanaan, permulaan, baru 3 bulan kita laksanakan, ada kelemahan tapi tak ada masalah. Kita akan buat dengan lebih baik, ya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Kg. Tunku minta.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Kg. Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya ingin bertanya kepada Sekinchan, nampaknya pembangkang Barisan Nasional hari ini tiba-tiba begitu bersemangat dan beria-ia untuk memperjuangkan nasib ibu di kawasan..

Y.B. DATUK HAJAH HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Silap tu, sebelum ini pun kita bersemangat tapi, kalau fitnah, kita mesti tentang.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ok, betul-betul. Memang betul Hulu Bernam. Jadi, saya ingin bertanya kepada Sekinchan, adakah Sekinchan juga akan bertanya kepada Hulu Bernam kalaulah begitu sangat prihatin nasib ibu-ibu di kawasan masing-masing, kerajaan Selangor ada peruntukan kepada pembangkang. Berapa? RM200,000 satu tahun? Ya, gunakanlah. Guna dulu. Pilihanraya dah akan jalan. Sudah akan jalan kan? Nak bubarkan? Masih ada satu bulan lebih kan? Boleh pakai.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Bagi dekat PAS dulu.

Y.B. DATUK HAJAH HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Tak perlu RM200,000. Kita ada peruntukan yang telah kita..

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Kasihan PAS.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ya, saya nak jawab.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Speaker, saya minta laluan sikit.

27 MAC 2018 (SELASA)

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ok, ok. Saya bagi Yang Berhormat yang bijaksana Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Ya, ya terima kasih. Saya terharu sikap ambil berat kawan-kawan. Saya terharu rasa sedih. Tapi untuk makluman Yang Berhormat, pembangkang .. ya, ya. Saya PAS lagi.

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ : YB, dapat potongan tak? Dapat?

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Ini forum Sekinchan. Tak ada Yang Berhormat, saya berasa hairan, tiba-tiba pembangkang mengambil berat tentang PAS sedang rakyat sendiri tidak dijaga. Tidak dijaga. Peruntukan RM200,000 tidak diambil. Untuk makluman Yang Berhormat pembangkang semua, PAS telah menerima peruntukan yang diluluskan dalam sidang bajet yang lalu. Ini adalah sidang bajet yang diluluskan, bajet yang kita terima duit itu. Tidak ada masalah. Jadi, saya rasa, Yang Berhormat daripada pembangkang guna RM200,000 bagilah pada rakyat. Jangan jaga urusan lain.

Y.B. DATUK HAJAH HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Jangan cakap macam itu. Kita dah bagi banyak bagi pada rakyat dah. Lebih banyak dah kita bagi daripada apa yang dibagi oleh Kerajaan Negeri.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih.

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ : Ada lagi RM200,000. Pakailah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Kita nampak wajah sebenar. Pagi ini di dalam Dewan yang mulia ini kita rungaikan, kita rungaikan wajah sebenar UMNO Barisan Nasional. Ada duit peruntukan daripada Kerajaan negeri, kita bagi RM200,000 tak nak pakai. Sombong, angkuh. Hak rakyat dia tak nak pakai. Mereka kaya raya.

Y.B. DATUK HAJAH HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Sekinchan, bagi penilaian RM700,000, bagi kita ADUN yang menang RM200,000. Itu apa tu? Itu main silap mata saja lah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli Parlimen Pembangkang, Yang Berhormat Sekinchan

27 MAC 2018 (SELASA)

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Sapu tanah, sapu kontrak. Sapu tanah, sapu pasir. Jadi, Menteri kaya raya sampai dulu, sampai 10 tahun pun masih kaya raya. Duit banyak ni. Ha, ni sekarang cuba nak rampas Negeri Selangor, kembali ke pangkuan mereka..

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ : Sekinchan, saya nak bertanya Sekinchan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Meleleh air liur. Ha, ini dia cara, cara Barisan Nasional.

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ : Sekinchan, Sekinchan..bagi sikit.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tak ada, nanti perbincangan. Saya masa tak begitu banyak ya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sekinchan, Yang Berhormat Sekinchan dah kelebihan masa

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Masa, masa, saya ada masa tambahan sedikit. Tapi saya nak beritahu Dewan yang mulia ini bahawa selepas mereka, sekarang mereka dah tak yakin dengan TV3 pun. Walaupun pukul 8 tiap-tiap malam dia hantam Kerajaan Negeri Selangor dengan Pulau Pinang, pukul 8 hantam sampai pukul 9 tapi dia pun tak yakin tak percaya pun sebab orang, orang tak percaya pun dengan TV3 suku dan sekarang dia guna cara lain. Dia guna cara lain, dia guna cara apa? Sekarang dia nak peralatkan instrument kerajaan. Dia guna bantuan Suruhanjaya SPR. Untuk apa? Untuk memeralatkan SPR. Sekarang dalam Parlimen dia nak bentangkan persempadanan, persempadanan semula dengan kawasan-kawasan tanpa Parlimen baru tak perlu tambah tapi dia tukar *locality*, tukar *locality* dan sebagainya sekarang walaupun dia dalam embargo esok baru nak dibahaskan nak diluluskan besok tapi saya nak beritahu tujuan mereka kita dah tahu apa, mereka nak buat. Mereka nak gunakan cara kawasan ini untuk menarik sokongan rakyat, untuk tipu dalam, baru-baru ini dalam majalah *The Economist* daripada yang berpangkalan di London lebih 174 tahun, dalam majalah tersebut dah tulis bahawa kerana negara Malaysia ya, akan tipu pilihanraya ini. Akan *cheating* pilihanraya ini. Mana yang kita dah tahu Barisan Nasional ini dia bukan sahaja tipu dari segala-galanya, pilihanraya pun nak tipu, sudah terang lagi bersuluh. Hah! Ini perkara yang saya nak beritahu.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Minta Penjelasan.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Bagi peluang Sg. Burong.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya tak bagi, saya tak bagi, nanti saya masa pun tak cukup. Saya tak bagi, saya tak bagi. Saya nak nyatakan di sini bahawa saya nak bongkarkan beberapa perkara khususnya

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Saya nak minta penjelasan ni.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya nak nyatakan Yang Berhormat Sungai Panjang ya, ini soal saya bicara soal janji di mana semalam dalam PC dia kata, oh janji kita tak buat kegagalan dan sebagainya tapi saya nak tegaskan saya nak *respond* bahawa janji PRK, janji PRK Yang Berhormat Sungai Panjang dulu jadi calon Parlimen sekarang sudah menang jadi ahli Parlimen Sungai Panjang, janji PRK dua tahun yang lalu di mana ketika itu mereka gempar gemburkan di bantu oleh Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Zamidi datang ke Sekinchan kononnya nak bantu nelayan di Sekinchan yang di tangkap di tahan di Indonesia dengan bot-botnya untuk balik. Apabila nak sampai pilihan raya balik dua orang yang lain tak balik. Yang lain tak balik, dah dua tahun dah berlalu hampir dua tahun berlalu tuan Timbalan Speaker sampai hari ini masih ada nelayan yang ditahan di lokap Indonesia belum balik lagi ya dan walaupun dikatakan sudah dapat pengampunan daripada Kerajaan Bapak Jokowi, Presiden Indonesia tapi sampai hari ini saya nak keluarkan saya nak minta penjelasan Sungai Panjang dan juga Ahli Parlimen Sungai Besar dalam baru-baru ini bulan satu dalam berita Sinar, pembebasan nelayan keluarga anggap hadiah tahun baru. Ini 9hb. Januari bulan sebelum hari raya, dia kata Yang Berhormat Sungai Panjang dan Ahli Parlimen Sungai Besar datang ke keluarga, isteri kepada keluarga nelayan tersebut bagi tahu suaminya akan balik sebelum hari raya. Akan balik ke pangkuan hari raya (bahasa cina) dengan izin. Siapa dia nama dia? Nelayan tersebut, Chia Khi Chan, umur 52, Chia Khi Chan, umur 52. Sampai hari ini, Hari Raya Cina dah lebih lepas dekat dua bulan. Pilihan raya pun sudah mau sampai jangan cakap hari raya. Pilihan raya pun sudah mau sampai. Dulu pilihan raya kecil, sekarang pilihan raya besar nak sampai. Mana Chia Khi Chan balik? Tak balik lagi. Mana Yang Berhormat Sungai Panjang? Yang Berhormat Ahli Parlimen Sungai Besar? Mana Chia Khi Chan nak balik? Janji manis mu, janji manis mu mana? Janji di capati bukan ditepati. Saya minta penjelasan Ahli Parlimen kena jawab. Barisan Nasional kena jawab mana janjinya?

Yang kedua, walaupun dia tak ada dalam Dewan, Dengkil tolong sampaikan, Batang Kali tolong sampaikan. Mana janji manis mu. Tipu keluarga nelayan, tipu keluarga nelayan sampai hari ini. Nak tunggu sampai pilihan raya baru datang, oh ini lah baru balik saya nak tarik undi nak balik, hah ini lah cara, cara Barisan Nasional tipu undi rakyat.

27 MAC 2018 (SELASA)

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Heh dalam nelayan tu, Sekinchan buat apa? Apa Sekinchan tolong?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Kita dah suarakan. Ini masalah negara-negara, masalah-masalah

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Itu aje? Cakap aje

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Permatang tak layak nak cakap sebab tak tahu bidang kuasa. Itu pun tak matang. Permatang dah dua penggal

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : x de apa yang you tolong pun. Cakap aje

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Soal bidang kuasa pun tak tahu. Ini cara macam ini sangat mendukacitakan. Sangat mengecewakan. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya nak tanya lagi bagaimana projek gajah putih. Projek gajah putih di mana? Jeti. Di Jeti LKIM. Jeti LKIM Kuala Selangor. Belanja 22 juta. Perancangan awal ketika Menteri Pertanian Noh Omar, hoh! Bagi peruntukan 22 juta. Apabila

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tuan Speaker, ini saya minta penjelasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Apabila dibina

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya minta penjelasan sebelum teruskan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Belum, saya belum

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ini, ini pasal jeti ini benda betul. Jangan fAkta.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya baru mukadimah, saya belum masuk fAkta.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Belum lagi Yang Berhormat, belum cerita pun lagi.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Baik.

27 MAC 2018 (SELASA)

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Bagi Sekinchan cerita dulu. Yang Berhormat duduk dulu Yang Berhormat.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Yang jeti ini, kompleks LKIM, Kuala Selangor.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Yang Berhormat Speaker, ini pasal fAkta tak betul. Bila fAkta pertama tak betul nanti belakang bohong.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya akan teruskan. Kalau tak nanti dia boleh bahas. Masa tak cukup

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Bukan masalah bahas. Zaman siapa buat?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya nak bagi tahu

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Heh! Yang Berhormat Permatang, belum bentang lagi, belum bentang lagi, bagi dia cerita dulu.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tak betul kan yang pertama tu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : 22 juta ini untuk pendaratan ikan nelayan-nelayan.

Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Heh bagi lah peluang Sekinchan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tak betul kan yang pertama, yang belakang pun bohong.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Kalau berani bagi penjelasan lagi, jangan bohong.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ni terang-terang bohong ni, fAkta bohong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sekinchan duduk, Permatang duduk. Duduk dulu.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tuan Speaker, saya nak minta penjelasan Sekinchan ni. Pasal fAkta awal nya salah.

27 MAC 2018 (SELASA)

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Duduk dulu. Duduk dulu. Yang Berhormat duduk dulu.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Bila salah nanti yang belakang bohong semua.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat duduk dulu.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ok.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Duduk dulu. Sekinchan belum membentangkan fAkta ceritanya lagi. Macam mana nak dipersoalkan melainkan ada cerita dan fAkta yang dikemukakan oleh Sekinchan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya nak betulkan Tuan Speaker, zaman yang membuat kelulusan LKIM itu jети itu zaman Tan Sri Muhyiddin Yassin menjadi Menteri Pertanian. Yang Hari ini menjadi Presiden Bersatu kawan Yang Berhormat. Bukan zaman Tan Sri Noh Omar. Zaman Noh Omar, projek tu dah hampir nak terbengkalai dia jadi Menteri Pertanian baru dia selamatkan projek itu.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ok-ok Permatang, ini bukan masa Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Bukan masa Noh Omar, Ini cerita salah fAkta ni. Tolong betulkan balik fAkta tu.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya-ya. Sekinchan teruskan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Pencerahan daripada Yang Berhormat Permatang, saya ucapkan terima kasih. Tapi saya nak bagi tahu, duit rakyat 22 juta disalurkan, ditaburkan

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tanya Muhyiddin Yassin. Tanya Muhyiddin Yassin tu kawan Yang Berhormat.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tapi siapa yang laksanakan

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Yang Berhormat itu Muhyiddin Yassin punya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Sekarang jadi apa? Sekarang siapa ketua LKIM?

27 MAC 2018 (SELASA)

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker, Peraturan-peraturan 36.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ahli Parlimen Kuala Selangor.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Peraturan-peraturan 36.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Sekinchan, Peraturan Tetap.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Mana buku Peraturannya, mana? Mana buku Peraturannya tak ada pun.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Dalam kepala. Dalam kepala oii....36 (6).

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Kena ucapkan. Saya tunggu dia cakap.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Saya minta dia tarik balik sebab fAkta tadi tak betul. Hah bohong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sungai Burong punya fAkta macam mana kata tak betul tu?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Baca-baca, tanya dulu.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Peraturan 36(6), Sekinchan mengelirukan dewan, ambil 36(6) boleh saya bacakan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tak de, dia tak bawa buku pun. Buku tak bawak.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Ada dalam kepala

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ini buku tak bawa

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Nak jalankan tugas sebagai Wakil Rakyat. Sebagai ADUN buku Peraturan Tetap pun tak bawak. Tak malu ke. Malu dulu kini dan selamanya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sungai Burong bacakan.

27 MAC 2018 (SELASA)

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker, Peraturan ini dalam kepala saya. Saya dah tiga penggal dalam Dewan ini. Saya tahu 36(6).

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tak bawa buku.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Peraturan 36(6) ya jadi tak perlulah nak pertikaikan saya rujuk pada peraturan mana. Saya sebut ni 36(6) mengelirukan dewan, sekejap ya 36(6).

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : (Gelak). Dah masuk otak tak kan lama sangat. Dalam otak pun lama sangat, maknanya tak masuk otak lah.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : 36(6) sangkaan jahat.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Banyak makan udang Noh Omar.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : 36(6) seseorang ahli ni saya sebut ya, 36(6) seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan perasaan jahat kepada siapa ahli lain. Itu 36.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli-ahli yang mana Yang Berhormat? Ahli yang mana?

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Ahli Parlimen.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ok Yang Berhormat Sungai Burong duduk. Duduk Yang Berhormat.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Dia ada dua 36. Satu lagi sangkaan jahat tadi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Sungai Burong duduk. Sekinchan teruskan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya nak minta Yang Berhormat Sekinchan landing lah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Oh nak landing ya. Terima kasih. Tuan Timbalan Speaker saya nak akhir lah beberapa ada satu point lagi yang penting di mana Kerajaan Negeri Selangor kita bukan sahaja prihatin, peduli rakyat, semua kita jaga. Soal pertanian pun, soal pesawah pun kita jaga. Baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dalam bahas dalam Belanjawan dibentangkan juga menyalurkan peruntukan kepada pesawah-pesawah untuk diberi perlindungan insurans. Insurans Takaful kepada khususnya pesawah di daerah Sabak Bernam dan Kuala Selangor dan perlindungan ini akan dilaksanakan dalam masa terdekat. Nama dan senarainya, Yang Berhormat EXCO Taman Templer tentu maklum dengan perkara ini dan akan dilaksanakan. Ini cara bagaimana Kerajaan Negeri bantu walaupun itu bidang kuasa Kementerian Pertanian tapi Kerajaan Negeri bantu ya sebelum ini petani menghadapi masalah pesawah menghadapi masalah setahun dua yang lepas di mana mereka di serang penyakit BLV. Hawa daun BLV ramai di antara mereka sampai sewa tanah pun tak boleh bayar. Hutang kepada tauke dan sebagainya untuk meneruskan kehidupan menanam semula pun ada masalah akhirnya Kerajaan Negeri bagi, di bawah bantuan EXCO Pertanian, Taman Templer saya ucapkan terima kasih datang terus turun padang tengok. Turun ke lapangan lepas tu bagi bantuan 200 dulu untuk input pertanian. Kemudian kita sampaikan hasrat tersebut, permintaan tersebut kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan kemudian diluluskan lapan juta lebih ya 8.5 juta untuk apa? Untuk seluruh pesawah-pesawah yang terkena tempias serangan penyakit BLV. Lebih kurang 8,853 peserta. Kita bagi berapa? RM960.00 satu lot. RM960.00 satu lot, ini dalam sejarah yang terbesar yang disumbangkan oleh Kerajaan Negeri dalam bantuan bencana dan musibah. Kementerian Pertanian dia lambat. Apabila kita dah bagi baru mereka ada tekanan. Yang Berhormat Sungai Panjang lagi lambat dia hanya panjang cerita sampai Parlimen sahaja tapi tindak balasnya lambat. Akhirnya baru lah mereka bagi. Kita dah bagi baru lah mereka bagi 450 / 500 dalam satu lot. Sepatutnya mereka kena bagi 2,500. Sepatutnya mereka kena bagi 300 satu lot. Sebab ini tanggungjawab mereka peruntukan tahunan itu besar. Tapi hanya setakat RM500.00.

Walau bagaimanapun kita bantu semua ya. Ini cara Kerajaan Negeri bantu rakyat dan sekarang kita bagi Takaful Insurans. Apabila berlaku kemalangan

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :Boleh bagi penjelasan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Berlaku ini dan sebagainya akan ada pampasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sg. Burong minta mencelah

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :Boleh bagi penjelasan.

27 MAC 2018 (SELASA)

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Masa dah suruh landing jadi selepas ini boleh bahas lah ya. Masa untuk landing.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila Sekinchan sambung.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Jadi ini penting dan sekarang saya minta Kerajaan Persekutuan. Kementerian, Yang Berhormat Ahli Parlimen Sungai Besar kena pergi Parlimen kena pergi perjuangkan masalah-masalah bukan sahaja nelayan, petani, soal potongan basah yang 20% sehingga 25%. Potongan basah 20 hingga 25% sangat membebankan rakyat khususnya pesawah-pesawah mereka pendapatan mereka merosot akhir-akhir ini dalam tiga empat musim yang lepas. Jadi saya minta kalau boleh kembalikan kepada yang asal dulu 17% jangan sampai 25%. Kalau yang lebih tu tak boleh nak bayar subsidi kan mereka sebab pesawah-pesawah ini berada dalam paras kemiskinan 1,500 dan sebagainya. Jadi mereka perlu banyak bantuan bagaimana kita nak menjana. National Food Security minta mereka tanam padi dan sebagainya tetapi hasilnya tidak mencukupi untuk menyara keluarga. Jadi saya minta lah yang Barisan Nasional kena ingat betul-betul. Kena fikirkan betul-betul

Minta penjelasan sikit Sekinchan. Bagi lah sikit masa pasal mutu padi tu. Boleh bagi masa sikit lagi.

Perkara ini, ini yang saya minta, Tuan Timbalan Speaker, jadi nak landing sebab masa dah sampai. Nanti umur panjang. Saya landing.

Tuan Timbalan Speaker,

Sawah padi ada kebun jambu
Pelancong beli satu persatu
Pemerintahan BN zalim tipu menipu
PRU14 ini kali lah baru kau tahu
Pergi memburu bersama kagat
Dapat seekor masuk perangkap
PRU14 semakin dekat
Bersedialah Najib dan konco-konconya
Kita humber dalam lokap.

Sekian, saya mohon mencadangkan

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF : Cina makan pengat, sendiri mau ingat.

27 MAC 2018 (SELASA)

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila kan penyokong jika ada. Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Ya, saya menyokong. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Apakah hendak di bahas terus. Sila kan.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Tuan Timbalan Speaker dan seluruh EXCO. Tuan-tuan saya nak bawa bahas Titah Ucapan Tuanku yang telah bawa beberapa perkara penting kita fahami di dalam masa depan yang akan datang. Kelmarin lepas sahaja pembukaan Dewan Kali Ke Enam Penggal Ke Enam ini. Satu-satu yang luar biasa ya Penggal Keenam yang kita adakan selalu tak ada sekarang yang pertama kali kita ada Penggal Keenam. Lepas tu ada satu kumpulan dari pembangkang yang telah buat

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Seri Andalas, minta duduk dulu (ketawa). Jam sekarang telah menunjukkan jam 1.00 petang. Dewan ditangguhkan pada jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan Disambung Semula)

(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Assalamualaikum W.B.T dan selamat petang, Dewan disambung semula. Saya persilakan Seri Andalas. Saya memohon Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian akan berbahas selama 20 minit sahaja. Silakan Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker, Seri Andalas mohon menyembah terima kasih serta menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bagi membukakan dengan rasminya mesyuarat pertama pembukaan penggal ke enam Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas. Tuan Speaker, Seri Andalas nak sentuh beberapa perkara yang telah disebut oleh Tuanku di dalam titah Tuanku dan sebelum itu saya nak katakan bahawa lepas titah Tuanku juga, pihak Barisan Nasional, UMNO telah buat satu kenyataan akhbar yang apa yang disentuh di dalam ucapan Tuanku saya tidak lihat mereka bagi penghormatan kepada Tuanku, terus mengadakan suatu *press conference* dan mereka bawa beberapa perkara di dalam *press conference*. Perkara yang pertama yang mereka katakan ialah industri air di dalam Negeri Selangor. Kalau saya baca dengan teliti ucapan Tuanku, Tuanku telah beritahu kepada kita semua bahawa jangan semua politikkan isu air di dalam Negeri Selangor. Mereka tak baca, mereka tak dengar ke apa dikata Tuanku itu bawa terus kepada *press conference* katakan industri air ini gagal di dalam Negeri Selangor. Saya nak beritahu kepada Dewan yang mulia ini. Industri air ini yang mulakan untuk menstrukturkan industri air ini ialah Kerajaan Pusat. Barisan Nasional yang mulakan. Katakan industri air itu kena di *restructure* kan sebab ada banyak masalah dengan industri air pada masa itu, dengan itulah mereka telah bawa industri air ini dan akhir sekali Kerajaan Negeri dengan Kementerian KETTHA telah pun bersetuju untuk kita menstrukturkan negeri dan mereka menandatangani ada satu *agreement, Master agreement* yang telah ditandatangani oleh mereka untuk kita selamatkan isu ini dan kembali balik hak air ini kepada Negeri Selangor. Sebelum itu, industri air ini di jalan sebagai satu industri swasta dan apa yang kita tahu sekarang, lepas kita ambil alih SYABAS dan industri air kita nampak banyak kelemahan di dalam pengurusan sistem air pada waktu itu dan sebab itulah kita ambil inisiatif yang konstruktif untuk atasi masalah ini dan Kerajaan Negeri telah belanja dekat RM500 lebih juta untuk binakan 2 loji air. Satu ialah Loji Air Semenyih 2, Loji Rawatan Air 2 yang kita telah belanja RM177 juta dan telah beroperasi sekarang dengan keluaran 100 mld. Lagi satu ialah Loji Rawatan Air Labohan Dagang yang kita bina untuk 200 mld dengan harga RM497 juta dan akan siap sedia hujung tahun ini dan ini ialah langkah-langkah yang positif yang telah kita ambil. Selain dari itu, kita telah pun menurunkan NRW yang kita dapat pada waktu itu ialah ini saya bacakan satu *report* dari Air Selangor dengan izin Tuan Speaker, "*Since the takeover of Selangor water services industries in October 2015, NRW rates to 32.56 %, the*

company is undertaken many initiative through various considered effort to reduce non-revenue water which targeted to be the rate of 31 % by end of the 2017. We would like to highlighted that we have successfully reduce NRW rate from 32.56 % to 31.11 % at the end 2017. This achievement is a significant reduction of 2.45 % which can be translated into a savings of 82 mld per day or water or approximately RM53.87 million a year. The saving is approximately equaled to the volume water produced by our Sungai Labu water treatment plant which as a design capacity 105 mld". Inilah yang kita telah lakukan dalam tempoh 3 tahun dan saya ucapkan syabas dan tahniah kepada pengurusan Air Selangor yang telah pun membawakan redaksi dalam NRW selama-lama ini dan kita telah belanja untuk ini dengan kerjasama dengan kerajaan Negeri Selangor kita telah belanja dekat RM373.7 juta yang kita telah belanja untuk atasi masalah ini dan rizab kita, rizab air mentah kita sekarang ialah 3.99 % yang kita ada sekarang dan akhir tahun ini dengan Langat 2 yang akan capai dekat 300 mld dan atas kita akan adakan rizab sampai 11.82 % pada hujung tahun ini. Langkah-langkah ini kita telah ambil, inisiatif ini telah dilakukan oleh kerajaan Negeri Selangor, bukan kita gagal kita atasi masalah yang jadi di SSP 3 ini baru-baru ini ialah satu insiden, *accident* yang ambil, itu kita tidak boleh elakkan dan dalam tempoh singkat sahaja kita telah baiki situasi dan sudah pun bawa balik air di dalam seluruh Negeri Selangor. So, saya minta ya untuk kerajaan dan juga saya minta khususnya kepada rakan saya rakan-rakan kita daripada UMNO, Barisan Nasional jangan politikkan isu air ini. Isu air ini satu-satu komoditi yang penting untuk negeri dan kita kena bekerjasama untuk atasi masalah dan bawa air kepada semua orang. Negeri Selangor ini satu-satu negeri yang maju, industri dia besar, penduduknya sesak dan ramai dan kita kena bekerjasama. Kalau pusat tak kerja dengan kita macam mana kita nak selesaikan air. Ini masalah besar untuk kita. Kita sedia untuk selesaikan masalah air tetapi sekarang yang minta untuk kita *extend* apa itu *agreement* antara kita dengan Air Selangor ialah Kerajaan Persekutuan yang minta sampai bulan September. Selalu datang kepada tarikh yang sudah pun ditentukan lepas itu kita ada *extension* lagi dan kita ada *extension* lagi. Bila mereka akan sampai kepada satu tarikh di mana kita akan tandatangan untuk atasi masalah ini. Sekarang yang mereka, merekalah yang memberi kita sedikit kesusahan sebab mereka tak sanggup untuk bayar apa yang mereka patut bayar kepada SPLASH untuk kita selesaikan masalah ini. So jangan politikkan isu air, *please don't politicise water*. Itu komoditi yang penting untuk rakyat dan kita kena bekerjasama untuk atasi masalah ini. Nombor 2 yang mereka kata ialah yang saya pun terlibat dalam sini saya dengar sekejap yang mereka buat yang katakan kos hidup rakyat ini. Kos hidup rakyat ini bukan negeri yang tentukan, kos hidup rakyat ini sebab kita ada GST, masalah GST lah yang meningkatkan kos hidup rakyat. Kalau tidak ada GST tidak ada masalah. Saya dengar tadi yang katakan ada beberapa 500 lebih item yang *zero rate*. Saya nak betulkan itu bukan *zero rate*, you tak boleh *zero rate* sesuatu benda. Kalau pakai lori ada GST, kalau tak pakai lori bawa barang itu tak ada GST. Itu mesti ada GST dan

27 MAC 2018 (SELASA)

sebab itu harga-harga barang naik dan ini ialah tanggungjawab Kerajaan Pusat bukan Kerajaan Negeri fasal itu kita kata dalam pilihan raya akan datang kita akan hapuskan GST dalam 100 hari bila kita ambil alih Putrajaya dalam pilihan raya yang akan datang. So jangan kita bawa isu yang katakan kos hidup rakyat ini di bawah tangan kerajaan Negeri Selangor. Ini bukan tanggungjawab kerajaan Negeri Selangor, ini tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. *This is federal matter* yang kita kena tahu dan lagi satu ialah tentang rumah. Kita telah bina kan rumah mampu milik, rumah Selangorku selama ini, apa harga rumah kita, harga rumah kita ialah dari RM180,000.00 sampai RM250,000.00 sahaja. Ramai nak beli *there's the huge waiting list*. Kita akan bina, tapi apa harga PRIMA? RM300,000.00 sampai RM500,000.00 mana orang yang layak untuk beli orang yang B40, *group* ini layak beli rumah PRIMA dah sampai RM300,000.00 sampai RM500,000.00.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Speaker, minta penjelasan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Hulu Bernam minta.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Boleh?.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila Hulu Bernam.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Saya nak tanya apakah tahu ke tidak bahawa rumah PPR Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan harganya RM35,000.00 bukan daripada RM100,000.00 lebih, daripada RM35,000.00 ke atas kena fahami itu. Masuk subsidi, kerajaan bagi lagi daripada harga RM160,000.00 kita bagi RM35,000.00

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Saya ingat, cukup-cukup, saya ingat PPRT semua kita tahu, bukan RM35,000.00. RM45,000.00.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Eh, RM35,000.00 Kementerian Perumahan.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Sekarang sudah RM45,000.00 saya minta.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Sekarang, silap itu.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Saya minta.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Silap di Kepong ya RM35,000.00 baru lagi.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Kita, saya minta kita faham isu di antara rumah Selangorku harga rumah Selangorku dengan

harga rumah PRIMA di mana yang lebih sesuai untuk orang yang beli sebab itu saya nak minta kerajaan Negeri Selangor untuk teruskan dengan program rumah Selangorku ini ramai berminat di dalam Negeri Selangor, ada *waiting list* yang ramai juga dan kita kena bina lebih lagi, gunakan tanah-tanah yang kita ada di bawah kerajaan Negeri Selangor untuk diberikan sebagai subsidi dan insentif untuk pemaju-pemaju membina kan rumah-rumah untuk rakyat di dalam Negeri Selangor. Yang masalah besar yang saya nampak di sini yang disentuh oleh Barisan Nasional ialah berkenaan dengan mentadbir urus baik, *good governance for god sake*. Janganlah kita ketawa dengan ini, siapa yang uruskan *governance* ini sekarang, yang ada masalah besar yang dunia tahu ini *governance* ialah Barisan Nasional dengan Perdana Menteri, Najib Tun Razak bukan Dato' Seri Azmin Ali dengan Kerajaan Negeri Selangor. Ini yang kita tahu fakta yang betul itu. Kita kena faham. Kelmarin pun keluar di BBC tentang Malaysia kita nak bawa satu akta *fake news*. Inilah *fake news* nya semua ini, sebab inilah kita kena ada satu akta untuk atasi masalah *fake news* ini. *You talk about governance to us?* 1MDB tak boleh selesai sampai sekarang, maruah negara ini sudah telus macam mana keluarkan semua tempat ya. Ini siapa punya masalah? Bila Dato' Menteri Besar bawa isu 1MDB di dalam Parlimen jawapan Perdana Menteri dengan air. Siapa yang hutang lebih besar? Adakah air isu hutang lebih besar atau 1MDB yang hutang lebih besar? Berapa generasi kena bayar hutang 1MDB di dalam negara kita? Ini yang you katakan urus tadbir? Urus tadbir apa? Ketua CID Polis pun ada kes Australia yang besar, bawa *money laundering*, tapi dia ditahan oleh siapa? Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Di Dalam Negeri ditahan, IGP tahan. Ini apa urus tadbir apa? Macam mana kalau kita biarkan orang-orang yang ada jawatan tertinggi di dalam kerajaan buat demikian tapi tak ada jawapan you kata urus tadbir Selangor terbaik. Saya ingat ini ada kesalahanlah, ini *i think you are severely, severely misjudging situation* yang saya boleh nampak di sini. Tuan Speaker, saya nak katakan di sini juga, bahawa isu yang penting di dalam Negeri Selangor sekarang saya nampak kita telah jaya untuk bawakan program-program yang kita telah bawa kepada rakyat Negeri Selangor. Termasuk semua program IPR, sebelum 2008 program-program yang kita ada untuk rakyat Negeri Selangor dekat 13 sahaja. Itu pun orang rakyat Negeri Selangor tak tahu pada masa itu. Sekarang 2018 kita ada 40 lebih program IPR yang kita telah bawa dalam tempoh 10 tahun. Tahniyah kepada kerajaan Negeri Selangor untuk bawa program-program ini kepada rakyat dalam Negeri Selangor walaupun katakanlah kita telah pun luluskan kes, kita luluskan kes dan sebab nak bantu keluarga-keluarga yang miskin. Kita telah capai 30,000 keluarga sudah mendapat manfaat ini. Dalam tempoh yang terdekat atau pun tahun depan saya pastikan bahawa Kerajaan Negeri Selangor akan meningkatkan peruntukan kepada KISS untuk kita dapat bagi 60,000 lebih wanita. Kita mampu untuk buat *we are proud of it*, kita tahu pentadbiran kita macam mana dan apa yang kita buat. Kita urus kerja kita, kalau kata tender board kita terbuka tak ada masalah dengan tender board sekarang. Negeri Selangor sahajalah satu-satu negeri

27 MAC 2018 (SELASA)

yang bawa tender-tender terbuka sekarang di dalam negara kita. Saya dengar dalam negeri-negeri lain tak ada open tender macam apa Negeri Selangor buat. Dan melalui tender terbuka itu kita jimat beberapa juta ringgit. Dengan tender-tender ini yang kita gunakan untuk rakyat kita boleh buat dan kita telah tunjukkan yang kita buat itu satu-satu terbaik untuk negara kita.

Tuan Speaker, lagi suatu perkara yang saya nak bawa di dalam isu ini ialah sekarang dengan kesan buruknya dari hutang yang ada negara kita sebab Negeri Selangor 24% KDNK kepada negara tetapi hutang negara sekarang sudah sampai kepada 800 juta ringgit lebih. Siapa akan bayar bunga sahaja satu tahun 33 bilion ringgit yang kena bayar. 33 bilion ringgit yang kita kena bayar hutang sahaja, bunga sahaja. Sebab itu kesan buruk dari hutang 1MDB, rasuah, salah guna kuasa dan juga salah guna harta negara akan melanda negara kita bertahun-tahun lamanya.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Hey minta penjelasan sedikit.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ya, mengenai hutang, hutang negaralah. Dalam Parlimen pun sudah jelaskan negara kita antara 700 bilion Yang Berhormat sebut 800 itu okay. Tetapi dari segi peratusannya ialah sekitar 50% atau pun 51% berbanding dengan KDNK kita yang bernilai 1.3 trilion. Singapura hutang lebih daripada 100%, Amerika hampir 200% negara-negara yang lain. Tetapi negara-negara yang maju kalau nak ikut macam negara Italy hutangnya juga hampir 200% hutang luar. Kenapa mereka boleh dapat credit rating yang lebih baik. Kita juga dapat kredit rating yang baik A- maknanya hutang negara kita hutang terkawal. Hutang yang tujuannya bukan tujuan untuk membayar gaji, hutang ini untuk pembangunan, daripada pembangunan ini akan mendatangkan hasil kepada negara dan sekali lagi akan mendapat dan kita kena tahu Yang Berhormat daripada hutang negara kita 85% datang daripada hutang dalam negara yang menggunakan dana daripada luar.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Soalan, soalan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Bukan kita mengguna dana daripada luar.

Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Nanti, nanti you boleh hujah lagi. Tapi apa yang saya tahu hutang negara kita terdekat dengan 1 trilion bukan 200 juta please. Faedah bukan household debts dengan hutang negara, household debts dengan hutang negara memang dekat 800 juta ringgit, bilion sorry 800 bilion ringgit. Yang itu kita tahu you boleh baca mana-mana pun, saya bukan sahaja kata ini sebab figure ini saya ambil dari pluck from the air tak ada, ini figure-figure ada di dalam surat khabar ekonomi dan sebagainya ada hutang negara. Fasal sebab kita

27 MAC 2018 (SELASA)

sangat tinggi dengan hutang itu sebab kita tak ada sistem yang terbuka untuk bagi tender-tender terbuka ECRL berapa kita bayar sekarang 55 juta bilion, tetapi kata industri kita sendiri dia dalam Malaysia dia boleh buat untuk 45 bilion tetapi kita bagi syarikat asing untuk 55 bilion. Hutang dia siapa bayar itu bukan satu yang free, kita kena bayar. Siapa akan bayar kita akan bayar dan negara-negara maju dia nilai wang tinggi. Nilai ringgit kita jatuh banding dengan nilai wang Amerika Syarikat dan pound, euro dollar semua jatuh. Macam mana kita boleh nilai dengan dia. Kenapa kita tidak boleh bincang tentang 1MDB. Polis pun tidak mengambil perhatian, MACC pun tak ambil perhatian, Attorney General tak ambil perhatian, di Parlimen kita pun tak boleh buat sekarang nak buat fake news law juga sebut tentang 1MDB. Adakah 1MDB ini fake news atau pun satu-satu yang faktor yang kita tahu. Fasal apa kita tidak boleh bincang kenapa tidak ada ketelusan dan openness untuk kita bincang, sebab takut sangat kepada apa yang kita akan bawa dalam yang kita katakan dalam, tak apa saya habiskan dulu baru you boleh ucap.

Y.B. Speaker, boleh saya minta penjelasan tentang 1MDB ini. DAP kata tak ada isu, Tan Seng Giaw

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Mana ada tak ada isu dengan 1MDB

Y.B. Timbalan Presiden DAP Tan Seng Giaw.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Tak apa kita tanya tentang Perdana Menteri negara ini adakah tidak terlibat dalam 1MDB. Duit yang masuk dalam akaun dia duit mana, Arab bagi Arab bagi Arab mana?

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Minta celah, Yang Berhormat Seri Andalas.

TUAN TIMABALAN SPEAKER : Ya, Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Saya rasa Yang Berhormat Seri Andalas boleh jawab atau celar bagi bajet di Kerajaan Pusat, berapa % pembangunan jikalau dibandingkan dengan Kerajaan Selangor dan juga berapa peratusan yang Selangor menyumbangkan kepada hasil Kerajaan Malaysia dan saya juga nak betulkan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bahawa Timbalan Presiden DAP bukan Tan Seng Giaw ini silap ini memang fake news. Ah yeah terima kasih.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih tetapi saya ingat kita kena fahamlah jangan kita ada berita di luar, ada fakta di luar. Jangan kita ini english dont behave like you dont know what is happening, yeah macam tidak nampak apa yang salah, tidak nampak apa yang salah atau pun tidak cakap apa yang salah, tak nak cakap ini macam the 3 monkeys you hear no evils, you see no evils, you

speak no evil. Itu sahaja macam keadaan di sekeliling pun tak ada masalah. Saya ingat kita kena berdiri dan kita kena hujah atas fakta-fakta yang ada. Jangan kita tutup mata dan jangan kita nak protect seseorang dan rosakkan seluruh negara kita sebab dia, ini kita kena faham dan kita kena berani buat, kalau tak berani jangan buat, tapi saya tengok tiada keberanian di atas di depan saya. Saya minta untuk kita akhir sekali Tuan Speaker nak kata ribuan terima kasih kepada Dato' Menteri Besar, Ahli-Ahli EXCO, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua Jabatan dan kakitangan kerajaan yang telah kerja dengan baik dengan kita semua selama 5 tahun ini untuk menaikkan taraf Negeri Selangor dan juga bagi Negeri Selangor sebagai satu contoh untuk masa depan. Dan kita akan bawa kita telah belajar di dalam Negeri Selangor ini di dalam Pilihan raya akan datang itulah yang dinanti-nantikan oleh rakyat untuk kita membentuk Kerajaan baru pada masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Bismillahirrahim..... dan salah sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Speaker dan rakan-rakan ADUN. Terima kasih diberikan peluang untuk membahaskan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku di atas Perasmian Sidang Dewan Negeri kita yang terakhir ini. Saya mendengar ucapan Sekinchan juga Seri Andalas mengenai beberapa perkara dan hari ini untuk saya juga bagi pihak rakan-rakan Barisan Nasional kita akan memanfaatkan masa ini untuk membuat sedikit penilaian bagaimana dalam Sidang terakhir ini dan mungkin penghujung kepada Kerajaan ini yang insya Allah berganti dengan Kerajaan yang baru akan membuat penambahbaikan kepada semua yang disebut. Saya nak sebut beberapa perkara Yang Berhormat Speaker.

Yang pertama minta saya sebut sebab kita pun terkejut juga, kalau ikut Proklamasi yang dibuat semalam Sidang akan berakhir pada Jumaat. Jadi kita jangkakan ramailah yang akan berbahas. Dapat menyampaikan ucapan dan sebagainya tetapi kerana dipendekkan jadi kita rasa mungkin tak banyak yang kita boleh sentuh tetapi apa yang saya nak sebut di sini ialah yang pertamanya mengenai air. Yang tadi juga disebut oleh Seri Andalas yang dalam ucapan disebut oleh Titah Tuanku mengenai air. Yang mana pada hari ini air merupakan masalah besar kepada kita, industri air satu kegagalan paling besar Bukit Antarabangsa. Saya boleh sebut perkara ini nanti Yang Berhormat boleh jawab. Mengenai isu air hari ini melanda Negeri Selangor, baru-baru ini kita menghadapi krisis masalah air 5/6 hari tetapi isu air ini sebagai holistik. Saya nak sebut ini kerana ada beberapa perkara wujud bukan Dewan ini di antara isu ini krisis berlaku kerana tindakan yang cuba sabotaj. Krisis air Negeri Selangor patut di pertanggungjawabkan dan rakyat tahu adalah Yang Ahli Berhormat menyokong Kerajaan. Saya baca ini saya baca ini Yang Berhormat saya boleh berulang dalam Dewan ini. Pada 16 April 2014 ini Usul yang di bawa oleh Kampung Tuanku minta Kerajaan Negeri supaya tidak meluluskan Langat 2, Balakong itu sokong di dalam

Dewan ini. Sekinchan bahas ada juga perbahasan daripada sebelah sana lagi. Yang minta Kerajaan Negeri supaya jangan luluskan Langat 2 sehingga Persekutuan Air diluluskan. Hari ini Persekutuan Air dah diluluskan oleh Kerajaan Federal. Apa yang masalah sangat nak diluluskan Menteri Besar? Apa masalah sangat Menteri Besar yang lama yang macam-macam di tuduh yang akhirnya terkeluar daripada Jawatankuasa Menteri Besar kerana isu air. Dia sekurang-kurangnya menyelesaikan 3 daripada Konsesi air Syabas, Puncak Niaga dan Abass Konsortium dia boleh menyelesaikan. Tah kenapa Yang Berhormat nak terhegeh-hegeh SPLASH ini, masalah apa saya tahu nanti ada jawapan dari Menteri Besar esok mengenai berita ini. Yang disebut bahawa Menteri Besar ada menawarkan SPLASH 9.57 bilion. Kita kena ingat waktu nak uruskan pengambilan structure air dulu ada satu perjanjian yang dipersetujui ada 4 konsesi air mesti ambil kesemuanya all or nothing. Keempat-empat mesti bersetuju pada satu harga sekiranya ada satu konsesi tidak bersetuju maka perjanjian itu tidak dapat dibuat betul Menteri Besar yang lama tidak tetapi 3 syarikat yang lain tidak bersetuju maka perjanjian itu tidak berlaku. Saya nak tanya Menteri Besar apa alasan sangat nak strukturkan sebab yang menderita ini rakyat Selangor dan juga SPLASH. Saya pun kesian sama SPLASH, hari ini beban dengan hutang 4 bilion nak bayar bil elektrik kepada TNB tak habis bayar 2 juta apa yang susah sangat nak selesaikan. Menteri Air jawab dalam Parlimen Yang Berhormat pun tahu ia. You name the price tomorrow kita start selesaikan. Tak ada masalah bagilah berapa harga. Mungkin 2.795 dia kata harga itu tinggi, dia revised balik. Saya bagi peluang. Yang Berhormatlahlah mencadang air tak diluluskan. Kalau Seri Andalas diteruskan tak lulus Langat 2, 2025, 2030 pun Langat tak diselesaikan. Tadi Seri Andalas ambil kredit inilah usaha Kerajaan Negeri Selangor dalam Langat 2 akan menambah 1 juta malulah Government punya 3, 4 orang DAP jadi Menteri Besar contohlah Tuan Speaker.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Minta penjelasan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Sekejap lagi, sekejap lagi. Saya teringat cerita Presiden Rodrigo Duterte Presiden Filipina bagaimanakah keazaman dia menyelesaikan masalah rakyat bila jadi Menteri, bila dia jadi Presiden Filipina. Dia tau yang memusnahkan Filipina ini, rakyat Filipina ini, ialah dadah. Tugas pertamanya jadi Presiden saja, musnahkan dadah. Perang habis-habisan dadah. Sebab dia tahu itu masalah utama rakyat Filipina. Menderita *cartel-cartel* dadah cukup berleluasa di Filipina. Dia lawan, dia arah kepada polis, kalau buat serangan, dapat, betul *confirm* penjenayah, tembak mati. Duterte. Dia tegas pertahankan rakyat Filipina, nak bawa pembaharuan. Sampai dia bagi kenyataan, kalau saya dapat tangkap, saya bawa naik helikopter, semua penjenayah-penjenayah dadah ini, saya akan campakkan daripada helikopter turun ke bawah.. Biar dia mati kat bawah. Itu Duterte tau. Semangat, kerana nak melawan, nak membantu rakyat. Saya nak ambil semangat itu di Selangor lah. Yang hairan, yang pelik, Kerajaan Federal Government yang bagi RM10 bilion, majukan

27 MAC 2018 (SELASA)

industri air, dikawal selia oleh satu jabatan, KeTTHA, Kementerian. KSU nya berusaha, pakar bidang air, professor bidang air. Sepatut yang dicampak dalam, dalam apa, empangan ni siapa... Kg. Tunku ke atau yang ni semua yang sepatutnya dicampak atau KSU yang patut dicampak.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Mohon mencelah.. Batu Tiga... mohon mencelah.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Boleh saya tanya...

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Kejap lagi... kalau tak nak campak pun... jadi jenayah, terjun sendirilah dekat empangan tu, Yang Berhormat.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Mohon mencelah..

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya bagi dululah Kg. Tunku.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Kg. Tunku, sila.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya kira ada satu kesilapan dalam ucapan Permatang. Bila Usul dibentangkan pada penggal yang lepas, asal usulnya adalah kerana harga yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri, yang ditawarkan, yang diminta oleh syarikat-syarikat konsesi ini adalah terlalu tidak munasabah. Dengan syarat-syarat dan terma-terma yang tidak memihak kepada Kerajaan Negeri Selangor dan juga rakyatnya. Itu adalah pada konteks masa itu. Keadaan pada masa itu dan keadaan sekarang sudah berbeza. Jadi Yang Berhormat tidak boleh menggunakan sesuatu yang tidak tepat pada hari ini untuk menegur Kerajaan Negeri Selangor, kerana keadaan itu sudah tidak sama. Cukup berbeza. Yang Berhormat juga melakukan kesilapan kedua tentang kenyataan KSU. Salah satu kenyataan KSU yang palinggg.. pada pendapat saya, tidak serasi dengan keprofesionalismenya ialah rizab air yang ada di Selangor. Dia kata kosong. Pada halnya bukan kosong. Ada rizab air.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Okey, Tuan Speaker, saya bagilah....

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Jadi itulah kesilapan Yang Berhormat Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya tidak silap... Yang Berhormat Kg. Tunku.. tapi Yang Berhormat nafikan Yang Berhormat bawa Usul itu. Tak nafikan. Okey dah.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya pun tidak menafikan. Yang saya kata...

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Maknanya Yang Berhormatlah antara orang yang menjadi penghalang kepada industri air di Negeri Selangor. Cukup.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya tidak menghalang kerana pada masa itu, konteks pada masa itu dengan sekarang berbeza... Yang Berhormat.. Kalau Yang Berhormat tidak boleh membezakan...

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Okey Tuan Speaker, saya teruskan

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : waktu zaman 2018, dengan zaman 2012 ke ataupun 11, saya rasa itu adalah satu kemalangan yang cukup besar pada Yang Berhormat.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Batu Tiga minta, bagi tak.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Batu Tiga minta satu. Boleh. Bagi la. Bukan selalu Batu Tiga minta.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Isu apa ni.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Jawab sekali nanti.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Isu air, sama juga.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Biasa sebut pasal isu mengenai KISS.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tak.. saya sebut pasal isu air.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Permatang. Saya lihat di tangan Permatang ada satu perkara yang sama yang saya pegang ini. Dokumen yang kita pegang. Tapi saya mohonlah, Permatang cuba baca betul-betul sampai habis. Isu air ini bukan tidak boleh dimuktamadkan oleh Kerajaan Selangor. Masalahnya ianya terkandas di Kerajaan Persekutuan. Baca fakta yang di tunjukkan di muka surat dua, laporan penilai bebas telah dibentangkan dalam kabinet pada Mei 2017. Tapi KeTTHA

27 MAC 2018 (SELASA)

menangguhkan tarikh akhir memuktamadkan pengambilan malah menginjakkan daripada Mei 2017 kepada Oktober 2018.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Yang Berhormat Speaker, saya nak

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Jadi siapa yang menjadi masalah perkara ini.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : dah, dah,

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Janganlah baca sekerat sahaja. Baca sampai habis.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Okey,

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Jangan tuduh Kerajaan Selangor.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Bukan silap... Yang Berhormat..

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Saya minta maaf. Sebab Batu Tiga juga terkesan dengan isu ini.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Yang Berhormat Batu Tiga, saya nak beritahu lah, waktu krisis air berlaku, saya percaya, kita pun tak dapat mandi pun. Nak makan kat kedai pun tak berani. Sebab tak berani. Saya percaya semua kita ni, ditanya oleh rakyat, mana nak dapat air. Mana air ni, YB. YB-YB semua kena tanya.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Jangan lari dari fakta yang saya bacakan tadi.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya jelas, saya jelas.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tolong jawab. Baca atau tidak.. baca balik. Tengok muka surat.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMARA A/L ARULANANDAM : Itu yang kita terpanggil satu insiden yang telah dilakukan. You tak boleh katakan... kalau paip air pecah tak ada air, kita kena buat sesuatu. Itu bukan masalah...

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Yang Berhormat, ini floor saya, cukuplah.

27 MAC 2018 (SELASA)

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMARA A/L ARULANANDAM : Kerajaan Negeri Selangor untuk buat demikian.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Baik..

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat sila sambung.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ini jawapan Kerajaan Negeri. Jalan cerita direka oleh Kerajaan Negeri. Itu saja. Kalau betul, Batu Tiga, kalau betul Kerajaan Persekutuan tak membagi ruang kepada Kerajaan Negeri, Akta 655 sudah digunakan, Kerajaan Persekutuan boleh ambil alih semula pengurusan air Negeri Selangor.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMARA A/L ARULANANDAM : Saya, Permatang...

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Sudah, cukup, cukup.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMARA A/L ARULANANDAM : saya telah bawa isu ini lama dah, 2010.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Ini bukan fakta Kerajaan Negeri.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMARA A/L ARULANANDAM : Telah katakan, you ada golden share, you boleh gunakan kuasa itu. Tapi tak gunakan kuasa itu sampai sekarang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Yang Berhormat, ini apa, tadi dah bahas dah.

Y.B. DATUK JOHAN BIN AZIZ : Tadi dah bahas, cukuplah..

(GADUH)

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Okey Permatang boleh pindah tajuk lain. Masa dah singkat.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya nak teruskan Speaker, sikit lagi je. Jadi saya berpandangan bahawa isu yang disebut oleh KSU KeTTHA, apa yang Menteri Besar jawab pun tak betul. KeTTHA cakap pasal mengenai rizab air terawat. Rizab margin terawat. Tapi Menteri Besar, depan penyokong dengan penuh gagah dan

27 MAC 2018 (SELASA)

berani sebut mengenai air mentah. Lain jawabnya. Memanglah. Air mentah itu penuh. Seratus peratus. Isu kita rizab air, mengenai rizab air terawat. Siapa nak minum air mentah itu Yang Berhormat.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tapi Yang Berhormat, penjelasan, soalan, soalan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Nak mandi pun orang tak mahu.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : soalan, soalan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Kg. Tunku minta.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya teruskan. Cukup. Dah cukup. Memadailah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Kg. Tunku duduk.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Jadi pada saya, kegagalan paling besar Kerajaan Negeri Selangor, menyelesaikan industri air, adalah kegagalan yang terpikul atas bahu Menteri Besar. Kenapa SPLASH tak dapat diselesaikan sampai hari ini.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMARA A/L ARULANANDAM : Mesti ada dengan...

Y.B. DATUK JOHAN BIN AZIZ : Dah lah duduk Andalas. Minta lah kebenaran. Duduklah. Orang cakap ko kacau, ko cakap orang tak kacau. Duduklah. Minta kebenaran dulu.

(GADUH)

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMARA A/L ARULANANDAM : ... ada, ada, ada masa aggrement dulu... baca masa aggrement dulu...

Y.B. DATUK JOHAN BIN AZIZ : Rojak lah.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Menteri Besar jawab lah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila yang Berhormat..Permatang.

27 MAC 2018 (SELASA)

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Yang Berhormat kenapa nak jawab. Yang Berhormat bekas Exco yang jaga air. Tak boleh selesai juga. Yang lebih sesuai tu, tak kena tukar jadi Exco. Gagal. Jadi pada saya, saya nak minta, nanti bagilah jawapan.. pusat pusing pun...2.95 pernah tawar, 2.95 pernah tawar. Itu dah cerita lama dah.. cerita terbaru, Menteri Besar, bagi berapa jumlah yang Kerajaan Negeri nak tawar. Jangan salahkan Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan akan *at anytime*, akan bantu selesaikan. Tugas Kerajaan Persekutuan hanyalah sebagai fasilitator.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Dah bagi... KeTTHA tak jawab. Kita dah bagi tahu.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Yang nak pinjam siapa...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Yang lama...

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Yang nak beli air siapa... yang beli konsesi siapa.. yang beli tu Kerajaan Negeri. Apa nak salahkan Kerajaan Persekutuan. Inilah satu kegagalan besar yang ada kepada Kerajaan Negeri yang hari ini rakyat Negeri Selangor tidak dapat bekalan air yang cukup. Saya nak bagi rumusan,

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Saya nak cakap sikit Tuan Timbalan Speaker.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Kejap, nanti boleh gulung, Yang Berhormat. Masanya singkat. Saya tak bagi lah..

TUAN TIMBALAN SPEAKER : EXCO nak cakap apa.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Dia tak dengar ni.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Nanti gulunglah.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tak ada. Bukan saya nak gulung. Saya nak..

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Jadi saya nak minta,

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Permatang duduk sekejap. Duduk sekejap. Duduk sekejap.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, Yang Berhormat Permatang dia...

27 MAC 2018 (SELASA)

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Speaker, ini peraturan tetap atau apa ni.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Saya nak minta petua.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya tak benarkan. Ini floor saya ini.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Peraturan tetap la.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Yang Berhormat, saya dah minta dah. Yang Berhormat duduk dan saya benarkan Sg Pinang bercakap.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Peraturan tetap.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Peraturan tetap berapa.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Peraturan tetap 89. Minta petua.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Duduk dulu Yang Berhormat.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Kuat bunyi dia. (*sambil semak buku peraturan tetap*)

Minta petua di bawah Peraturan Tetap 87. Tadi saya baca bahasa Inggeris, *sorry*. Terima kasih Yang Berhormat. Saya nak minta petua daripada Tuan Timbalan Speaker, Yang Berhormat Permatang... eh, duduklah. Orang nak baca, 87, tak bawa ke. Tak bawa boleh. Tolong hantarkan.. dia tak bawa.. dia tak bawa..

..... : Dia bawa *hand bag* saja.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Dia tak buat kerja. Lain kali bawa tau. Kalau pilihlah. Kalau kalah tak adalah. Okey, tak apa, Tuan Timbalan Speaker, petuanya, Yang Berhormat Permatang, cerita Kerajaan Persekutuan akan melakukan itu, akan melakukan ini, akan, akan, akan, seolah-olah dia wakil Kerajaan Persekutuan. Saya nak minta surat kuasa, sama ada dia ada surat kuasa untuk bercakap bagi pihak Kerajaan Persekutuan atau tidak. Kalau tidak ada surat kuasa jangan bangkitkan. Sebab dia ADUN, dia adalah Wakil Rakyat Permatang, bukan wakil Kerajaan Persekutuan. Ha.. itu petuanya.

(TEPUK)

27 MAC 2018 (SELASA)

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Okey Yang Berhormat Permatang, Permatang, Yang Berhormat Permatang, tajuk ini akan mengambil masa banyak mana lagi.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tak ada, sikit saja lagi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Dia akan menyebabkan pertelingkahan yang tak berkesudahan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya nak, saya nak, okey terima kasih Tuan Speaker, sikit lagi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sikit lagi. Jangan lama-lama sangat.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Jadi sepatutnya, sepatutnyalah, apabila dulu, saya nak tutup yang air ini. Sepatutnya bila Pelabuhan Kelang menawarkan yang kedua, RM250 juta, sepatutnya pengganti Menteri Besar setuju. Kerana apa, mana banyak RM2.97 bilion dengan RM250 juta. Sebab dia akan bayar rakyat Selangor. Menteri Besar patutnya sokong RM250 juta sebab nak jimatkan duit pembayar cukai duit rakyat Selangor. Bukan bersetuju dengan harga RM2.97 bilion. Jadi itu sajalah, tak ada masalah.

Saya nak tutup air ini, Yang Berhormat Speaker, ini satu masalah, berkaitan dengan cara pengebilan air yang hari ini menjadi masalah besar kepada rakyat Negeri Selangor. Okey, berhubung dengan cara pengebilan baru di Air Selangor yang dipanggil CRIS. Sistem ini menggunakan *network internet* yang sama sekali menyusahkan rakyat hari ini. Saya nak tanya, pertama, nak minta penjelasan. Siapa syarikat yang diberikan membina sistem ini. Tech Mahendra, yang saya dimaklumkan daripada India. Eh, tak ada lagi ke syarikat dalam negara kita yang boleh buat sistem ini. RM44 juta nilai dengan dua tahun *maintenance*. Saya teruskan. Kalau syarikat daripada India, buat sistem dan buat *maintenance* dua tahun, saya nak tanya, kepada Air Selangor, bagaimana jaminan melindungi hak privasi pemegang-pemegang akaun, data peribadi. Dalam itu ada maklumat kad pengenalan, ada maklumat I/C, ada maklumat segala-galanya. Bagaimana syarikat luar negara Tech Mahendra boleh berperanan, mendapat kontrak dan membuat, bagaimana syarikat luar negara yang ada data-data mengenai pemegang-pemegang.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMARA A/L ARULANANDAM : Boleh saya tanya.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya habiskan. Sikit lagi. Saya habiskan, nanti saya bagi.

27 MAC 2018 (SELASA)

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMARA A/L ARULANANDAM : Tech Mahendra, nak tanya tentang, Tech Mahendra,

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Okey, duduk dulu sekejap. Ini syarikat YB ke, bukan. Kalau bukan tak pe..

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMARA A/L ARULANANDAM : Tau.. saya nak tanya you..

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ini saya dapat maklumat. Kerajaan jawablah. Tech Mahendra ini siapa. RM44 juta sistem ini. Selepas itu bila dah dapat pulak, sistem ini sangat menyusahkan rakyat. Sebab hari ini *collectionnya* teruk. Sebab apa. Sebab.. pembaca meter, meter reader, pergi dekat rumah, kalau dulu, baca meter ambil gambar, keluar resit ataupun bil. Sekarang ni, bila ada Tech Mahendra, kononnya nak lebih canggih, meter reader datang, baca, ambil, bawa balik ke pejabat. Masuk dalam sistem, pos. Kena bayar setiap *postage* itu. Kena bayar 0.78 sen. Lepas tu bila sampai, posmen hantar kat mana, berlonggok, kedai kopi penuh, dekat surau penuh, dekat bilik air pun ada. Di kedai-kedai, di restoran-restoran pun berlambak-lambak. Akhirnya rakyat tak dapat bil ini. Bila mereka dapat bil, tiba-tiba RM1,000, RM2,000, RM3,000.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Kg. Tunku minta, yang Berhormat.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Kejam lagilah. Cukuplah. Saya dah bagi tadi dah.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Selalu tunggu, tunggu, tunggu, tapi tak bagi. Bagi la.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya nak tanya la Yang Berhormat Speaker, ini Air Selangor kena jelaskan, yang hari ini menyusahkan rakyat. Tapi kepada kita, baguslah. Kepada BN, okey, you buatlah kesilapan. Hari ini rakyat cukup marah, rakyat tak nak bayar pun. Sekarang ini, tempat nak bayar pun tak ada. Dulu boleh kat BSN, boleh bayar kat Pejabat Pos, sekarang tak boleh sistem itu. Saya pun hairan la, sepatutnya kita menjadi Negara yang lebih baik lebih memudahkan

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Bagi laluan...

27 MAC 2018 (SELASA)

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Dulu.. meter reader datang kita terus bayar,

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat bagi tak bagi.

YB. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya tak bagi. Hari ini mintak, supaya semak kat emel. Orang Tanjung Karang, orang tua-tua, tak reti dia, tak do emel ini.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Seri Muda minta.penjelasan.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Nak tanya Permatang,

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya nak minta kenapa syarikat ini dilantik dan kenapa sistem ini bukan bertambah baik tapi bertambah teruk, akhirnya rakyat menderita tak ada bil air, dan rakyat tak dapat bayar. Bila tak boleh bayar nanti...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Soalan, soalan, soalan, soalan,soalan, adakah Yang Berhormat mencadangkan bahawa penggunaan emel itu adalah sesuatu yang tidak baik. Adakah itu cadangan Yang Berhormat Permatang. Silakan. Silakan. Silakan. Sudah tanya.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Tidak mahu dengarlah Yang Berhormat. letih dengan Yang Berhormat ni, kang hentak-hentak meja.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Sebab ulang-ulang. Ulang-ulang sahaja. Sebab ulang-ulang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya juga hendak menyebut sedikit Yang Berhormat Speaker berkenaan rumah rakyat yang diwar-warkan. Saya pun hairan sasaran besar, dasar ada, bagus. War-warkan Rumah Selangorku tapi saya hendak tanyalah! kenapa Rumah Selangorku yang buat pemaju? Kenapa kita gambar-gemburkan 15 000, 20 000, 30 000 waima 100 000 yang kena buat pemaju? Apa beza Kerajaan Persekutuan buat. Apabila Kerajaan Persekutuan hendak buat rumah 1,000,000.00 ,pertama bagi bajet 4 bilion. Pergi. Kedua, agen si pelaksana ada PRIMA, ada PNSB ada KPKT ada agensi-agensinya kena buat. Ada duit ada agensi pelaksana. Ada KPI, kena buat. Selangor apa bezanya? Kita bagi dasar, yang buat pemaju. Dahlah pemaju kena cekik. Tadi Dengkil cakap 'premium yang tinggi', dengan cas pembangunan yang tinggi. Boleh ke pemaju-pemaju buat perkara-perka ini? Sebab itu kita gagal. Kenapa PKNS. Saya tidak marah PKNS. Pegawai-pegawai PKNS bagus. Pengurusan PKNS bagus. Ini dasar yang dibuat oleh Kerajaan Negeri. Kenapa PKNS tidak buat peranan besar dalam pembinaan Rumah Selangorku ini. Sedangkan

27 MAC 2018 (SELASA)

penubuhan PKNS ialah untuk apa? Buat rumah mampu untuk rakyat. Membina sosioekonomi untuk rakyat. Di mana peranan PKNS hari ini. Sebab itulah YAB Menteri Besar dan Ahli Berhormat sebelah sana bila BN jadi kerajaan kita akan balikkan semula peranan PKNS untuk bantu rakyat. Sebab dulu kita kenal, orang panggil rumah PKNS, rumah murah PKNS dan sebagainya. Sebab itu PKNS berperanan besar. Shah Alam ini membangun juga sebab PKNS. Bangi membangun sebab PKNS. Puncak Alam jadi PKNS. Hari ini PKNS di mana? Saya tidak kritik PKNS, kakitangannya baik. Yang tidak bagus adalah dasar yang dibuat oleh Kerajaan Negeri. Yang ada di Negeri Selangor dengan rumah mampu miliknya tidak ada, adalah 100 000 lebih yang siap. Yang dibatalkan pun banyak. Yang tidak bermula pun banyak. Yang banyak di Negeri Selangor ini rumah apa? Sekinchan? Rumah urut. Itu banyak. Rumah buruk. Rumah urut itu banyak. Dulu Sabak tidak ada rumah urut ni . Sungai Besar tidak ada. Hari ini

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Sabak tak ada rumah urut dulu. Penipu.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Bila kerajaan Pakatan ini ada luar bandar juga diserang sehingga di kawasan-kawasan luar bandar.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Mana masa Barisan Nasional tiada rumah urut tu. Itu penipu! Bohong!

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Paling banyak Sekinchan. Sekinchan yang paling banyak.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ini cakap sahaja pakai lepas 'bahasa ? '.

Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Paling banyak Sekinchan rumah urut.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat, habiskan Yang Berhormat.

Y.B TUAN NG SUEE LIM : ' ? '.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Baik.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Penipu. *No more wahid.*

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Eh!Kalau berani sokonglah ... *news.*

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : ... Penipu.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Yang Berhormat Sekinchan tadi ada sebut menyebut JTKLM. Yang meluluskan JTKLM waktu Tan Sri Mukhyuddin Yasin menjadi Menteri Besar

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Bukan siapa lulus itu tidak penting

27 MAC 2018 (SELASA)

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Bila di bina?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Penting? Apa yang penting pelaksanaan. Sekarang jadi gajah putih.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Bila

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : 20 Juta tadi jadi gajah putih. Sekarang nak jadi apa? Jadi RTB

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Duduk.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Sekarang jadi lain.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Duduk... duduk... duduk...

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ikan tak kumpul, nelayan pun tidak datang, bagaimana? 22 Juta ini dihanguskan begitu sahaja. Ini pelaksanaan. Mana LKIM. Bagaimana buatnya? Ini caranya

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Yang Berhormat

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Jadi Permatang kena beritahu rakyat. Bukan soal siapa lulus? Soal siapa bagi? Itu wang rakyat. Yang penting itu wang rakyat.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ok. Ok Sekinchan cukup. Cukup. Permatang silakan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Sekinchan ada kes tahu. Mabuk. Langgar orang.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Itu tuduhan jahat.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Sini.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Itu tuduhan jahat. Mana ada. Tolong tarik balik. Tuduhan jahat. Mana ada kes yang mengatakan saya mabuk. Ada, mana laporan?

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya nak cakap.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ambil. Bawak. Tuduhan jahat. Saya minta

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Duduk. Duduk. Ya, Tidak perlu buka kitab. Tidak apa saya tahu. Saya tahu itu dakwaan Yang Berhormat.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Itu berat. Serangan peribadi. Tarik balik kalau tidak saya tidak akan duduk.

27 MAC 2018 (SELASA)

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ada laporan polis dibuat.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya tidak akan duduk.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ada laporan polis yang dibuat kepada Yang Berhormat Sekinchan. Saya akan bagi nanti. Sabar Yang Berhormat. Yang terlibat pelajar UiTM. Baik. Yang Berhormat Speaker, saya hendak tutup.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya hendak Yang Berhormat tentukan, hendak tarik balik ataupun tidak?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tarik balik, saya menuntut keadilan. Tarik balik.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Permintaannya adalah tarik balik.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya akan bagi nanti. Esok.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Sekarang cakap.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya tidak bawa hari ini. Esok saya akan bawa. Speaker, esok saya akan bawa.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Speaker bagi satu *judgement*. Satu penghakiman.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Duduk. Permatang duduk. Saya juga mengulangi petua saya tadi untuk Permatang yang tidak membawa bukti pada sekarang ini untuk tarik balik kenyataan itu.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Apa dia? Jika saya tarik balik boleh tak Yang Berhormat tarik balik bahawa Noh Omar tidak bertanggungjawab terhadap pembinaan LKIM.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Permatang boleh tarik balik tak?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tarik.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Kalau boleh. Saya tarik balik. Tuan Speaker tadi dia sebut boleh *check* hansard. Dia tuduh

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya minta semua duduk. Duduk.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Permatang pun suruh tarik, saya tarik.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang kita bangkitkan hanya satu sahaja bukan yang lain-lain yang berkaitan dengan tuduhan dalam Dewan ini. Tuduhan Permatang sebagai kesalahan yang dibawa oleh Sekinchan, itu sahaja. Saya tidak mahu dikaitkan dengan

27 MAC 2018 (SELASA)

lain-lain yang tidak relevan dengan kata-kata itu. Saya mohon sama ada Permatang menarik balik atau pun saya membuat keputusan yang lebih jitu. Terima kasih.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya tidak tarik balik.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya bantah dia tidak tarik balik. Tuan Timbalan Speaker ini perkara serius.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya tidak tarik balik.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya mengambil keputusan itu sebagai keputusan yang dibuat oleh Permatang sendiri. Saya akan mengambil tindakan berikutnya selepas merujuk kepada Speaker selepas ini. Saya tidak mahu Permatang mengulangi perkataan yang sama. Saya minta berhenti ucapan serta-merta. Terima kasih.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: ok. Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Cukup. Dipersilakan Sabak.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI : Assalamualaikum warahmatulahi wabarukatuh dan salam sejahtera, terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih kerana memberi peluang untuk saya turut berbahas dalam perbahasan dalam titah ucapan Tuanku pada hari semalam. Saya rasa terharu atas keprihatinan Tuanku terhadap urus tadbir Kerajaan Negeri. Segala pandangan, cadangan dan teguran dari Tuanku adalah dari keluhuran Tuanku bagi memastikan negeri ini terus aman dan sejahtera. Benarlah! Bahawa Tuanku sebagai payung kepada rakyat. Payung keharmonian, payung keadilan, payung kesejahteraan. Sebagai payung tidak akan mampu memberhentikan hujan tapi payung mampu untuk kita berdiri di tengah hujan. Payung tidak dapat memberhentikan cabaran tetapi kita mampu berteduh saat menghadapi cabaran. Sebagai mana titah Tuanku bahawa rakyat Tuanku berbilang kaum, berbilang agama dan berbilang bangsa, hidup ini dapat dicapai dengan Tuanku atas asas keadilan apatah lagi Tuanku sendiri sebagai ketua agama di Negeri Selangor. Maka rujukan dan sumbernya sudah tentulah berpegang kepada semangat keadilan sebagai mana yang bimbing dan ditunjukkan seperti mana di dalam Al-Quran (dengan izin) yang berbunyi: Yang bermaksud: Dan jangan disebabkan oleh kebencian kamu kepada sesuatu kaum ataupun bangsa, menyebabkan kamu tidak berlaku adil kepada mereka. Berlaku adillah kerana adil itu adalah hampir kepada takwa.

Oleh itu, kejayaan negeri dalam mengurus tadbir sebagai mana yang disebut oleh Tuanku dalam titah ucapan. Adalah merujuk juga kepada apa yang telah Kerajaan Negeri sekurang-kurangnya lakukan untuk memberikan keadilan kepada semua kaum semua bangsa, agama di Negeri Selangor. Tuanku juga menyebut dalam titahnya

semalam iaitu berkaitan ketulusan dan integriti dalam tadbir. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri. Pertama, semenjak dari 2008 kita telah pun mewujudkan telah banyak akta, jawatankuasa melalui Dewan ini terutamanya Jawatankuasa SELCAT bagi memastikan tadbir urus Kerajaan Negeri dan pemimpin-pemimpin Kerajaan Negeri senantiasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab secara tulus dan integriti. Alhamdulillah usaha ini telah menggambarkan tentang kesungguhan kita untuk memastikan ketulusan dan juga integriti dalam urus tadbir. Kita berbahas pada hari ini banyak menyentuh sejarah-sejarah pimpinan-pimpinan yang lalu. Yang dulunya boleh jadi rakan sekarang jadi lawan, dulu lawan sekarang rakan. Tapi soalnya bukan soal peribadi. Dekad-dekad yang lalu Selangor telah mencatatkan pimpinan yang cemerlang, tidak di nafi. Namun ada fasa tempoh masa Selangor juga mencatat sejarah tercalar bukan kerana peribadi pemimpin tetapi sistem yang mengurus dan melingkari pemimpin. Selepas daripada Dato' Ahmad Razali menjadi Menteri Besar, ada pemimpin yang bersalah kerana membawa duit berkilo ke Australia, selepas itu diganti dengan Menteri Besar baru kenyataan tiada seorang EXCO pun bersih daripada rasuah. Terpaksa kita buat pilihan raya kecil di Permatang di pilihan raya kecil di Kuala Selangor bagi mencari Menteri Besar yang baharu. Saya percaya itulah pilihan yang terbaik pada ketika itu. Tetapi tidak lama berlaku juga skandal. Kemudian, bangun pula Menteri Besar yang baru saya percaya setiap Menteri Besar yang menjadi pilihan ini adalah yang terbaik. Tetapi sistem itu telah merosakkan pemimpin-pemimpin. Maka oleh sebab itu saya menyebut untuk mengaitkan soal kita mewujudkan akta-akta untuk melingkari pemimpin-pemimpin ini supaya tidak terlibat dalam perkara-perkara yang boleh mencalarikan soal integriti dan ketulusan. Tetapi itu sahaja bagi saya tidak mencukupi tentu satu perkara yang lebih penting adalah bergolak dari jiwa dan jati diri dari seorang pemimpin. Fahaman terhadap bertanggungjawab terhadap urus tadbir termasuk juga soal bicara dalam dosa dan pahala di dalam urusan tadbir. Soal syurga dan neraka yang juga mesti difahami terutamanya bagi mereka yang bekerja untuk mencari kebenaran dan tanggungjawab dalam urus tadbir. Maka ini menjadi satu perkara yang sangat penting mesti wujud dalam jati diri seorang pemimpin dan bukan sekadar kitar membuka ruang kepada SPRM menilai dan menyemak terhadap beberapa pelanggaran tetapi kita juga mesti bermula dengan kesedaran kita bahawa setiap daripada apa yang kita lakukan itu ada ganjaran, ada dosa, ada pahala dan sebagainya. Oleh sebab itu, dalam dekad-dekad yang lalu, saya fikir menjadi pengajaran kepada kita untuk melihat bahawasanya soal pemimpin, sangat berkait dengan soal sistem dan dalam soal kesedaran untuk tidak mengambil sebarang bentuk kepentingan peribadi melainkan bertunjang di atas apa yang telah titah Tuanku sebut pada hari semalam, bahawa tidak ada kepentingan lain melainkan satu tanggungjawab untuk memastikan rakyat hidup dalam suasana sejahtera.

Tuan Timbalan Speaker, begitu juga Tuanku juga bertitah agar seluruh rakyat Selangor mengekalkan dan mengukuhkan perpaduan. Suka saya untuk melihat dalam beberapa

perbincangan-perbincangan yang lalu terutama melalui Dewan Undangan Negeri. Yang dilihat bahawa Dewan Undangan Negeri mesti menjadi satu pilot. Jika kita ingin satu perpaduan berlaku di luar, maka keharmonian mesti bermula daripada Dewan Undangan Negeri. Kita boleh berbahas dan kita boleh berbantah. Namun, saya memuji wakil-wakil rakyat kita yang berbahas dengan fakta. Bahkan dengan *evidence*, dengan bukti-bukti yang perlu. Namun, kita juga sangat resah dengan perkataan-perkataan yang agak kurang sopan yang lahir daripada Dewan. Kita juga resah dengan singgungan-singgungan dan kata-kata yang tidak manis, serangan-serangan peribadi di dalam Dewan. Dan ini yang mengganggu untuk kita melahirkan Dewan ini menjadi satu Dewan yang bertaraf *first class* dan saya fikir yang ini yang perlu kita lihat dan kita renung. Saya percaya Peraturan Dewan telah dibuat bagi memastikan setiap ADUN dan setiap Wakil Rakyat mesti berbahas dengan cara beradat, dengan cara berakhlak. Kata-kata dan arahan daripada Speaker mesti menjadi satu panduan untuk diikuti dan panduan untuk dilaksanakan dalam Dewan yang mulia ini. Sebab itu, berbahaslah bagaimanapun, namun saya fikir kita jangan sampai hilang satu akar budaya yang melingkari budaya Ketimuran budaya orang Melayu apatah lagi mereka yang berpegang paut kepada agama dengan akhlak dan kesopanan. Saya fikir kita tidak ada masalah untuk berbeza tentang politik. Politik sebenarnya tidak memisahkan kita dan tidak menghalang kita. Dan yang lebih penting daripada itu ialah kesopanan dan kesusilaan.

Saya fikir, ini saya sebut sebab beberapa pertembungan terutama sekali dalam soal-soal peribadi. Sebagaimana saya sebut dekad-dekad yang lalu, pemimpin kita pernah melakukan kesalahan. Saya tidak menyebut soal-soal nak menyerang, soal-soal peribadi pemimpin dulu..tidak. Tapi, sekadar nak menyebut tentang sistem. Sebab soal peribadi boleh jadi ia ada kelemahan. Begitu juga dalam Dewan yang mulia ini kalau kita membuat serangan secara peribadi. Sedang sebenarnya, yang lebih kita dahulukan dalam Dewan ini ialah, sebagaimana titah ucapan Tuanku bahawa Dewan mesti memulakan satu keharmonian, satu tunjuk yang baik sebab selepas daripada kita berbahas dalam Dewan, di luar kita boleh bersatu tetapi soalnya ialah apabila maklumat sampai dan yang kita bersatu tu tidak sampai ke bawah, masyarakat di bawah hidup dalam keadaan bercelaru dengan pertembungan-pertembungan yang dilihat tidak selesai dalam Dewan apatah lagi dengan persoalan tuduhan-tuduhan ataupun serangan-serangan secara peribadi dan kata nista dan sebagainya. Apatah lagi, kalau merujuk kepada soal fitnah yang dilahirkan oleh, yang disebut oleh Tuanku. Sedang kita tidak apa, kita selepas berbahas, kita boleh bersama. Tetapi, ibarat air yang mengalir begitu laju, dia akan membentuk aliran-aliran kecil yang akan membuat rekahan-rekahan baru di bawah, yang akan mewujudkan lagi pertembungan demi pertembungan kalau kita tidak tangani secara baik.

Maka sebab itu, saya fikir semangat kita sebagai satu saudara. Dengan maksud bahawasanya, bagaimanapun kita berbahas, bagaimanapun kita berbantah, kita adalah satu keluarga besar yang bermula daripada ibu Hawa. Biarpun kita dibezakan oleh sejarah yang berlaku selepas daripada itu tetapi jangan dilupa bahawa sebenarnya kita adalah merupakan satu keluarga berpecah bagaimana ada cara untuk kita damaikan semula. Tuan Speaker, Tuan Timbalan Speaker. Oleh sebab itu, dalam menyebut tentang soal keharmonian ini lah, saya fikir perkara yang paling asas untuk kita, untuk saya sebut ialah supaya Dewan ini dapat menampilkan sebagaimana saat-saat yang lain kita boleh menampilkan satu bentuk perbahasan dan perbincangan yang sangat bermutu. Namun, ada ketikanya boleh jadi kerana soal kepentingan peribadi ataupun mungkin kerana soal-soal fitnah-fitnah daripada luar yang tidak diurus, ia menjadi satu sentimen yang tidak selesai dan akhirnya menjadi satu perkara yang perbalahan, yang tidak putus-putus. Maka, oleh sebab itu, yang penting bagi saya ialah soal, bagaimanapun kita berbalah tetapi adab dan ketatasusilaan di dalam Dewan ini mesti dijaga kerana ia adalah merupakan sumber, pilot kepada rakyat kita di bawah bagaimana untuk melihat keharmonian itu terus berjalan.

Tuan Timbalan Speaker, begitu juga soal apabila Tuanku menyinggung soal fitnah yang menjadi kebimbangan Tuanku. Fitnah ini, oleh kerana ia menjadi satu isu yang disebut secara khusus oleh Tuanku dalam titah ucapan. Ia bukan satu perkara yang kecil dan mesti diberikan satu perhatian kerana fitnah ini suatu yang akan menjadi wabak penyakit yang akan merosakkan sistem hidup kerukunan dalam masyarakat. Tak kira apa bangsa sekalipun, tak kira apa agama sekalipun, fitnah ini lah yang akan merosakkan, bukan sekadar satu kaum, satu bangsa. Adik beradik boleh bergaduh kerana fitnah, adik beradik boleh berbunuh kerana fitnah. Dan fitnah sangat bahaya. Apatah lagi kalau kita mengulang perkara-perkara yang lalu, yang ia sudah tidak menjadi isu tetapi dibangkitkan semula sehingga Nabi menyebut *La Annallahu, Al Fitnatunaimatul La Annallahalaman Al Qadha*. Fitnah itu apabila dia tidur, maka Allah melaknat sesiapa yang membangkitkan semula fitnah itu. Itu dalam konteks umum. Bagi sesama orang-orang yang beriman apatah lagi, Allah menegur dalam Al-Quran, dengan izin, *Wallazi Nayuqzunalmuqminin Nawalmuqminat Zughairimaktasau Faqodistamalubuhtanu Waismaumubinah, dan orang-orang yang menyakiti orang-orang beriman, lelaki dan beriman dan perempuan yang lain dengan sesuatu yang dia tidak lakukan pun. Sebarkan sebagai satu fitnah, maka sebenarnya dia telah memikul satu bebanan apa yang dituduhnya. Dan dia telah memikul satu dosa dan pembohongan yang sangat nyata*. Maka, sebab itu saya fikir, apatah lagi kita sebagai yang berada dalam Dewan Undangan Negeri. Kita tidak masuk dalam Dewan dan keluar daripada Dewan ini dengan membawa fitnah-fitnah yang akan menjalar dalam masyarakat yang akan menjadi satu perbualan. Sedang fitnah itu juga diibaratkan seperti kita mencabut bulu arnab, mencabut bulu kucing kemudian kita taburkan bulu

kucing, kemudian baru kita menyedari bahawa kita telah tersilap, yang kita nak cabut sebenarnya adalah bulu anab tetapi tercabut bulu kucing. Dan kita mengutip balik bulu-bulu itu untuk kita letakkan semula ke tubuh kucing nescaya kita tidak akan mampu untuk mencabut..untuk mengutipnya. Apatah lagi apabila fitnah itu telah tersebar dan ia telah menjadi wabak dan penyakit maka ibarat dosa itu ialah gagalnya kita untuk mengutip satu persatu, membersihkan semula dosa yang dilakukan, begitulah bahayanya fitnah yang digunakan di dalam masyarakat. Sebab itu, bagi saya, titah ucapan Tuanku ini sangat berasas dalam kontek hari ini apatah lagi bila menjelang pilihanraya ini supaya kita meletakkan apa sahaja hujah dan ucapan kita dan tindakan kita, jauhkan diri daripada sebarang bentuk fitnah, jauhkan diri daripada sebarang tuduh menuduh yang tidak berkesudahan melainkan bagi kita mempunyai fakta yang sangat berasas dan mempunyai sumber yang sangat tepat sehinggalah dinasihatkan sebagaimana di dalam Al-Quran, *apabila datang kepada kamu, seorang fasik yang membawa berita maka hendaklah kamu tabayyun. Tabayyun* terhadap kesahihan. Tabayyun terhadap kebenaran samada ia suatu fitnah ataupun tidak. Kalau ia suatu yang tidak ada sumber, lebih baik kita menghentikan. Kalau ada sumber, maka ada perkara-perkara yang lain yang boleh menyelesaikan samada di pihak undang-undang sendiri, pihak mahkamah sendiri dan sebagainya. Maka, oleh sebab itu, apa yang disebut oleh Tuanku ini adalah suatu yang sangat berasas. Di ketika kita sedang mencari, di ketika kita sedang membangunkan rakyat dan asas yang paling penting untuk membangunkan ini ialah keharmonian, kesejahteraan hidup bersama dan yang menjadi penyakit yang paling besar, yang mengganggu terhadap keharmonian ini ialah fitnah dan caci maki yang berlaku di dalam masyarakat.

Tuan Timbalan Speaker, saya tidak berhasrat untuk memanjangkan ucapan cuma sebelum saya mengakhiri apa yang saya ingin, apa yang saya ucapkan pada petang yang mulia ini, dalam Dewan yang mulia ini ialah, saya mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga kepada semua EXCO yang telah bekerja dengan rajin bukan sekadar dalam sesi ini, bahkan sejak daripada 2008 lagi. Bekerja bagi membangunkan rakyat di negeri Selangor dengan urus tadbir yang baik, yang mudah-mudahan, dan begitu juga bukan sekadar semua EXCO, apatah lagi dengan semua kakitangan kerajaan bermula daripada Yang Berhormat Dato' SUK, yang dulu ataupun yang sekarang, kemudian sampailah kepada penghantar surat di peringkat bawah, pegawai am rendah di peringkat paling bawah yang telah berusaha walaupun sedikit atau banyak mana pun, mudah-mudahan segala kerja itu menjadi amal, menjadi ibadah, bersungguh-sungguh supaya ia menjadi satu, supaya mudah-mudahan Allah memberikan ganjaran yang sebaik-baiknya dengan amalan yang dilakukan. Saya sendiri dan rakan-rakan terutama sekali, yang ADUN-ADUN daripada PAS terutama sekali mengucapkan ribuan terima kasih, yang kita mewakili dalam DUN masing-masing lebih kurang 1 juta rakyat,

samada yang beragama Islam, yang tidak beragama Islam, yang Hindu, yang Buddha, yang Kristian, daripada pelbagai bangsa, maka berterima kasih selama ini melalui kerajaan negeri, kita telah dapat menyalurkan kepada mereka segala hasil-hasil sebagaimana yang menjadi moto kita sendiri iaitulah kita pulangkan hasil kerajaan negeri kepada rakyat. Mungkin sedikit sebanyak, suatu pertanyaan. Sekadar pertanyaan dalam Dewan yang mulia ini. Tentang apabila ramai di kalangan rakyat yang kita wakili terutama sekali di luar bandar, yang kita sedia maklum, mereka juga sebahagiannya adalah orang-orang yang kurang bernasib baik. Ada di antara mereka yang terpaksa kehilangan rumah kerana tidak ada duit untuk membayar sewa rumah, terpaksa bergelap kerana api mereka kena potong. Ada ketikanya, mereka terpaksa mengadu kerana soal-soal kemiskinan, rumah-rumah yang bocor, rumah-rumah yang terpaksa ditukar bumbung dan sebagainya. Dan ia terus berjalan sepanjang masa dan di sepanjang ketika. Sebab itu, bagi mewakili mereka dan keprihatinan kerajaan negeri, maka saya mengucapkan ribuan terima kasih. Apatah lagi dengan program baru yang kita lakukan, program KISS, yang kita baru laksanakan. Ini juga menjadi satu berita gembira dan saya serta rakan-rakan yang lain turut menyokong penuh supaya program ini dapat dimanfaatkan oleh seluruh rakyat terutama sekali mereka yang kurang, mereka yang layak untuk menerima program ini. Namun, saya juga suka mencadangkan kepada kerajaan negeri terutama melalui UPEN supaya dapat menyejajarkan terutama sekali dalam beberapa DUN yang sampai pada hari ini, kita masih lagi belum dapat untuk menyerahkan kad KISS ini kepada rakyat walaupun sudah 3 bulan, kita hampir masuk ke bulan April, apakah kelemahan-kelemahan yang berlaku, dan saya fikir apabila kita menghubungi pihak UPEN, kata pegawai UPEN terus berhubung dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar ini boleh diselesaikan. Saya bimbang jawapan ini sekadar jawapan yang mungkin kerana sukarnya untuk memberikan jawapan yang lain. Jadi saya fikir boleh diselesaikan dengan beberapa DUN terutama sekali mungkin jauh Sabak Bernam boleh jadi lah Sabak Bernam jauh maka satu pun tidak sampai walaupun saya di fahamkan 16 kad telah diserahkan tapi tidak dalam pengetahuan. Begitu juga beberapa DUN yang lain jadi ini boleh dijawab beberapa tohmahan orang bawah yang mengatakan bahawa Kerajaan Negeri terlalu lambat dalam menyerahkan Kad KISS ini kepada rakyat. Kalaupun boleh jadi tidak perlu kepada Wakil Rakyat untuk menyerahkan saya fikir UPEN boleh hantar pegawainya untuk menyerahkan sendiri Kad KISS itu kepada rakyat tanpa kehadiran Wakil Rakyat pun tidak apa itu tidak penting yang penting kita hendak supaya rakyat akan terus meletakkan keyakinan kepada Kerajaan Negeri yang kita boleh urus tadbir dengan segera dan cepat kepada rakyat. Begitu juga Yang Amat Berhormat boleh jadi oleh kerana saya menyebut rakyat kita rakyat yang berbilang kaum dan berbilang bangsa yang daripada mereka ada yang miskin ada yang kaya tetapi di luar bandar ini tentunya dalam maklumat yang Amat Berhormat tentang kemiskinan yang melanda, payahan yang melanda mereka. Kita menyelesaikan masalah mereka itu merupakan

satu tanggungjawab dan apatah lagi dalam konteks untuk kita mendapatkan keberkatan dalam urus tadbir, Nabi menyebut (Bahasa Arab) Sesiapa yang dapat meringankan menyelesaikan, meringankan beban daripada bebanan-bebanan orang-orang yang di kalangan orang yang beriman dapat meringankan bebanan orang lain ketika hidup di dunia Allah S.W.T akan angkat selesai dan ringankan bebannya di hari kiamat nanti. Jadi Tuan Timbalan Speaker oleh sebab itu dalam soalan peruntukan ini saya tidak menyebut soal sama ada turun atau pun tidak tetapi saya mengucapkan terima kasih walaupun agak terlewat tetapi masih ada DUN-DUN yang telah sampai peruntukan kepada mereka. Cuma saya berharap Yang Amat Berhormat dapat menyelesaikan satu dua DUN lagi yang masih belum selesai. Saya fikir dalam masa yang terdekat ini bukan untuk kita Wakil Rakyat tetapi untuk kita membantu menyelesaikan masalah-masalah rakyat yang ternyata mereka adalah rakyat Negeri Selangor mereka adalah rakyat Tuanku mereka adalah rakyat yang perlu pembelaan Kerajaan Negeri. Kalau sekiranya perlu pihak UPEN sendiri turun menyerahkan bantuan-bantuan itu kita sangat alu-alukan supaya berlakunya dalam keadaan yang dilihat telus bukan sekadar telus tapi dilihat telus dan dilihat berintegriti yang Wakil Rakyat tidak ada kepentingan sedikit pun dalam soal pembahagian ini tapi yang penting adalah benar-benar kita membantu rakyat kita di peringkat bawah. Jadi saya mewakili rakan-rakan yang lain mengucapkan terima kasih dan memohon berbanyak kemaafan kepada semua di dalam Dewan ini Yang Amat Berhormat dan kepada semua sekiranya ada kata-kata yang terkasar tindakan yang tidak berapa betul maka kami mohon berbanyak kemaafan mudah-mudahan kita dapat membina Dewan ini membangunkan Dewan ini jauh lebih baik yang sebagaimana yang saya sebut Dewan ini menjadi taraf world class untuk masa yang akan datang dan terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker (Bahasa Arab). Assalamualaikum dan terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Minta maaf. Ahli Yang Berhormat sekalian oleh kerana urusan kita masih panjang kita mulakan dengan tambahan masa. Saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar membuka usul.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR NEGERI SELANGOR : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut. Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah disambung hingga 5.00 petang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Timbalan Speaker saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Usul telah disokong saya buka untuk perhatian Yang Berhormat sekalian yang bersetuju katakan setuju yang tidak katakan tidak. Usul dipersetujui. Silakan Hulu Klang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Bismillahirrahmannirahim. Tuan Timbalan Speaker, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk sama-sama membahaskan ucapan Titah Tuanku. Dato Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan di Selangor, saya terpanggil dan tertarik dengan apa yang telah diungkapkan baru beberapa lama sebelum kita mendengar titah Tuanku yang menegaskan bahawa politik bukanlah semata-mata untuk memburu kuasa tetapi untuk mencapai urus tadbir yang cemerlang bagi membangun negeri. Kuasa adalah satu amanah untuk memenuhi aspirasi rakyat. Inti pati pada peringatan Tuanku itu adalah rakyat di mana kita berada pada hari ini adalah bergantung pada adakah kita memahami siapa itu rakyat, apa inspirasinya, apa kehendaknya, apa masalahnya dan apakah yang mereka harapkan pada masa akan datang di Negeri Selangor masyarakatnya, ekonominya, politiknya dan sebagainya. Di persoalan ini telah didefinisikan Kerajaan Pakatan Rakyat yang dimulakan pada 2008 telah bermula dengan satu keyakinan dan kepercayaan kewujudan mereka yang memasuki politik pada 2008 adalah kumpulan yang berbeza. Satu parti satu kumpulan politik perjanjian di antara Parti Keadilan Rakyat dan DAP dan satu lagi adalah dinamakan Barisan Alternatif di antara PAS dan saya adalah Wakil Rakyatnya pada masa itu dan PKR. Saya menimbulkan Menteri Besar untuk dirakamkan dalam sejarah gemilang perubahan Kerajaan di Negeri Selangor perkara ini tidak pernah dimasukkan dalam rakaman hansard. Jadi saya merasakan bahawa penelitian ini hendaklah dilakukan supaya kita insaf bahawa kita wujud adalah kerana suara rakyat hendak kita wujud sebagai satu gagasan pakatan politik yang memang berbeza kita perakui perbezaan kita tapi kesamaannya adalah keinginan kita untuk membentuk sebuah kerajaan yang lebih adil yang melawan dan menolak kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh Barisan Nasional. Bagi saya selepas diamanahkan menjadi Wakil rakyat perkara yang sangat ketara dalam kehidupan saya bagi pemimpin dan wakil rakyat dalam melihat di mana tempat saya pergi ada kerosakan di situ ada UMNO Barisan Nasional, di mana ada Barisan Nasional dan UMNO di situ ada kerosakan kerana mereka mempunyai persepsi yang sengit, mereka tidak ada konsep Maqashid syariah yang hendak dibawa dan telah dipopularkan dalam pakatan harapan an sebelum itu Pakatan Rakyat. Ini kelebihan kita dan kita setia on board dengan izin kita jelas hala tuju kita selagi Maqashid itu bertujuan untuk memuliakan insan yang kita boleh namakan Maqashid insaniah selagi itu kita akan menang. Biar dengan izin Allah S.W.T allah berfirma di dalam Al-Quran sesungguhnya telah kami muliakan walaupun karam bani Adam A.S. Bani Adam A.S itu mulia tanpa agama apa. Rakyat Tuanku rakyat Negeri Selangor terdiri daripada orang Islam, Hindu, Kristian, tidak ada agama, orang Asli yang berpegang dengan pelbagai kepercayaan dia tetap seorang insan dirakamkan di dalam Al-Quran Bani Adam A.S. Di atas dasar ini kita menyantuni mereka kita mendekati mereka, kita mewujudkan kerajaan yang adil, yang saksama, sentiasa human oriented menggerakkan program yang dinamakan Program MES program merakyatkan ekonomi Selangor satu kefahaman bahawa kita berharap untuk satu

perubahan yang cukup jelas dan satu peristiwa yang sangat besar yang berlaku di dalam kehidupan kita dan rakan-rakan di dalam Dewan Undangan Negeri Selangor yang dinamakan Krisis Menteri Besar setelah kita diberikan mandat yang lebih besar oleh rakyat Selangor. Saya ingin menjelaskan mengulangkan perkataan saya ingin menegaskan peristiwa besar ini dalam tinjauan saya dalam ingatan saya tidak pernah di rekodkan dalam hansard. Saya bertanggungjawab saya merasakan Ahli-Ahli Dewan Negeri yang lain juga bertanggungjawab memastikan perkara ini terangkup dalam satu perkara yang jelas dalam sejarah Dewan Negeri kita. Krisis Menteri Besar yang berlaku adalah isu yang berkaitan dengan kehendak rakyat. Rakyat mahukan satu kerajaan yang mengaspirasikan cita-cita mereka. Apa yang berlaku kepada kita adalah satu peristiwa tentang sudah hilang kepercayaan parti PKR , Parti Keadilan Rakyat terhadap Menteri Besar yang telah dipersetujui untuk memikul pada masa itu adalah ADUN Pelabuhan Klang sebelum itu adalah ADUN Ijok dan di atas sebab itu beliau dipecat dalam keadaan beliau telah dipecat berlaku latar belakang politik yang sungguh interik dengan izin menjadikan beliau yakin beliau masih mendapat kepercayaan ramai dan pada masa itu kita membentuk kerajaan pada masa itu telah diberi kepercayaan sebanyak 44 kerusi yang kita berjaya membentuk Kerajaan Pakatan Rakyat bagi kali kedua bagi Penggal Kedua. Apa yang saya hendak ceritakan Tuan Puan saya ingin ia masuk ke dalam handset dan anak cucu kita memahami dan mengetahui inilah dia sejarah Selangor yang sebenar. Kalau gemilang kita kerana gemilang prinsip yang kita dokong, kalau cemerlang prinsip kita kerana cemerlang prinsip yang kita dokong dan saya ingin menegaskan kasih sayang saya terhadap Dato Menteri Besar yang ada pada hari ini cukup tinggi dan saya menghormati beliau, saya adalah ADUN di Parlimen di mana beliau diamanahkan di Gombak selama 10 tahun saya berusaha untuk mengelakkan sebarang tohmahan-tohmahan yang dilontarkan kepada beliau kerana orang yang perform orang yang melaksanakan tugas dengan baik menjalankan tugas dengan baik sudah pasti menyinggung perasaan orang yang dengan pantas. Itu cita-cita saya setiap apa yang boleh saya katakan mana-mana program yang saya adakan di Hulu Klang tidak saya tinggalkan bena gambar yang kacak Dato Menteri Besar walaupun pada masa itu penggal pertama beliau adalah Ahli Parlimen Gombak belum lagi Menteri Besar. Jadi apa yang saya nak tegaskan adalah saya ingin menyatakan bahawa perkara yang berlaku pada 14 Ogos itu 14 Ogos 2014 adalah peristiwa yang cukup besar dalam kehidupan kita dalam diri saya dalam keluarga saya dan rakan saya dari Morib di mana kami terpaksa membuat satu keputusan untuk bersama-sama dengan rakan-rakan dengan daripada DAP seramai 15 orang dan rakan-rakan daripada PKR 13 orang menjadikan bilangan 30 untuk memastikan bahawa dakwaan Pelabuhan Klang pada masa itu dia ada majoriti mengaruh besar untuk meneruskan kepimpinan Menteri Besar diteruskan. Jadi itu satu perkara yang semua kita tahu kita percaya itu benar. Yang apa yang ingin saya tegaskan adalah peristiwa itu adalah peristiwa yang sangat penting dan kesannya sangat besar dan saya dan rakan saya dari Morib adalah

digantung keahlian daripada PAS dan peristiwa itu berlakunya tertubuhnya sebuah parti baru yang juga kami yakin dan dipercayai apabila PAS telah membuat keputusan meninggalkan Pakatan Harapan, Pakatan Rakyat. Maka kami Parti Amanah Negara hanya memenuhi aspirasi rakyat untuk menubuhkan menggantikan PAS dan satu pakatan politik dinamakan Pakatan Harapan. Tuan-tuan dan puan-puan ini ulangan cerita tuan-tuan semua tahu bagi saya yang penting adalah prinsipnya Menteri Besar yang baru yang sebenarnya di amanahkan di Bukit Antarabangsa memahami kewujudan kehadiran beliau di atas sokongan 30 ADUN yang bersetuju untuk bersama-sama dengan Pakatan Harapan dan PAS telah membuat keputusan sedemikian tetapi apa yang berlaku adalah saya yakin sekiranya Dato Menteri Besar yang dipersetujui pada masa itu berpegang pada satu prinsip yang telah dimiliki di wujud pada masa itu 30 orang itu sudah cukup kuat untuk membentuk kerajaan sudah pasti saya rasa kemelut masalah yang kita hadapi pada hari ini tidak berlanjutan sehingga atau pada tahun yang ketiga selepas beliau menjadi Dato Menteri Besar. Saya yakin apa yang dilalui oleh Dato' Nik Aziz di Kelantan, kemenangan pada tahun 2004 hanya dengan 2 kerusi. Selepas itu wakil rakyat ini meninggal jadikan pilihan raya DUN, pilihan raya kecil dan kalah. Dia bergantung dengan satu kerusi sahaja. Kelebihan saya hampir-hampir bertakbir dengan kuat, hampir-hampir merayakan kejayaan itu apabila saya merasakan Selangor juga akan menempuh satu sistem yang sama. Kekuatan meneruskan kerajaan berada di satu keadaan di mana Dato' Menteri Besar disokong oleh 29 Adun campur dengan dia 30, hanya perbezaan 2. Saya tidak menuduh, saya tidak menuduh tapi saya cukup bukti kerana selepas Dato' Menteri Besar ditabalkan sebagai Dato' Menteri Besar menggantikan Pelabuhan Klang pada masa itu, berada di Dewan ini, sebelum sidang bermula saya bertanya kepada Sungai Burong, "Dato' cuba jawab dengan ikhlas, saya menghadapi kemelut yang susah pada hari ini" saya bertanya kepada dia. "Adakah ketika Tan Sri Khalid Ibrahim dipecat oleh partinya dia mengatakan dia ada kuasa majoriti, UMNO 12 Adun akan sokong dia, betul?" Adakah tuan akan bekerjasama dengan PAS, itu tak tahulah tetapi kami dikatakan akan memerintah. Tapi YB. punya fasal, Morib punya fasal, kami tak memerintah. Itu adalah satu testimoni yang jelas. Jadi saya mengatakan bahawa pada masa itu, saya dianggap oleh rakan-rakan DAP penyelamat, saya bukan hero, kami bukan hero kami hanyalah menjalankan tugas. Tugas kami adalah sebagai ahli parti PAS pada masa itu memahami keputusan yang berpegang dengan keputusan muktamad yang mengatakan Ahli-ahli Wakil Rakyat mesti memastikan bahawa Pakatan Rakyat ini dikukuhkan dipertahankan, itu yang kami buat. Tapi kami dipersalahkan oleh ahli-ahli sedangkan yang 13 ahli lagi telah kemudiannya dengan kebijaksanaan Dato' Menteri Besar dengan pertimbangan parti, beliau telah memilih untuk bekerjasama dengan 13 ahli parti PAS yang hingga pada hari ini ada masam-masam manis dalam hubungan antaranya. Itu satu perkara saya ingin tegaskan, ingin saya rekodkan sebagai satu pengalaman yang paling besar dalam hidup saya. Saya dicerca, dimaki, dihina hingga

27 MAC 2018 (SELASA)

hari ini, disumpah laknat, dipanggil barua, broker, dipanggil dibeli, dituduh, dicuri dan sebagainya. Tapi itu saya tidak terasa apa-apa kerana apa yang saya yakini, saya lakukan untuk mempertahankan kehendak rakyat, suara rakyat.

Ahli-Ahli Dewan Negeri yang dimulihkan saya ingin menutup ucapan saya ini dengan menegaskan bahawa kita sebenarnya kita berada di landasan yang baik. Setelah di bawah kepimpinan Dato' Menteri Besar, Bukit Antarabangsa hari ini saya yakin dengan semangat beliau, keazaman beliau, dengan pendedahan beliau yang lama, sama-sama dengan penggerak reformasi utama Dato' Seri Anwar Ibrahim yang akan kita tabalkan sebagai Perdana Menteri Malaysia selepas ini, saya yakin bahawa Negeri Selangor akan berjalan di atas landasan yang baik. Dan sekiranya Dato' Menteri Besar yang ada sekarang ini mendapat kepercayaan dalam sidang Dewan bagi kemenangan seterusnya saya akan menyokong dan memberi sokongan sama adil sebagai seorang Adun atau pun tidak Adun, itu dalam maknanya itu. Kalau Adun di sini saya akan sokong, kalau tidak Adun mungkin Parlimen atau pun mungkin rakyat biasa, saya akan memberi sokongan dengan kasih sayang, doa saya pada beliau. Saya ucapkan terima kasih kerana beliau mengaku saya adalah sebagai sahabat dunia dan akhirat, betul ya? Jadi apa yang ingin saya tegaskan di sini adalah pertamanya asal landasan kita adalah cukup baik. Berada di satu landasan yang dikatakan (bahasa arab) menggerakkan rumah, menggerakkan masyarakat dan rakyat untuk kebajikan dan kebaikan. Saya telah *introduce* dalam ucapan saya dalam perbahasan saya yang lepas bahawa kalau kita tambah lagi (bahasa arab). Maknanya kita berdepan dengan masyarakat yang, kalau kita biarkan kita tidak bimbang mereka, kita tidak keluarkan daripada kemiskinan mereka adalah golongan yang dikatakan golongan yang dizalimi. Golongan yang dalam kegelapan, golongan yang tidak ada pencerahan. Peranan kita adalah untuk menjadi kerajaan yang tidak ada masalah. *Produce leaders yang no problem and no* dengan izin, *unproblematic leaders*. Itu kita boleh angkat mereka ke atas. Bila kita angkat mereka ke atas, mereka berada dalam keadaan yang diadili dalam keadaan yang adil dan boleh tingkatkan lagi mereka ke atas untuk jadikan mereka sebagai golongan yang mendapat pencerahan dan rahmat, kebajikan dan kebaikan. Demikianlah yang ingin saya ucapkan dan saya ingin ucapkan terima kasih kepada Dato' Menteri Besar, kepada Ahli Dewan Negeri, Speaker, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan, warga kerja Kerajaan Negeri Selangor yang telah bersama-sama mendukung kejayaan Selangor sebagai sebuah negeri yang akan menjadi contoh teladan yang terbaik untuk negara yang kita kasihi Malaysia, sekian Puan Speaker.

TUAN SPEAKER: Baiklah saya bagi peluang satu lagi pembahas, jika ada. Tidak ada. Jadi saya bagi pihak kerajaan untuk menggulung, Sementa.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Puan Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat Sekinchan, Andalas dan Sabak yang membangkitkan isu tentang satu program baru oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor iaitu Kasih Ibu Smart Selangor. Jadi alhamdulillah, setakat ini program Kasih Smart Selangor ini telah berjalan dengan begitu baik dan kebanyakan para ibu-ibu telah menikmati manfaat daripada program Kasih Ibu Smart Selangor ini. Program ini adalah hasil daripada rasa kasih sayang pihak Kerajaan Negeri Selangor kepada para ibu di atas pengorbanan mereka dan bagi mereka yang banyak bekerja dan menguruskan rumah tangga, mendidik anak, membesarkan anak di dalam sesebuah keluarga. Jadi inisiatif ini adalah manifestasi Kerajaan Selangor untuk memastikan para ibu terutamanya ibu-ibu daripada golongan berpendapatan RM2,000 ke bawah ini di mana di Selangor, pendapatan RM2,000 ini adalah satu perkara yang agak sukar bagi mereka. Jadi sehingga kini permohonan daripada Adun-adun yang mana kita mensasarkan 30,000 penerima KISS di Negeri Selangor telah pun mencapai sasaran. Dan alhamdulillah ianya sedang dan akan diserahkan kad-kad KISS tersebut para ibu di Selangor. Melalui program ini para ibu diberikan atau pun dapat berbelanja sebanyak RM200.00 sebulan secara *cashless* di kedai-kedai panel KISS yang mana ianya adalah untuk membeli barangan keperluan asas seperti beras, mihun, roti, telur, gula, garam, tepung dan sayur-sayuran, buah-buahan, daging, ayam, serta susu, lampin pakai buang, barangan persekolahan dan pelbagai lagi. Jadi ini juga adalah satu manifestasi daripada Kerajaan Negeri agar para ibu ini tenang untuk menguruskan keluarga ...

TUAN SPEAKER: Ya sebentar Sementa, Balakong minta penjelasan.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Terima kasih Puan Speaker, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Exco untuk program KISS ini, adakah kelulusannya ada menghadkan beberapa pemohon atau pun berapa ahli untuk setiap kawasan. Contohnya adakah di hadkan setiap kawasan akan menerimanya RM500 atau pun sebaliknya, terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Ok terima kasih Balakong. Sebenarnya *numbers* 30,000 itu tidak menghadkan kepada mana-mana DUN untuk contoh 500 orang satu DUN tetapi ia adalah mengikut kawasan atau pun demografi kawasan tersebut., Sebab tidak semua kawasan DUN ini mempunyai status ekonomi yang sama contoh kalau di kawasan yang padat penduduk di kawasan pinggir bandar mungkin tidak sama dengan kawasan elit seperti Kampung Tunku dan juga Bukit Gasing. Yang mana permohonan tidak begitu banyak berbanding kawasan-kawasan lain contoh Seri Serdang atau pun Pelabuhan Klang juga. Jadi ia tidak termaktub bahawa setiap DUN mereka, kuota adalah 500, jadi ia begitu. Namun yang penting kita dapat membantu masyarakat atau pun para ibu yang sedang menghadapi desakan kehidupan daripada segi ekonomi ketika ini.

TUAN SPEAKER: Ya, Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Exco kerana pada sesi pagi tadi, Yang Berhormat Hulu Bernam dia tidak ada sekarang, dia menuduh kerajaan bahawa mengenakan had siling terhadap permohonan KISS ini. Jadi saya ingin mendapatkan kepastian sekali lagi daripada Yang Berhormat adakah Yang Berhormat Hulu Bernam bercakap bohong pada sesi pagi tadi?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Had siling yang bagaimana, Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Yang Berhormat Hulu Bernam, tapi dia tidak ada di sini mengatakan bahawa Kerajaan Negeri Selangor mengenakan had 500 permohonan sahaja. Maksudnya sesuatu DUN dia telah sampai 501, maka permohonan akan ditolak. Adakah kenyataan itu silap?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Ok, terima kasih Kampung Tunku. Ya, ia adalah tidak benar dan kita tidak menyatakan dasar tersebut. Jadi sebab itulah ada setengah DUN yang mempunyai ramai penduduk yang susah dan permohonan juga memang sangat banyak maka pihak Kerajaan Negeri membenarkan untuk diberikan lebih kad KISS ini kepada mereka dan di kawasan yang kurang mendapat permohonan kita menerima dan kita boleh sebar luaskan kepada DUN yang lain.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Puan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya Seri Serdang.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker sebab sebut Seri Serdang tadi memang banyak ya. Permohonan yang dikira dah 3,000 lebih dan dihantar kepada Selgate sebanyak 350 dari seawal pelancaran kad KISS ya. Kira DUN yang pertama tak silap saya bila pegawai saya hantar ke Selgate, DUN lain belum hantar tapi baru hari Jumaat yang lepas saya menerima hanya 93 kad sahaja. Jadi saya hendak tahu kepada pihak Exco hendak bertanya, adakah 2 bulan Januari dan Februari ini dah masuk Mac ya. Insya-Allah esok malam kita akan serahkan 93 itu, bolehkah mereka *claim* dua bulan yang lalu itu. Sebab pendapatan yang memohon ini adalah dari warga yang miskin, ibu-ibu tunggal yang miskin dan saya harap mendapat respons daripada pihak Exco bilakah akan dapat yang selebihnya dalam masa yang terdekat.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Seri Serdang. Berkenaan dengan penggunaan kad KISS ini yang mana yang telah terlajak maknanya Januari dan Februari telah tidak dapat digunakan maka ianya *burn*, kita tidak dapat bantu yang itu namun saya mengharapkan para ibu yang telah pun mendapat kad KISS ini gembira dengan apa yang Kerajaan Negeri sedang lakukan iaitu kita akan teruskan di bulan akan datang mereka akan mendapat RM200 setiap bulan untuk berbelanja di kedai-kedai kita. Jadi untuk Seri Serdang, kita telah pun menyerahkan 93 kad KISS ini dan insya-Allah 153 lagi baki akan diserahkan tidak lama lagi. Jadi sebenarnya mana yang agak kelewatan kita mengharapkan bersabar dan insya-Allah memang dalam masa terdekat akan diserahkan kad-kad KISS kepada DUN masing-masing. Saya rasa itu saja yang dibincangkan di portfolio saya dan saya ucapkan terima kasih.

TUAN SPEAKER : Baik lah pihak Kerajaan yang seterusnya, Chempaka.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Terima Kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker dan juga kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat lain yang telah menyentuh isu-isu perumahan. Ada satu perkara besar yang telah disentuh ataupun satu tuduhan iaitu menyatakan PKNS tidak membuat rumah mampu milik atau telah lari dari tanggungjawabnya. Pagi tadi saya telah cakap dan saya telah menegaskan urutan daripada, soalan daripada Bukit Gasing iaitu jumlah subsidi yang telah dikeluarkan oleh PKNS. PKNS telah mengeluarkan subsidi untuk rumah-rumah yang telah dibina daripada 2008 hingga hari ini adalah sebanyak 96 juta kemudian bagi projek dalam pembinaan PKNS telah mengeluarkan ataupun jangkaan yang akan dikeluarkan adalah sebanyak 43.15 juta bermakna hampir 150 juta subsidi yang telah dikeluarkan ataupun yang telah dan akan dikeluarkan oleh PKNS. Maka dakwaan bahawa PKNS telah lari daripada tanggungjawabnya adalah tidak benar dan PKNS sekarang juga telah membina atau sedang membina rumah-rumah mampu milik dan saya berharap lah supaya Yang Berhormat sekalian rujuk kepada fakta dan tidak hanya mengeluarkan tuduhan-tuduhan dan dakwaan-dakwaan yang tidak benar.

Tentang Prima dan juga projek-projek Kerajaan Persekutuan yang lain ingin saya menegaskan di sini bahawa Prima pun menggunakan sub-kontraktor untuk membangunkan rumah-rumah mereka. Bukan Prima ada tenaga atau Prima sendiri yang membina rumah-rumah tersebut. Ia juga menggunakan kontraktor-kontraktor dan juga *developer-developer* dan kita juga ada pengalaman di mana rumah Selangorku yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri tetapi Prima nak ambil alih rumah Selangorku tersebut macam di *hijacked* lah. Maknanya kita dah luluskan tetapi oleh kerana Prima nak cukupkan jumlah rumah dia atau projek dia maka dia ambil alih rumah Selangorku tersebut dan kita bersedia untuk bekerjasama dengan Prima di dalam hal ini tapi ada syarat. Syaratnya adalah ada peratusan yang perlu mendapat

nama daripada Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor dan kalau projek itu di Negeri Selangor sudah tentu kita nak nama Selangor di situ, iaitu Selangorku Prima. Jadi tidak benarlah bahawa pertama, Prima buat segala-galanya, tidak benar sebab Prima pun ada developer-developer yang mereka guna untuk membangunkan projek mereka dan Kerajaan Negeri juga bekerjasama dengan bersedia untuk bekerjasama dengan Prima dan juga satu lagi entiti Kerajaan Pusat iaitu PPA1M, iaitu projek perumahan untuk penjawat awam Kerajaan Persekutuan. Jadi dua entiti ini kita bekerjasama tapi kedua-dua entiti ini bukan di bawah Kementerian Perumahan tetapi ianya adalah terus di bawah Jabatan Perdana Menteri. Jadi mungkin itu ramai yang tidak tahu.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Chempaka, tolong berhenti sebentar. Saya nak nasihatkan kepada Ahli-Ahli Dewan Negeri, ini pemerhatian bukan kali pertama yang telah saya lakukan dan saya telah berikan nasihat pada Sidang yang lepas. Ahli-Ahli Dewan Negeri terutamanya daripada Pihak Pembangkang sering membangkitkan isu-isu untuk EXCO menjawab tetapi bila EXCO mengambil masa untuk menjawab dengan teliti mereka tiada di dalam Dewan Negeri Selangor dan ini perlu direkodkan dalam Hansard kerana apa yang berulang di luar Dewan ini adalah Kerajaan Negeri tidak menjawab tetapi hari ini ada banyak ruang untuk pencelahan dan penjelasan tetapi mereka tidak ada. Saya minta Hansard untuk rekodkan. Ini adalah sangat penting.

TUAN SPEAKER : Silakan Chempaka.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Saya rasa sekadar itulah, makna saya telah menerangkan tadi bahawa PKNS telah membelanjakan wang yang begitu banyak dan bukannya PKNS telah lari daripada tanggungjawab dan Prima juga

TUAN SPEAKER : Hah ya, Chempaka, Bukit Gasing minta mencelah.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Silakan.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Sebelum Yang Berhormat Chempaka habis tadi ada *mention* pasal Prima nak kerjasama dan sebagainya. Saya lihat laman web Prima dia hanya ada tujuh projek di Negeri Selangor. Bermaksudnya Prima kata nak bina 1 juta rumah tapi tanggungjawab dia di Negeri Selangor yang mempunyai bilangan penduduk yang paling besar di Malaysia adakah dia ditunaikan? Mungkin Prima menghadapi masalah ke Prima memang tak mohon dengan Negeri Selangor?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Kita telah memberi atau PBT telah memberi kerjasama yang begitu baik dengan Prima sebab bukan, bukan, kita bukannya satu Kerajaan yang hendak membalas dendam tapi saya ambil banyak kes, ada kes di kawasan saya sendiri di Chempaka ada 3 projek Prima yang telah diluluskan untuk dibina tetapi mereka masih lagi, belum lagi telah apa ni mengemukakan untuk kebenaran merancang tetapi setelah sekalian lama pun baru lah dia hantar untuk kebenaran merancang. Jadi bermakna bahawa kita tak boleh salahkan Kerajaan Negeri sebab Kerajaan Negeri memang memberikan kerjasama kalau mereka nak membina rumah-rumah mereka di Negeri Selangor. Jadi bermakna bahawa silapnya kalau lambat dan sebagainya jangan salahkan Kerajaan Negeri, sebab kita bukan lah kita nak kata kita *bent over backwards* tapi kita dalam isu rumah ini kita tidak seharusnya mempolitikkan sebab kita mesti memastikan lah bahawa rumah rakyat ini perlu dibina. Sila kan.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE : Tuan Speaker. Terima kasih. Saya ingin Yang Berhormat EXCO tolong berikan pencerahan tadi EXCO ada kata Prima cuba nak *hijacked* projek Selangorku. Bagaimana dia *hijacked* tu? Adakah pihak Prima ada memberi apa tu memberi kerjasama dari segi apa tu dari segi sumbangan kepada dari segi kewangan ke atau pun apa-apa kerjasama. Terima kasih.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Begini kita ada pemaju-pemaju yang membangunkan projek dan mereka telah diberikan kelulusan untuk membuat rumah Selangorku contohnya dan mereka sepatutnya membina rumah Selangorku tetapi *developer* ini telah ditemui oleh Prima supaya rumah Selangorku itu menjadi rumah Prima. Setelah kita luluskan, setelah Kerajaan Negeri luluskan mereka *approach* ataupun dengan izin didatangi oleh Prima dengan cadangan supaya rumah Selangorku ini ditukar menjadi rumah Prima. Sebab ini lebih senang lah daripada mereka membangunkan projek sendiri cari aje rumah-rumah Selangorku yang telah diluluskan, *offer* pada kontraktor tu untuk tukar kepada rumah Prima. Kita merasakan mungkinlah tak ada masalah tetapi syarat kita adalah kena letak nama Selangorku lah, Selangorku Prima. Itu syarat kita. Jadi bermakna bahawa ini mungkin jalan pintas lah bagi Prima untuk capai dia pun *numbers, to get their numbers* dengan izin mereka *shocks around* lah dengan izin, rumah-rumah Selangorku yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri dan ambil alih dan kita tak ada masalah sebab saya cakap bahawa kita bukan ada pemimpin yang sentiasa nak mempolitikkan isu perumahan rakyat ini tapi kita nak memastikan bahawa kalau siapa boleh bina, bina. Tak ada masalah, cuma kepentingan rakyatlah yang kita perlu pastikan yang ianya terjamin dan baru-baru ini terdapat satu kenyataan daripada Pimpinan Pusat yang mengatakan bahawa kita mempunyai apa yang dipanggil sebagai, *strange condition* ataupun peraturan-peraturan yang pelik di Negeri Selangor. Pemimpin tu dia tak cakap apa benda *strange condition*

27 MAC 2018 (SELASA)

tersebut tapi yang saya lihat ada dua keperluan baru atau *condition* yang baru di Negeri Selangor setelah 2008. Yang pertama, adalah kita mewajibkan pemaju-pemaju membina rumah mampu milik terlebih dahulu baru mereka boleh bina rumah harga bebas. Terlebih dahulu atau serentak sebab masalah sebelum ini mereka boleh bina rumah harga bebas dulu, lepas tu rumah mampu milik ketika itu rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah dan rumah kos sederhana kemudian tetapi akhirnya rumah tu pun tidak dibina. Ada yang tidak dibina hingga hari ini pun tak dibina langsung. Jadi itu sebab kita adakan, kita adakan peraturan tersebut.

Peraturan kedua, adalah untuk rumah Prima ini wajib Prima yang pemimpin tersebut, Perdana Menteri lah senang cerita hah dia *complain* lah, dia *complain* rumah Prima dikenakan pelbagai syarat oleh Kerajaan Negeri. Memang kita kenakan pelbagai syarat. Di antara syarat yang utama adalah 20% to 30%. 20 hingga 30% kena bina rumah Selangorku sebab apa? Sebab rumah Prima 400 ribu, 300 ribu jadi *starting* daripada 300 ribu hingga 400 ribu.

Saya cakap sorang-sorang, kat depan ni tak ada macam mana ya, tak pe dia tengah tengok dekat kantin lah tapi sebabnya 300 ribu, 400 ribu rumah Prima jadi bermakna *starting* daripada tu jadi kita memikirkkan bahawa ramai rakyat tidak mampu. Buat rumah Selangorku. Rumah Selangorku maksimum 250 ribu jadi bermakna *strange condition* ni ataupun peraturan yang pelik ni ialah untuk menjaga kepentingan rakyat. (ketuk meja). Bukan kita suka-suka sahaja.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD. HASLIN B. HAJI HASSAN : Minta penjelasan.

TUAN SPEAKER : Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD. HASLIN B. HAJI HASSAN : Terima kasih Speaker. Tadi Yang Berhormat EXCO ada menyatakan bahawa ada kerjasama tentang Kerajaan Selangor dengan Pihak Persekutuan sehingga mewujudkan Selangorku Prima ya rumah tersebut. Apakah implikasi daripada kos jualan kepada rumah tersebut. Kalau Selangorku kita faham rumah mampu milik ini untuk dimiliki sekitar 250 ribu ke bawah mungkin tetapi apabila kita jenama itu ditukar pada Selangorku Prima berapakah kos yang akan dijual oleh pemaju tersebut kerana kalau ini yang berlaku sudah barang tentu sebenarnya yang membantu secara bersungguh adalah Kerajaan Negeri bukannya apa ni Prima ataupun Kerajaan Persekutuan.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Selangor, Selangorku Prima ni yang kita apabila mereka mengambil alih projek rumah Selangorku kita wajibkan ada *percentage* ataupun peratusan adalah di bawah 250 ribu begitu juga dengan projek-

projek perumahan awam atau untuk kakitangan awam 1Malaysia juga oleh Kerajaan Persekutuan juga kita menetapkan bahawa ada peratusan daripada projek tersebut merupakan rumah di bawah 250 ribu iaitu rumah Selangorku. Jadi bermakna kesannya adalah rumah yang mampu dibeli oleh rakyat. Dari segi peningkatan kos dan sebagainya saya rasa kalau kita tengok betul-betul harga rumah saya pun dah buat *comparison* ataupun perbezaan Johor Bharu dengan Selangor pergi tengok lah dalam Mudah.com. Tengok dalam Mudah.com ataupun daripada harga-harganya lebih kurang ada yang tinggi, ada yang rendah tapi tidak betul mengatakan bahawa rumah di Selangor ini adalah yang termahal. Johor pun mahal. Yang tertinggi adalah di Wilayah Persekutuan. Iaitu di Kuala Lumpur bukan di Selangor. Jadi saya rasa itulah, saya telah apa ni telah menjawab kebanyakan daripada perkara-perkara tersebut dan saya berharap lah supaya pembangkang nak cakap pun tak ada bahawa kadang kala kita dah cakap banyak kali pun dia tak faham-faham jugak. Dia bangkitkan perkara-perkara yang sama. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Batu Caves.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Speaker dan Ahli-Ahli Dewan yang membangkitkan khususnya berkenaan dengan salah satu daripada Titah ataupun Elemen Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku iaitu berkenaan dengan kayu ukur indeks kegembiraan or indeks *of happiness* di dalam sebuah negeri sebagaimana yang dalam Titah ucapan Baginda itu yang turut disentuh sedikit sebanyak oleh Ahli-Ahli Dewan sepanjang Dewan ini termasuk soalan-soalan yang dibangkitkan berkaitan dengan bukan hanya soal pembangunan ekonomi. Bukan hanya soal bagaimana pelaburan datang namun kita juga ingin melayani dan meladeni serta memastikan elemen-elemen sosial lain seperti sukan dan kebudayaan serta elemen-elemen lain dapat dibentuk untuk masa depan khususnya juga untuk pembangunan belia dan masyarakat Negeri Selangor.

Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian, pagi tadi mungkin suasana agak panas apabila saya menjawab berkenaan dengan penggunaan stadium dan juga pengurusan sukan Negeri Selangor. Salah satu daripada tuduhan yang berulang kali disebut sama ada di dalam Dewan dan di luar Dewan oleh mereka-mereka yang kurang bertanggungjawab ini. Bila saya jawab dalam Dewan mereka tidak hadir. Sungai Panjang membangkitkan tentang FAS, saya dah bangkitkan dalam sidang Dewan yang lepas sebagai contoh saya membangkitkan bagaimana sikap mereka yang tidak mahu melayan Kerajaan Negeri. Kita panggil mereka bermesyuarat mereka keluar daripada mesyuarat sebelum pun Menteri Besar menghabiskan ucapan awal selaku Presiden FAS ketika itu untuk memulakan sesuatu mesyuarat dan kemudian kita memberi ruang lagi kejadian ini bulan lapan 2016. Selepas satu tahun kejadian ini berlaku segala usaha telah

dilakukan. Segenap ikhtiar telah dibuat termasuk dengan menggunakan elemen-elemen lain, mereka yang berpengaruh di dalam bola sepak negara dan juga mereka yang sangat berpengaruh di dalam negeri mereka masih lagi tidak melayan dan tidak memberikan sokongan sebab itu Kerajaan Negeri bersikap tegas dengan pihak-pihak ini kerana kita yakin kita tidak boleh membiarkan mana-mana pihak mengugut memberikan kata dua kepada Kerajaan Negeri seolah-olah mereka memiliki semuanya dan kita terpaksa tunduk walaupun kita boleh mempersoalkan beberapa perkara yang dibangkitkan tadi. Bila Sungai Panjang bangkit tadi saya dah faham dia tanyakan pengurusan stadium dan akhirnya dia akan bertapak kembali soal penggunaan Stadium FAS. Secara asasnya kalau isu politik yang dibangkitkan Kerajaan Negeri membuka ruang untuk bekerja sama dengan sapa pun dan mengetepikan elemen politik dalam sukan. Saya ambil contoh ketika Sukan Sea yang lalu Kerajaan Negeri melalui pihak Perbendaharaan Negeri membelanjakan hampir RM600,000.00 untuk membaiki Stadium Shah Alam untuk penggunaan untuk pertandingan bola sepak bagi Sukan Sea dan Stadium Shah Alam dipilih sebagai *venue* perlawanan final ataupun perlawanan akhir ketika Malaysia bertemu Thailand. Kalau kita fikir tentang soal politik kepartian saya tidak perlu melawan Menteri iaitu Ketua Pemuda UMNO yang juga Ketua Bahagian Nasional untuk mengetengahkan soal politik tapi ini soal maruah Kerajaan Negeri ini soal pentadbiran Kerajaan Negeri yang tidak boleh diganggu gugat dan tidak boleh di manipulasi oleh pihak-pihak tertentu. Itu pun, sebagai sebuah kerajaan yang peduli rakyat kita telah memberi ruangan ini apabila pada akhir tahun lepas tahun 2017 mereka menghantar surat diikuti dengan beberapa permohonan daripada penyokong dan saya sendiri bertemu dengan para penyokong tersebut yang datang di pejabat saya untuk memohon pertimbangan agar dilakukan perbincangan kembali dengan pihak FAS untuk membenarkan mereka menggunakan stadium sebagaimana sebelum ini. Yang Berhormat kalau kita nak *block* terus mereka kita boleh *block* mereka pada tahun 2017 kita benarkan. Kalau saya hendak halang dengan dendam politik dan ego sebagai mana yang disebut oleh Sungai Panjang saya boleh halang mereka menggunakan stadium Sepang untuk bawah 21 dan Piala Belia. Namun Kerajaan Negeri bersikap dengan cukup timbang rasa untuk kita selesaikan perkara tersebut. Kronologi daripada hal tersebut menjelang pada akhir bulan Januari saya bertemu dengan seorang EXCO kanan di kalangan FAS diikuti pada akhir sebelum 31 hari bulan Januari 2018 saya bertemu dengan pihak pengurusan saya tidak mahu menyebut nama mereka kerana mereka minta dikecualikan dan daripada situ saya keluarkan satu surat bertemu dengan penyokong, bertemu dengan wakil mereka secara tidak rasmi dua kali dan saya buat secara surat rasmi daripada pegawai saya kepada mereka menamakan untuk kita memulakan perbincangan supaya kita ada proses tolak ansur supaya ada proses semak dan timbang di antara kita Kerajaan Negeri dan pihak FAS kerana Kerajaan Negeri tidak mahu langsung menggadaikan nasib bola sepak dengan permainan politik ini. Namun begitu akhirnya sebagaimana

27 MAC 2018 (SELASA)

saya lihat dan saya hidu dan saya amat-amati daripada bulan 8/2016 sudah ada niat politik di kalangan mereka apatah lagi orang itu adalah bekas calon Barisan Nasional 2013 yang kalah dengan Templer pada ketika itu. Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian sebab itu saya percaya bahawa apabila elemen ini dijadikan isu politik inilah juga sebahagian daripada semangat yang terkandung di dalam titah ucapan Duli Yang Amat Mulia Tuanku jangan ingat politik rebut kuasa guna segala apa, tanggung segala apa yang ada sebab itu saya nasihatkan kepada mereka-mereka yang nak gunakan ini sila beredar dan guna tempat yang lain medium yang lain kalau saya tidak gunakan perkataan sebagaimana di pagi tadi. Ahli Yang Berhormat sekalian sebab itulah penggunaan dan juga pembangunan sukan kita alhamdulillah berada dalam keadaan sangat teratur dan baik sebagai contoh, ketikan Sukan Sea tahun 2017, Sukan Sea tahun 2017 Negeri Selangor menyumbang sebanyak 139 atlet dan kita menyumbang atlet yang terbesar dan 41 daripada keseluruhan 145 pingat emas yang dikutip yang dikutip oleh atlet negara yang disumbangkan daripada atlet-atlet daripada Negeri Selangor. Sukan Komanwel yang akan berulang dan akan berlangsung tidak lama lagi. Kita telah menyumbang 27 orang atlet daripada 12 acara sukan dan Negeri Selangor masih lagi penyumbang atlet terbesar kepada kontinjen negara untuk Sukan Sea dan Sukan Komanwel yang akan datang. Namun begitu Kerajaan Negeri tidak boleh selesa dengan keadaan sekarang justeru pihak Majlis Sukan Negeri merancang dengan teliti membuka pusat-pusat latihan daerah. Tahun lepas saya melaporkan bahawa kita sudah mempunyai 65 pusat-pusat latihan daerah. Tahun ini saya nak laporkan sekali lagi kita telah mempunyai 95 pusat-pusat latihan daerah meliputi sukan-sukan semua bola sepak, renang, tekwando, karate mengikut kesesuaian dan mengikut aset-aset yang sedia ada di pihak ataupun di peringkat daerah masing-masing. Dalam masa yang sama kita juga memohon kerja sama dengan Jabatan Pendidikan. Cuma saya nak laporkan di sini mungkin ada sikit kekangan tekanan politik saya tidak tahu namun tidak ada bertulis memang agak sukar dengan pihak Kementerian ini namun begitu ada beberapa pihak berani kita buka dan saya pun tidak mahu datang ke sekolah tersebut sebab silap-silap saya datang ke sekolah tersebut tidak benarkan. Ini kadang-kadang dia tuduh kita main politik di dalam sukan mereka terlebih-lebih dan terlampau-lampau menghalang serta mengganggu sedangkan perkara-perkara seperti pembangunan anak muda isu dadah, isu sukan ini, kebudayaan ini sepatutnya melangkaui dan melepasi batas-batas politik supaya tidak mengganggu kepada pembangunan serta aset-aset dan juga kejayaan dalam negeri kita. Ahli Dewan yang saya kasihi sekalian saya ingin menyentuh pula tentang pembangunan usahawan mereka tidak membangkitkan lagi nampaknya dalam pembangunan usahawan hanya di bangkitkan oleh ADUN-ADUN Kerajaan. Saya ingin melaporkan di sini sasaran yang telah ditetapkan kepada HIJRAH Selangor menjelang tahun 2018 kita mampu mensasarkan sebanyak RM56,000.00 kepada peminjam-peminjam Negeri Selangor sehingga ke bulan Februari 2018 kita telah mencatatkan sejumlah RM51,244 pinjaman

27 MAC 2018 (SELASA)

di seluruh Negeri Selangor dengan membantu lebih daripada 45,000 usahawan-usahawan yang ada di dalam Negeri Selangor. Maksudnya menjelang ke bulan Mac 2018 kita sudah hampir mencapai sasaran satu ribu satu DUN dibantu iaitu sekitar 56 ribu usahawan-usahawan yang ingin kita bantu dan ini diikuti dengan Jawatankuasa Tetap Usahawan yang ingin melihat beberapa aspek-aspek lain seperti pembangunan intelektual *property* dengan izin ataupun harta intelek pembangunan promosi-promosi mereka dan juga pembangunan *packaging-packaging* mereka. Menjelang pada tahun ini satu lagi produk daripada usahawan Negeri Selangor iaitu melalui program kelahiran pelabelan sijil halal kepada usahawan-usahawan yang telah memulakan perniagaan. Dengan melengkapkan sijil halal ini kita hampir melengkapkan Program Pembangunan Keusahawanan Negeri Selangor sama ada dalam bentuk pinjaman, geran bantuan kewangan sama ada bantuan perolehan ilmu serta pengetahuan termasuk juga untuk mengembangkan usahawan-usahawan makro ke tahap satu lagi baik ke tahap industri kecil dan sederhana supaya ia boleh bertapak dan bertarung di peringkat antara bangsa termasuk membawa mereka ke pusat-pusat ataupun membawa mereka ke program-program seperti Selangor Internasional Expo, Seperti Penang Halal Internasional Expo, Seperti Halal Expo di Kuala Lumpur, atau China Asian Expo yang memberi peluang kepada usahawan-usahawan tempatan merentasi batas-batas sempadan kita sampai di peringkat antarabangsa dan ada petanda-petanda positif sebagai mana kita lakukan itu pun alam pada masa yang sama kita ingin membantu mereka-mereka di peringkat lokal dengan mewujudkan *hub-hub made in Selangor* yang kita telah dimulakan di tiga Pasar Raya Giant dan insyaallah kita akan tambah lagi menjelang masuk bulan lima dan bulan enam yang akan datang. Ahli Dewan yang saya kasihi sekalian sebab itu Kerajaan Negeri memandangi serius program pembangunan ini dan saya berharap yang akan terus menerus mendapat sokongan dan sampai ke akhirnya kita mampu membina satu unit pembangunan usahawan sendiri sebagaimana wujudnya PUNB di peringkat federal kita juga ingin mewujudkan satu unit seperti PUNB di peringkat negeri supaya kita dapat menggabungkan baik dilaksanakan oleh HIJRAH, baik dilaksanakan oleh Peladang dan juga pertanian, baik dilaksanakan oleh Zakat, baik dilaksanakan oleh PKNS. PKNS kita jangan lupa, PKNS pada masa yang sama di saat ada kritikan pada mereka, mereka telah membangunkan ramai usahawan. Ada 6 ribu alumni usahawan daripada pelbagai lapisan. Mereka bermula daripada usahawan-usahawan untuk industri perusahaan pembangunan iaitu konstruksi tapi sekarang mereka telah lebar lagi ada 6 ribu alumni yang dibangunkan oleh PKNS melalui program pembangunan usahawan dan kalau diukur daripada sudut Perbadanan Kemajuan Negeri-negeri, PKNS mempunyai sistem inkubator terbaik. Ini laporan yang saya terima daripada pelatih-pelatih pembangunan usahawan di dalam negara kita. Dengan itu dengan resipi yang cukup ini saya percaya kalau kita gabungkan elemen-elemen ini kita akan mempunyai elemen yang kukuh dan mantap

dan akhirnya kita dapat membangunkan negeri kita ke arah pembangunan yang lebih baik dan teratur. Terima kasih Ahli Dewan sampai situ sahaja.

TUAN SPEAKER : Sungai Pinang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker beberapa perkara telah pun dibangkitkan dalam soalan yang kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dan saya berasa adalah sesuai untuk memberikan jawapan kerana dia melibatkan beberapa isu yang besar, melibatkan juga hujah-hujah daripada Menteri. Yang pertamanya berkaitan dengan dakwaan Menteri Pengangkutan yang menyatakan bahawa Kerajaan Negeri gagal untuk respons terhadap permohonan untuk Projek Laluan Rail Pantai Timur atau ECRL. Sebenarnya tidak ada permohonan daripada pihak berkenaan sama ada daripada Malaysia Rail Link di bawah projek ECRL ini ataupun permohonan daripada Kerajaan Persekutuan walaupun ada pertemuan telah dibuat tidak ada permohonan. Maka sekiranya tidak ada permohonan maka tidak betul bahawa Kerajaan Negeri tidak mengambil apa-apa tindakan untuk memproses permohonan tersebut. Saya ingin menyangkal kenyataan daripada Menteri pengangkutan di peringkat Kerajaan Negeri Selangor tiada sebarang kelulusan di muktamad kerana tiada permohonan bagi Pembangunan Projek Rail Pantai Timur atau ECRL bagi jajaran fasa 1 iaitu dari Kota Baru ke ITT Gombak mahupun fasa 2 daripada ITT Gombak ke Pelabuhan Klang sejauh 60 kilometer. Ini selaras dengan ketetapan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor bahawa projek-projek pembangunan infrastruktur seperti lebuhraya, LRT, MRT, Rail berkelajuan tinggi, HSR, Talian voltan tinggi, jana kuasa dan lain-lain projek bersekala besar serta melibatkan implikasi kepada alam sekitar serta penduduk perlu melalui proses rundingan dengan Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jabatan Perancang Negeri. Selain daripada itu pelaksanaan projek ECRL perlu mematuhi syarat-syarat dan keperluan yang ditetapkan dengan mengambil kira beberapa perkara di antaranya satu, Kerajaan Negeri meminta laluan jajaran ECRL dibina sejajar dengan lebuhraya karak sedia ada secara *elevated* di bahagian yang terlibat dengan Permatang Kuarza. Dua, perlu membuat penyelesaian berhubung penempatan Orang Asli di Gombak. Tiga, kawasan hutan simpan dan kawasan rizab melayu terutamanya berhampiran ITT perlu diberi perhatian dengan menyediakan pelan atau langkah tindakan seperti *land swapping*. Empat, menangani isu-isu berkaitan aduan penduduk kampung yang terlibat dari semasa ke semasa dan lima, pihak MRL atau Malaysia Rail Link perlu mendapatkan kelulusan dasar daripada Kerajaan Negeri Selangor dan seterusnya mengemukakan permohonan rundingan projek kerajaan di bawah Seksyen 20(a) Skta Perancangan Bandar dan Desa 1976. Tuan Speaker bagi projek High Speed Rail (HSR) Kuala Lumpur ke Singapore. Projek tersebut merupakan projek kerajaan persekutuan yang akan melalui beberapa kawasan di Negeri Selangor. Pemakluman berkenaan projek ini telah di bantangkan kepada Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Selangor yang ke 21/2016

pada 23 Jun 2016 oleh MySHR Corp berdasarkan keputusan MMKN tersebut yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 22/2016 pada 13 Julai 2016, MyHSR hanya dibenarkan untuk mengemukakan permohonan di bawah seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi membolehkan kajian tapak dibuat. Di peringkat kerajaan negeri pelaksanaan projek-projek infrastruktur dan pengangkutan awam yang berimpak tinggi perlu mematuhi peruntukan seksyen 20(a) Akta Perancang Bandar Dan Desa serta peraturan-peraturan lain yang ditetapkan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menjamin kepentingan dan kesejahteraan rakyat negeri Selangor. Ianya selaras dengan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil.1/2015 yang bersidang pada 12 Februari 2015 yang menekankan bahawa kerajaan negeri Selangor telah membuat ketetapan bahawa projek-projek pembangunan infrastruktur seperti lebuh raya, LRT, MRT, *rail* berkelajuan tinggi ataupun HSR, talian voltan tinggi, jana kuasa dan lain-lain projek berskala besar serta melibatkan implikasi kepada alam sekitar serta penduduk perlu melalui proses rundingan dengan kerajaan negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Perancang Negeri. Berhubung dengan bantahan-bantahan terhadap projek yang akan dilaksanakan kerajaan negeri telah mengemukakan semua bantahan yang dibangkitkan oleh para penduduk di kawasan yang terlibat dengan jajaran My HSR untuk diteliti dan diberikan maklum balas sewajarnya oleh pihak My HSR selaku pemaju projek. Manakala merujuk kepada perkara berkaitan jumlah rumah yang terlibat mahupun nilai pampasan yang akan diterima penduduk, perkara ini hanya akan dapat dilaksanakan setelah lot-lot yang terlibat dengan cadangan jajaran dikenal pasti iaitu setelah pembentangan mengenai hasil kajian tapak dibuat oleh HSR kepada kerajaan negeri Selangor.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN : Penjelasan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ya.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN : Atas penjelasan daripada YB EXCO tentang projek *High Speed Rail*, HSR yang akan yang dicadangkan oleh Kerajaan Persekutuan. Semaklum saya projek ini adalah merupakan projek penswastan yang akan dilaksanakan sepanjang 350km dan kita juga kita diberitakan bahawa kelajuan projek kereta api tersebut adalah akan mencapai selaju 350km/j. Jadi saya ingin kepastian tadi kerajaan negeri telah pun mengemukakan syarat agar untuk membolehkan HSR ini melaksanakan kerja-kerja seterusnya untuk melalui seksyen 4 tentang pengambilan tanah. So, apakah status sekarang ini tentang seksyen 4 ini dilaksanakan oleh pihak pemaju ataupun pihak HSR.

27 MAC 2018 (SELASA)

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ya, untuk maklumat Yang Berhormat, tanah yang terlibat adalah dalam sekitar 399 lot dan belum dimuktamadkan lagi oleh itu tidak dapat saya memberi jawapan yang teliti.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN : Tambahan sikit, tambahan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ya.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN : Ini adalah merupakan satu projek mega bagi saya. Saya juga mengharapkan supaya dalam isu ini soal mengambil pengambilan tanah penduduk atau khususnya mereka yang telah pun menetap di kawasan penduduk yang lama telah lama asal khususnya kawasan-kawasan penempatan Melayu di sana. So, saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mengambil kira tentang untuk meletakkan syarat supaya pihak pemaju menyediakan bukan sahaja pampasan tetapi ianya menyediakan suatu lokasi dan penyelesaian secara menyeluruh kepada penduduk terlibat supaya walaupun inginkan projek ini di lakukan secara lancar. Kita tidak mahu hanya kita memikir tentang soal pampasan tentang wang ringgit mungkin dan hasilnya nanti kita walaupun pampasan ini dapat dilaksanakan tetapi ianya tidak mampu untuk menyelesaikan masalah yang sebenar yang akan berlaku di kemudian hari kepada penduduk terlibat. Terima kasih.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Yang Berhormat, bantahan penduduk daripada Desa Bestari dan Kampung Datuk Abu Bakar Baginda dan juga ada bantahan daripada Bukit Unggul Golf and Country Club. Dan kesemua ini akan sedang dalam proses pihak HSR telah mengemukakan permohonan kepada JKPTG dan untuk semakan pemeriksaan awam telah pun diadakan dari 1 November 2017 hingga Januari 2018. Selebih itu perkara itu masih lagi dalam semakan dan kajian. Sudah tentu kalau mengikut akta pengambilan tanah, tanah yang diambil akan diberikan pampasan yang sewajarnya dan sekiranya penduduk tidak berpuas hati dengan jumlah yang ditawarkan mengikut nilai pasaran maka mereka berhak untuk mengemukakan rayuan ke mahkamah tinggi.

Ya, Yang Berhormat Tuan Speaker saya akan terus kepada perkembangan perkhidmatan Bas Smart Selangor di mana Tuan Speaker setakat jumlah setakat daripada 1 Julai 2015 apabila perkhidmatan Bas Smart Selangor dimulakan hinggalah 28 Februari 2018, sejumlah *rider shipnya* yang tercapai adalah 17,711,793 dan ini merupakan satu pencapaian yang menggalakkan. Pada tahun 2015 dalam tempoh 6 bulan jumlah *rider ship* atau penumpang dalam 546,661 bagi tahun 2016 jumlahnya adalah 4,163, 654, tahun 2017 10,660,051 penumpang dan bagi tahun 2018 sehingga

27 MAC 2018 (SELASA)

28 Februari adalah 2,341,427 penumpang. Bererti angka ini kalau mengikut kadar ini pada akhir tahun ini jumlahnya sudah tentu melebihi 14 juta dan pihak Kerajaan Negeri mengharapkan kita dapat mencapai sasaran 20 juta pada akhir tahun ini. Dan bagi jumlah bas. Bagi tahun 2017 sehingga September 24, 2017 sejumlah 100 bas telah pun disediakan di seluruh Selangor dengan jarak yang dilalui oleh bas adalah sepanjang 938.49 kilometer. Dan bagi tahun ini dijangkakan setakat ini sebelas laluan telah pun diluluskan dan juga dijangkakan 33 bas yang baru akan disediakan ke di atas 11 laluan yang telah pun dicadangkan dan jumlah anggaran kos adalah 11,729,430 dan terdapat juga pindaan kepada laluan yang sedia ada iaitu di Majlis Perbandaran Sepang tidak ada kos yang terlibat dan tidak ada penambahan bas dan di Majlis Daerah Kuala Selangor ada pindaan kepada laluan sedia ada juga tanpa kos. Tuan Speaker, berkenaan dengan pelaburan.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Speaker sebelum EXCO berpindah ke topik yang lain mengenai bas ini. Bagaimana tentang MPK saya tengah menunggu yang disebutkan tadi tidak melibatkan Majlis Perbandaran Klang adalah penambahan dan ada tak yang masuk Selat Klang. Sebab *so far* ni tak ada.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ya Tuan Speaker. Untuk ini untuk Klang, Majlis Perbandaran Klang. Ada satu permohonan daripada Klang tetapi belum lagi diluluskan setakat ini bagi Klang laluan adalah MPK 1 dan laluan MPK 2, keseluruhannya 8 bas dan meliputi jarak sejauh 27.9km. Itu adalah setakat 2017. Di Klang minta maaf ada satu laluan baru melibatkan empat bas tetapi malangnya tidak melibatkan kawasan Selat Klang kerana setelah mengkaji keperluan kawasan yang terlibat meliputi Jalan Kebun dan di juga Seri Andalas. Jadi kita akan, kita berharap pada tahun hadapan bila kita kembali ke sini atau selepas Jun kita boleh menyediakan peruntukan untuk memberikan perkhidmatan di kawasan Yang Berhormat Selat Klang pada tahun hadapan.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Tuan Speaker, oleh kerana jawatan ketiga adalah satu-satu produk kerajaan Negeri Selangor dan ianya adalah melibatkan laluan kenderaan yang begitu banyak dan takkan lah tak boleh lalu situ dekat sahaja dengan MPK tu?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ya Yang Berhormat, Kerajaan Negeri meluluskan laluan ini bergantung kepada kajian yang dibuat oleh Majlis Perbandaran Klang jadi yang Berhormat perlu meyakinkan pihak Majlis Perbandaran Klang bahawa laluan yang dicadangkan itu adalah sesuai dan memberi keperluan yang disebutkan tadi. Jadi kita akan melihat kepada laporan daripada Majlis Perbandaran Klang. Ya Tuan Speaker, bagi prestasi pelaburan Negeri Selangor bagi tahun 2008 hingga 2017 jumlah projek

yang diperolehi dalam sepuluh tahun ini adalah 2,543 projek dan peluang pekerjaan yang berjaya diwujudkan adalah 200,004,301. Pelaburan tempatan berjumlah 45 bilion dan sementara itu pelaburan asing berjumlah 42 bilion dan jumlah modal pelaburan keseluruhannya adalah RM88 bilion. Dan berdasarkan nilai pelaburan Selangor menduduki tempat tangga kedua selepas Negeri Johor yang mencatatkan nilai pelaburan berjumlah RM150 bilion. Namun Selangor mencatatkan bilangan projek tertinggi dan potensi peluang pekerjaan yang terbanyak berbanding dengan negeri lain dengan 2,553 projek perkilangan dan 202,301 potensi peluang pekerja. Tuan Speaker secara dasarnya portfolio Jawatankuasa Tetap Pelaburan sentiasa bergerak aktif bagi menarik pelaburan dan meningkatkan pertumbuhan sektor perindustrian di Negeri Selangor menerusi *Invest Selangor* selaku agensi penggalakan pelaburan negeri dalam merangka hala tuju pembangunan pelaburan dan pembangunan perindustrian di negeri Selangor. Jawatankuasa ini melalui *Invest Selangor* telah menerbitkan *Selangor Industrial Master Plan* yang dijadikan sebagai rujukan dan panduan bagi membangunkan sektor perindustrian di Negeri Selangor. Menerusi berbagai program promosi dan aktiviti penggalakan pelaburan yang dilaksanakan membolehkan Kerajaan Negeri mengekalkan kadar pencapaian nilai pelaburan sebanyak lebih kurang RM6 bilion yang disasarkan setiap tahun dalam sektor perindustrian. Pencapaian terbesar bagi tempoh 2013 hingga 2017 adalah seperti berikut:-

- 1) Pelaburan oleh UMW Toyota bagi membangunkan kilang pengeluaran kereta di Shah Alam dengan nilai pelaburan berjumlah RM2 bilion.
- 2) Pelaburan oleh *UMW Aerospace* bagi membangunkan kilang pengeluaran *fan casing* untuk enjin pesawat 787 di Serendah dengan nilai pelaburan RM830 juta dan
- 3) Keputusan membangunkan pusat pergudangan dan pengedaran ketiga terbesar di dunia oleh Ikea dengan nilai pelaburan berjumlah RM1 bilion. Sekian sahaja terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Baiklah Ahli-Ahli Yang Berhormat, jam telah menunjukkan pukul 5.00 petang maka saya tangguhkan Dewan sehingga hari esok, Rabu jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 5.00 petang)